

Jilid IV
No. 42



Hari Juma'at
23hb Februari, 1968

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGKAL KEEMPAT
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
6217]**

**RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUA-
RAT [Ruangan 6237]**

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1968 [Ruangan 6237]

Jawatan-kuasa—

Kepala² 100, 118 dan 150 [Ruangan 6286]

**Kepala² 102, 127, 128, 130, 131 dan 132 [Ruangan
6317]**

THE
OFFICE OF THE
SECRETARY OF THE
NAVY
WASHINGTON, D. C.

TO THE
HONORABLE
MEMBERS OF THE
NAVY

OF THE
UNITED STATES

OF THE
NAVY

OF THE
UNITED STATES

OF THE
NAVY

OF THE
UNITED STATES

OF THE
NAVY

OF THE
UNITED STATES

OF THE
NAVY

OF THE
UNITED STATES

OF THE
NAVY

OF THE
UNITED STATES

OF THE
NAVY

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Juma'at 23hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 9.30 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,
S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Pulau Pinang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.,
(Sarawak).
- „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).

- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jejebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

Yang Berhormat TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).

„ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).

„ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).

„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasar Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal
Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO'
HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

„ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).

„ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

„ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN
AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

„ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

„ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

„ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).

„ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).

„ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ DATIN HAJIAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johore Bahru Timor).

„ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johore Tenggara).

Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

Yang Berhormat DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
 „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
 „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
 „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
 „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
 „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
 „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
 „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
 Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
 „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johore Bahru Barat).
 „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
 „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
 „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
 „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
 „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
 „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
 „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

CHADANGAN MENGADAKAN PERTUKARAN GURU², PELAJAR² DAN AHLI² TEKNIK DI-ANTARA RUSSIA DENGAN MALAYSIA

1. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Luar Negeri ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengadakan pertukaran guru², pelajar² dan ahli² teknik di-antara Russia dengan Malaysia memandang bahawa negara Russia ini ia-lah sa-buah negara yang amat maju dalam lapangan sains dan teknik.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk meng-

galakkan perhubungan yang erat antara Malaysia dengan negara² yang mempunyai perhubungan dengan kita, dan kita sekarang telah pun mempunyai perhubungan diplomatik antara Russia dan pertukaran² lawatan pelajar², orang² ahli bijak pandai, di-antara negeri ini dengan Russia ada-lah salah satu jalan dalam usaha mengeratkan lagi perhubungan yang sedang ujud sekarang ini dan Kerajaan akan menimbangkan perkara ini demi kepentingan negara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Soal tambahan. Berbangkit daripada jawapan pertukaran programme pelajar², guru² dan juga orang cherdek pandai dengan Russia, dan Kerajaan sedang menimbangkan perkara itu pada masa ini, ada-kah Kerajaan akan memasukkan sama orang² dari pihak Pembangkang dalam lawatan itu?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya minta penjelasan lebih lagi daripada Yang Berhormat atas ma'ana kata

Pembangking—saya tidak berapa faham.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris Pembangking ini Opposition.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak penjelasan dalam bahasa Inggeris; penjelasan dalam bahasa Melayu yang menerangkan lebih ma'ana, tujuan perkataan Yang Berhormat itu berkata "pembangking"—pembangking ma'ana dalam Dewan ini-kah?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Pembangking sa-bagai Member Parlimen. Saya berchakap Ahli Dewan-lah; outside, di-luar itu kutu jalan punya. Ini Parlimen.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat chuma mengatakan perkataan "pembangking". Pembangking itu banyak ma'ana-nya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Yang saya maksudkan Pembangking dalam Dewan ini. Ada-kah Kerajaan akan mengirimi pergi bersama?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Kerajaan akan menimbangkan perkara itu.

LANGKAH KERAJAAN UNTUK MENGELAKKAN WANG² PALSU SIAM MELALUI MALAYSIA

2. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan sedar ia-itu mengikut siaran² akhbar, wang² palsu Siam di-chap di-Negara Singapura dan di-seludupi masuk ka-Siam melalui Malaysia, jika benar, apa-kah langkah yang Kerajaan telah ambil atau pun sedang ambil untuk mengelakkan Malaysia dari terlibat dalam gerakan penyeludupan ini.

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh): Tuan Yang di-Pertua, tidak shak lagi Ahli Yang Berhormat itu bertanya atas dasar laporan Reuter dalam sa-buah surat khabar Malaysia, terbit pada 17hb November tahun lepas

yang memetek dari satu puncha di-Bangkok. Puncha tersebut mendakwa bahawa wang² kertas Thai telah diseludupkan masuk ka-dalam Thailand melalui sempadan Malaysia. Saya tidak sedar perbuatan² ini ada berlaku dan pehak² berkuasa yang berkenaan di-Malaysia tidak ada bukti yang menunjokkan benar-nya laporan surat khabar tersebut. Jika perbuatan² salah itu ada di-lakukan, maka Kerajaan Malaysia tentu-lah akan mengambil segala tindakan yang boleh untuk menghentikannya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri Kewangan sedar bahawa ada terdapat wang² Malaysia yang palsu, yang di-chetak di-Thailand, wang² itu jarang datang ka-Malaysia, tetapi di-gunakan sa-bagai pertukaran black market di-sempadan Perlis dengan Siam. Ada-kah Kementerian sedar hal ini?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan saya pun, dan Menteri Kewangan pun tidak sedar perkara ini, tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada bukti, silalah beri tahu kepada Kementerian saya maka Kementerian saya boleh ambil tindakan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang terakhir. Ada-kah Kerajaan hanya akan menyiasat apabila dapat bukti² daripada Wakil Bachok sahaja atau pun Kerajaan akan menyiasat sendiri apabila saya mengutarakan perkara ini.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini daripada Ahli Yang Berhormat dari Bachok, saya kehendakkan Ahli Yang Berhormat dari Bachok berikan kepada saya bukti-nya. Jikalau ada apa yang lain saya tidak sedar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Masaalah dalam Dewan kita bukan masaalah Bachok. Saya sudah dapat ma'lumat² boleh jadi tidak betul atau betul. Saya utarakan kepada Menteri ini, ia-itu sudah ada khabar² yang duit palsu ini (duit² Malaysia) di-chetak di-Negeri Thai dan duit itu di-gunakan

dalam pertukaran dia tidak masuk dalam bank kita di-sini. Ada-kah Menteri menyiasat perkara ini atau hendak menunggukan bukti daripada saya dahulu?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, berita² ini tidak tentu-lah berita angin; jikalau berikan bukti dengan saya, boleh-lah saya menyiasat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya sedia hendak tunjukkan satu puncha sekarang.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat berikan bukti kepada saya, wang palsu itu, boleh-lah saya menyiasat, mesti menyiasat untuk negara. Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Bachok beri berita² angin sahaja, mengapa pula hendak buat soalan itu?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah saya kemukakan supaya Menteri Yang Berhormat ini berunding dengan orang yang bertanya, ia-itu Tuan Haji Mokhtar bin Ismail.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang sebut tadi, saya kurang faham.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya faham daripada Menteri dia meminta saya tunjok satu jalan yang boleh pergi kepada menyiasat. Saya tunjukkan supaya Yang Berhormat Menteri berunding dengan Tuan Haji Mokhtar yang bertanya ini. (Ketawa).

MENGAJAR BAHASA RUSSIA DI-SEKOLAH² MALAYSIA

3. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) mengapa-kah Kerajaan tidak juga memasukkan bahasa Russia sa-bagai salah satu bahasa yang akan di-ajar di-sekolah² di-Malaysia disamping bahasa Peranchis;
- (b) ada-kah Kerajaan sedar yang bahasa Russia ini ia-lah satu bahasa antarabangsa yang amat berguna dalam lapangan sains dan teknik, dan di-Universiti kita pun ada di-ajar bahasa ini, jadi masa-lah guru tidak timbul.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jawapan (a) pada masa ini belum lagi ada kemudahan untuk mengajar bahasa Russia di-sekolah² kita. Apabila sampai masa-nya nanti perkara ini boleh-lah di-timbangkan.

(b) Kerajaan sedar tentang guna-nya bahasa Russia, tetapi suka saya mena-iek perhatian bahawa bahasa Russia yang di-ajar oleh Universiti Malaya itu ada-lah sa-bagai kursus Certificate of Proficiency dan bukan-lah sa-bagai satu mata pelajaran penuh di-dalam mana mahasiswa² akan memperolehi ijazah. Dengan demikian soal kekurangan tenaga guru akan menjadi satu soal yang besar di-dalam melaksanakan bahasa Russia sa-bagai satu mata pelajaran di-sekolah².

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah pihak Kementerian Pelajaran berchadang untuk menimbangkan supaya bahasa Arab boleh di-jadikan satu mata pelajaran bahasa asing di-sekolah².

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, bahasa Arab itu telah di-pelajari di-sekolah² ugama. Semua orang kita sa-bagai ahli Islam memang-lah fahamkan bahasa ugama. Jadi, bahasa ugama itu menggunakan bahasa Arab. (Ketawa).

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya maksudkan menjadi suatu bahasa yang kedua, kerana sekarang bahasa Inggeris dan bahasa Peranchis juga akan di-jadikan bahasa asing akan di-ajar di-sekolah² Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan. Saya bertanya ada-kah Kementerian ini akan menimbangkan bahasa Arab juga di-ajar di-sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan sa-bagai satu mata pelajaran asing sa-lain daripada sekolah ugama?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, bahasa² yang mustahak sekarang kita telah mempelajari di-semua sekolah—jikalau murid² kita boleh mempelajari bahasa yang lain seperti bahasa Peranchis, bahasa Arab dan kita akan mulakan itu. Jadi, perkara ini sedang mendapat perhatian daripada Kementerian saya.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Menteri Muda Pelajaran tadi, apa-kah yang menjadi keutamaan di-dalam pemilihan bahasa Inggeris mendapat tempat yang kedua daripada di-ambilkan bahasa Arab untuk mendapat tingkat yang kedua untuk mempelajari bahasa² di-dalam negeri ini yang ada hubungan-nya dengan ra'ayat dalam negeri ini di-antara bahasa Inggeris dengan bahasa Arab?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, bahasa Inggeris ia-lah satu bahasa international. Ahli² Yang Berhormat kita di-dalam Dewan ini, telah tahu apa-kah dasar Pelajaran, dan orang² di-luar memang sedar bahasa Inggeris yang satu bahasa international. Oleh sebab itu-lah Kementerian saya telah mengambil Bahasa English, sa-bagai bahasa yang kedua di-dalam dasar pelajaran sekarang.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Soalan tambahan. Saya bukan menanyakan bahasa Inggeris, tetapi saya tanyakan bahasa Arab di-perbanding dengan bahasa Peranchis. Jadi, hubungan-nya yang di-pilih oleh Kementerian, ini bahasa Peranchis sa-bagai bahasa yang kedua penting-nya dalam negeri ini, mengapa-kah pemilihan itu kena kepada bahasa Peranchis tidak kepada bahasa Arab, padahal pada pandangan saya kedudukan bahasa Arab bagi ra'ayat dalam negeri ini lebih dekat daripada bahasa Peranchis—itu sahaja pertanyaan saya.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ini-lah satu fikiran dari Ahli Yang Berhormat daripada sa-belah sana. (Ketawa).

BILANGAN PEGAWAI² KEMENTERIAN DAN AHLI² PARLIMEN YANG MENGHADHIRI PERSIDANGAN² DI-LUAR NEGERI (TAHUN 1964, 1965, 1966 dan 1967)

4. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) berapa bilangan pegawai Kementerian ini yang telah di-hantar ka-luar negeri untuk menghadhiri persidangan² dan sa-bagai-nya

dalam tahun 1964, 1965, 1966 dan 1967;

- (b) berapa banyak wang yang telah di-belanjakan bagi maksud ini;
- (c) berapa kali Ahli² Pembangkang telah di-bawa dalam rombongan² ka-luar negeri;
- (d) jika tiada Ahli² Pembangkang di-bawa bersama² dalam rombongan² itu, ada-kah Kerajaan akan menimbang berbuat demikian pada masa hadapan.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian (a) di-dalam tahun 1964—18 pegawai; dalam tahun 1965—13; tahun 1966—19; tahun 1967—26; (b) perbelanjaan yang di-gunakan oleh pegawai² di-dalam tahun 1964, \$81,431.57; tahun 1965, \$43,238.54, tahun 1966, \$76,836.80, tahun 1967, \$112,509.11; jawapan bahagian (c) tidak; bahagian (d) semua persidangan ini ada-lah berkaitan dengan perkara teknikal atau ekonomi dan biasa-nya di-hadhiri oleh pegawai² yang pakar dalam perkara yang di-binchangkan dalam persidangan itu. Lazim-nya, Ahli² Parlimen tidak di-jemput bersama dalam rombongan ka-persidangan² tersebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: Lazim-nya pehak² Pembangkang dan boleh jadi juga Ahli² Parlimen tidak di-bawa oleh kerana perkara ini perkara teknik dan expert, tetapi yang saya bertanya di-sini pada masa yang akan datang, bukan yang sudah², ada-kah hendak di-timbang perkara ini?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, ini-lah dasar Kerajaan. Jikalau sa-kira-nya meshuarat² ini ada atas subjects² economic dan teknikal, tidak payah-lah bawa Ahli Parlimen.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan implication pertanyaan Ahli dari Bachok ini bahawa ia ini sa-orang pakar perdagangan. Jadi, pada masa yang akan datang, jikalau Ahli dari Bachok ini mengakui diri-nya pakar perdagangan, ada-kah pehak Yang Berhormat Menteri bersedia menimbangkan dia menerima sa-bagai

sa-orang pakar perdagangan untuk di-hantar keluar negeri

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya Ahli dari Bachok sunggoh-nya satu pakar ekonomi, tidak payah juga saya hendak bawa dia.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan, kalau-lah Ahli dari Bachok dapat menyeberang ka-sa-belah sini, ada-kah ini menyenangkan dia di-pilih sa-bagai sa-orang daripada rombongan?

Dr Lim Swee Aun: Itu harapan dia (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya keluar daripada Perikatan, bukan saya hendak masuk—saya keluar. Saya jadi Ahli dalam Perikatan dahulu daripada Ahli Kuala Trengganu Utara. Dia duduk mengaji lagi saya sudah jadi orang kuat Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa kena-mengena dengan soal ini. (*Ketawa*).

BILANGAN SURAT RAYUAN DAN ADUAN DI-TERIMA MENERUSI PETI SURAT 8000

5. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan :

- (a) berapa bilangan surat rayuan dan aduan yang di-terima oleh Kementerian ini menerusi Peti surat 8000;
- (d) sama ada aduan² itu boleh menolong Kementerian ini dalam tugas²-nya.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima 241 puchok surat² aduan dan rayuan daripada orang² ramai melalui Peti Surat Pejabat Pos 8,000 semenjak ia di-mulakan dalam bulan Januari, 1964; sa-banyak 70% daripada aduan² yang di-terima ada kena-mengena dan berguna kepada Kementerian saya dalam usaha-nya untuk memelihara harga² barang keperluan hari² ka-harga yang berpatutan.

Sa-paroh dari aduan² itu tidak ada kena-mengena dengan pekerjaan Kementerian saya, seperti aduan tambang bas. Di-dalam penyiasatan kita, ada juga di-dapati aduan² yang samata² di-buat oleh orang yang iri hati dan hendak membalas dendam.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, daripada 70% yang di-aku² oleh Yang Berhormat Menteri surat² itu memberi guna kepada Kementerian ini, apa-kah tindakan² yang telah di-buat terhadap perkara² ini—any action taken?

Dr Lim Swee Aun: Ya, tindakan telah di-ambil, beberapa buah kedai² telah di-siasat dan juga amaran telah di-beri kepada penjual² yang tidak faham atas undang² Kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah orang² yang di-beri amaran itu di-hadapkan ka-Mahkamah?

Dr Lim Swee Aun: Di-dalam ini 241 surat², tidak ada satu yang di-bawa kepada ka-Mahkamah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang terakhir. Jika sa-kira-nya 70% daripada 241 surat itu berguna kepada Kementerian ini, tetapi tidak ada sa-orang pun yang di-bawa ka-Mahkamah, apa-kah arti-nya tindakan Kerajaan di-atas benda yang berguna itu?

Dr Lim Swee Aun: Surat yang 70% itu yang berguna ada berguna di-dalam banyak segi, bukan sahaja hendak menangkap orang di-bawa ka-Mahkamah?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya mengakui ada banyak segi, tetapi yang saya tanya ada-kah di-antara itu di-bawa ka-Mahkamah dan jika tidak, mengapa?

Dr Lim Swee Aun: Soal itu sudah di-jawab—tidak ada.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Dan mengapa tidak di-bawa?

Dr Lim Swee Aun: Sebab dia tidak langgar undang² negeri. Ini bukan PAS—tangkap orang sahaja (*Ketawa*).

JAWATAN-KUASA PENASIHAT TERHADAP HARGA BARANG KEPERLUAN HARI²

6. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah yang telah di-chapai oleh:

(a) Jawatan-kuasa Penasihat mengenai Harga dan Barang² Mustahak;

(b) the Price Control Ordinance, 1946, untuk menahan kenaikan harga barang².

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Jawatan-kuasa Penasihat harga barang keperluan hari² telah mengadakan enam meshuarat untuk mengkaji keadaan penawaran dan permintaan mengenai 14 barang keperluan hari² dan untuk menchari jalan hendak mempertahankan kenaikan harga barang² itu. Jawatan-kuasa ini telah pun mengeluarkan surat² kepada semua pengilang², pengimpot² dan pemborong² barang² keperluan hari² untuk mendapatkan jaminan bahawa barang² yang di-buat oleh kilang² ada juga menchukupi, barang² yang di-impot ada-lah di-impot dalam masa yang tertentu dan barang² itu di-edarkan dengan chukup-nya kepada ajen² dan penjual² runchit, supaya kenaikan harga barang² ini jika ada dapat di-kawalkan. Kerjasama² yang di-beri oleh perdagang² sangat² lah memuaskan. Harga barang² keperluan hari² selalu-nya naik dalam masa perayaan saperti Hari Raya, Tahun baharu China, Depavali dan Krismas, tetapi dengan ada-nya usaha² yang di-ambil oleh Jawatan-kuasa ini harga barang² keperluan hari² ini tidak naik pada masa perayaan baharu² ini. Dengan ini di-nyatakan Jawatan-kuasa ini telah menunaikan tanggung jawab-nya. Sa-bagai langkah untuk menche-gah pedagang² membuat keuntungan yang berlebihan² ka-atas barang keperluan hari². Kementerian saya telah mengeluarkan perintah PU 271/67 di-bawah Undang² Kawalan Harga, the Price Control Ordinance, tahun 1946, yang di-wajibkan semua penjual² runchit menunjokkan tanda harga barang² runchit² itu di-guni², di-karong², di-mana barang² runchit itu di-letakkan. Barang² yang berkenaan ada-lah saperti berikut: beras, gula, tepong gandum,

minyak masakan. Semenjak perintah ini di-kuat kuasakan di-dalam bulan Jun, tahun 1967, pegawai² Kementerian saya telah pun membuat lawatan untuk memereksa kedai² di-seluruh negeri dan sukachita saya mema'alumkan bahawa kebanyakan penjual² runchit telah mematohi perintah itu dan hanya satu penangkapan telah di-buat oleh Kementerian ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa akibat daripada mengenakan Undang² ini banyak penjual² melarikan barang² dan menjual dengan chara pasaran gelap (*black market*). Dia takut hendak menjual dengan harga yang biasa terang², dan dia jual dengan *black market*.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak sedar ada-kah tidak pasaran gelap di-adakan oleh sebab Undang² ini. Tetapi oleh sebab ada Undang² ini, barangkali boleh ada pasaran gelap.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, mengapa-kah hanya satu tangkapan sahaja berlaku semenjak Undang² ini berjalan? Adakah erti-nya orang betul² ta'at atau pun Kementerian ini tidak mempunyai usaha yang lebeh, hanya dia dapat tangkap satu sahaja?

Dr Lim Swee Aun: Satu sahaja kita tangkap, oleh sebab kita dapat chukup bukti dan patut di-tangkap. Lain²-nya tidak chukup bukti, kita tidak boleh tangkap.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, yang dapat bukti itu di-tangkap; yang lain itu tidak ada bukti, maka tidak di-tangkap. Berapa banyak-kah kedai² yang terlibat atau penjual² yang terlibat, tetapi tidak ada bukti—berapa banyak?

Dr Lim Swee Aun: Tidak berapa banyak.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, dalam menghadapi kenaikan harga barang² keperluan hari² ini, Yang Berhormat Menteri ada memberi

amaran beberapa kali hendak menjalankan kuat-kuasa Supply Act, 1963, tetapi belum pernah sa-kali pun dilaksanakan kuat-kuasa Supply Act, 1963 ini: kenapa-kah Supply Act 1963 ini tidak di-kuat-kuasakan perjalanan-nya?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, satu sebab-nya bahagian² di-dalam Price Control Act itu tidak di-kuat-kuasakan kerana tadi Ahli Yang Berhormat telah berchakap, dan barang-kali sa-kira kita ada price control pasar gelap lagi bertambah dan ra'ayat tidak dapat faedah, dan susah boleh dapat beli barang² atas price control.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tentang Supply Act, 1963, bukan tentang Price Control Act, Supply Act, 1963 yang tidak di-laksanakan kuat-kuasa-nya—kenapa?

Dr Lim Swee Aun: Supply Act telah di-jalankan dengan kuat-kuasa, sudah ada jalan.

Tuan Aziz bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pemeriksaan yang di-lakukan oleh pegawai² ini termasuk ka-kampong² yang dalam ia-itu ka-kampong² di-kawasan luar bandar atau pun dalam bandar² sahaja?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua; Pegawai² Kementerian saya telah melawat dalam kampong juga, tetapi bukan semua kampong.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Supply Act, 1963, tadi ini di-jalankan kuat-kuasa-nya dengan sa-chara diam-kah atau dengan sa-chara Gazette sa-hingga Ahli² Perikatan sendiri pun tidak tahu perkara ini?

Dr Lim Swee Aun: Kalau satu Act atau Undang² di-jalankan dengan kuat-kuasa itu mesti di-Gazette dahulu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pehak Menteri Perdagangan dan Perusahaan sedar bahawa pehak penjual² ini tidak dapat mematohi harga kawalan dengan sa-penoh-nya oleh kerana pehak Kerajaan telah menaikkan chukai, itu-lah yang menjadi sebab musabab-nya maka

pehak penjual² tidak dapat mematohi kehendak harga kawalan itu.

Dr Lim Swee Aun: Kita tidak ada harga kawalan.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Perdagangan ini sedar atau tidak akibat daripada kenaikan chukai sa-tengah² barang² maka di-gunakan-lah kenaikan barang yang tempat lain itu untuk kenaikan barang² yang mustahak bagi ra'ayat ramai di-kampong yang tidak tahu perkara ini, maka mereka itu terjerat-lah dengan terpaksa membeli barang² itu, walau pun barang² itu barang² yang tidak mustahak dan tidak di-naikkan chukai-nya. Apa-kah Menteri ini mengambil tindakan perkara ini, membuat penyelidikan atau pun menghantar pegawai-nya untuk memeriksa tiap² bandar, kampong² yang ada di-negeri ini?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, tiap² kenaikan chukai bukan-nya satu peluang hendak memberikan penjual² menaikkan harga barang² dan jika sa-kira-nya ada perkara begitu di-mana penjual² menaikkan harga dengan tidak berpatutan, saya harap bukan sahaja Kerajaan, tetapi Ahli² Pembangkang juga boleh menolongkan Kerajaan beri keterangan yang chukup kepada ra'ayat.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini memberi satu panduan atau penerangan kepada orang ramai supaya orang ramai itu dapat memberi kerjasama dan pertolongan kepada Jawatan-kuasa Pengawalan Harga Barang² ini?

Dr Lim Swee Aun: Saya harap semua orang ramai boleh beri pertolongan kepada Jawatan-kuasa ini dan juga kepada Kerajaan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mengenai harga beras saya dapati harga beras di-Kuala Lumpur ada lebih murah daripada di-Kuala Trengganu, jadi tidak-kah dapat di-kawal harga ini sa-hingga harga-nya tidak begitu rupa?

Dr Lim Swee Aun: Harga beras kalau tinggi di-Kelantan atau pun Trengganu, ini barangkali oleh sebab

di-sana ada kurang keluaran beras dan sebab itu harga itu tinggi sedikit; tetapi di-dalam Kuala Lumpur ini, bandar besar, oleh sebab pertandingan hendak jual beras itu banyak, maka harga itu turun.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Ada-kah Menteri itu sedar bahawa kurang-nya kerjasama di-antara Ahli² Parlimen di-Trengganu, maka harga beras itu sudah naik tinggi daripada Kuala Lumpur, ada pun Kelantan dia self-sufficient.

Dr Lim Swee Aun: Jikalau satu negeri self-sufficient dalam beras, itu-lah tujuan Kerajaan. Malang-nya Kelantan belum self-sufficient.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Adakah Menteri sedar bahawa harga beras di-Bachok lebih mahal daripada di-Kuala Trengganu? (*Ketawa*).

Dr Lim Swee Aun: Petani² dalam Bachok jual padi-nya dengan harga tidak berpatutan (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi jawapan daripada Menteri Perdagangan dan Perusahaan mengatakan akibat daripada harga beras murah di-Kuala Lumpur, kerana ada-nya pertandingan—competition. Apa-kah Menteri Perdagangan dan Perusahaan akan memberi pertimbangan sa-kira-nya di-minta lesen² eks-pot beras dalam negeri Kelantan itu ditambah lagi daripada yang ada sekarang ini—lesen impot beras daripada luar negeri di-tambah lagi di-dalam negeri Kelantan?

Dr Lim Swee Aun: Lesen² mengimpot beras di-dalam negeri Kelantan, jika sa-kira-nya tidak ada tujuan hendak menyeludup beras daripada lain negeri, kita akan timbang, tetapi Ahli Yang Berhormat sedar di-dalam negeri Kelantan ada satu Jawatan-kuasa dimana Menteri Besar dan State Secretary dan C.P.O. menjadi satu jawatan-kuasa menyelidik tiap² permintaan sebelum permintaan itu di-hantar kepada Kementerian saya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri yang Berhormat sedar bahawa berlakunya terkadang² beras itu di-jual mahal

di-Bachok berbanding dengan Kuala Trengganu kerana beras² di-Bachok itu cukup tinggi mutu-nya dan orang Trengganu pun terpaksa pergi beli? (*Ketawa*).

Dr Lim Swee Aun: Pada saya sendiri, saya tidak tahu Bachok ada keluar padi atau tidak; Ahli Yang Berhormat kita dari Bachok kata-nya mutu beras yang keluar di-Bachok mutu-nya lebih tinggi, tetapi saya tidak tahu barangkali beras itu bachul juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu ma'lumat, ia-itu ada satu jenis beras yang di-namakan

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan-kah?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Hendak tambah-lah ini (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ma-lumat² itu, orang sini lebih tahu lagi nampak-nya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri ini sedar bahawa di-Bachok itu ada satu jenis padi dan beras-nya itu dekat² \$4 satu gantang oleh kerana di-buat nasi dagang, ada-kah Menteri itu dia tahu benda itu? (*Ketawa*).

Dr Lim Swee Aun: Jika sa-kira-nya ada padi sa-rupa itu, mengapa simpan dalam Bachok sahaja? Beri-lah orang lain tahu (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak simpan, tetapi orang takut hendak beli sebab harga tinggi dan mahal, baik mutu-nya; orang takut, orang hendak beli beras murah (*Ketawa*).

Dr Lim Swee Aun: Jadi, orang Bachok orang yang kaya sa-kali-lah? (*Ketawa*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Harga beras untuk nasi dagang chuma \$2.50 bukan \$4. Ahli dari Bachok ini tidak tahu harga, dia tidak dudok di-Bachok lagi—hendak lari.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soal tambahan-nya (*Ketawa*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, dia kata \$4 satu gantang bagi beras dagang.

Tuan Yang di-Pertua: Hala-nya bukan di-situ.

Wan Abdul Kadir: Saya tahu kedudukan di-Kelantan dan di-Bachok. Harga-nya \$2.50 bukan \$4—apa yang dia katakan itu tidak betul; dia tidak dudok di-Bachok lagi sekarang.

BILANGAN SEKOLAH² AKHLAK DAN ASRAMA

7. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am:

- (a) berapa bilangan sekolah² akhlak dan asrama² yang telah di-bena dan yang akan di-bena;
- (b) berapa orang kanak² mengikut bangsa yang telah di-hantar ka-sekolah² ini.

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Sekolah Pemulehan dan Asrama dan Rumah Tahanan bagi budak² jahat yang telah di-dirikan, ia-lah sa-bagai berikut:

Sekolah² Pemulehan—

- Sekolah See Lian Telok Ayer Tawar.
- Sekolah Laki² Sungai Besi.
- Sekolah Laki² Taiping.
- Sekolah Perempuan Sungai Lereh.
- Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.
- Sekolah Henry Gurney yang kedua di-Melaka.
- Sekolah Henry Gurney Perempuan, Batu Gajah.

Asrama² dan Rumah² Tahanan ada-lah seperti berikut—

- Asrama Pokok Sena di-Kedah.
- Asrama Paya Terubong di-Pulau Pinang.
- Asrama Silibin di-Perak.
- Asrama Sentosa di-Kuala Lumpur untuk laki².
- Asrama Bahagia di-Kuala Lumpur untuk Perempuan.
- Asrama Bukit Baharu di-Melaka.

Asrama Bukit Senyum di-Johor.

Asrama Kamarudin di-Trengganu.

Peruntukan telah di-buat di-bawah rancangan Malaysia yang pertama untuk membena sa-buah Sekolah Pemulehan yang baharu di-Pahang.

Sa-buah Asrama Rumah Tahanan untuk menggantikan Asrama Kamarudin yang ada di-Trengganu sekarang.

Sa-buah lagi sekolah sedang di-dirikan di-Ayer Keroh Melaka untuk memberi latihan pertanian.

Jumlah bilangan kanak² yang dimasukkan ka-sekolah² dan asrama² itu sejak di-tubuhkan ada-lah sa-bagai berikut:

Melayu	4,559
China	4,846
India	3,216
Lain ²	88
	12,709

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam memasukkan anak² kita di-sekolah akhlak ini apakah mata pelajaran yang di-ajar di-tempat itu, termasuk-kah pelajaran bertukang tangan?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, mata pelajaran yang di-beri di-situ ada-lah pelajaran biasa sa-bagai di-sekolah² biasa dan juga pelajaran pertukangan tangan ada juga di-beri.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah melanjutkan pelajaran di-sekolah menengah rendah kita di-kawasan² yang lain?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah dari-pada murid² ini ada-lah di-hantar pada sekolah biasa dan sa-tengah-nya di-bagi pelajaran di-situ juga. Jikalau mereka itu memenohi syarat untuk memasuki sama ada daripada segi umur atau pun daripada segi pengetahuan dia, kelulusan dia untuk masuk

sekolah menengah, perkara itu tentulah akan di-timbangkan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dari apa punca-nya Kementerian ini mengambil anak² kita yang jahat itu, ada-kah di-ambil daripada anak² di-bandar atau pun anak² daripada luar bandar?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Semua anak² yang menjalankan kesalahan yang berkehendakkan didekan umpama juga di-beri dalam sekolah itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya kanak² di-sekolah biasa ini enggan dia pergi sekolah, ada-kah ini juga yang layak masuk sekolah pemulehan akhlak itu?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tidak.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, sejak sekolah pemulehan akhlak ini ditubuhkan oleh Kerajaan sampai pada hari ini sudah berapa banyak-kah anak² kita sudah puleh seperti ra'ayat biasa dan memegang jawatan² tinggi di-dalam Kerajaan sampai hari ini?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, tujuan sekolah² ini ada-lah untuk memulehkan akhlak dan mereka itu ada di-situ bagi masa² yang tertentu, tetapi tidak ada angka² yang dapat saya beri pada masa ini berapa-kah telah puleh akhlak, kerana kalau masa dalam sekolah itu boleh jadi akhlak dia baik, bila dia keluar balek lepas itu, dia jadi jahat balek saya tidak dapat-lah hendak control.

LANGKAH² DI-AMBIL OLEH KERAJAAN TERHADAP BUDAK² MENJADI JAHAT SEBAB MEMBACHA BUKU² KOMIK DAN SA-BAGAI-NYA

8. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am ada-kah beliau bersetuju bahawa budak² menjadi jahat kerana banyak membacha buku² komik dan menengok wayang dan talivishen yang menggambarkan suasana jenayah dan jika demikian, apa-kah langkah² yang telah

di-ambil oleh Kerajaan supaya keadaan bagini tidak berlaku.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagitu bersetuju dengan Yang Berhormat itu bahawa budak² menjadi jahat kerana banyak-nya membacha buku² komik dan menuntun wayang dan talivishen yang menggambarkan suasana jenayah. Ada faktor² yang lain umpama-nya perasaan dan pengaruh di-sekeliling-nya yang mendorong pada kejahatan dan filem² dan komik² yang seperti itu kalau pun ada hanya mempengaruhi dengan sa-chara tidak langsung kepada kanak² yang sudah pun memang jahat atau pun bagi mereka yang terjurus kepada kejahatan. Kerajaan telah pun mempunyai badan² seperti Polis dan Lembaga Penapis untuk menentukan sesuai atau tidak-nya filem² dan buku² atau risalah² bagi orang ramai untuk mengawal moral masyarakat kita.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pengaruh filem "Samurai" telah menimbulkan satu kejadian atau peristiwa di-Pulau Pinang di-mana satu budak telah di-reportkan mati kerana main pedang.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, ada saya dengar cerita itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, ada-kah Menteri Yang Berhormat akan mengaku bahawa kematian itu akibat daripada filem "Samurai" dan apa-kah tindakan yang Kerajaan hendak ambil terhadap filem² yang sa-macam itu?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Satu perkara yang luar biasa telah terjadi, boleh jadi filem sa-umpama itu tidak akan menjadikan satu pengaruh yang boleh merosakkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sampai berapa banyak-kah budak² hendak mati kerana filem itu baharu hendak dikatakan luar biasa? Erti-nya di-Kelantan 10, di-Trengganu 10, merata² negeri sampai beratus, baharu hendak ambil tindakan?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Saya sudah beri tahu, ini satu budak dia main dengan satu orang yang lain, budak yang lain; jadi *accident* berlaku bukan sengaja oleh kerana filem itu—kalau lumpat parit pun jatuh ada orang yang mati (*Ketawa*).

Tuan Ahmad bin Arshad: Ada-kahe Kementerian ini dapat memberikan shor kepada Lembaga Penapis Filem kita supaya di-masa yang akan datang filem² yang di-tayangkan dalam negeri kita ini hendak-lah di-bataskan kepada anak² yang ada anak² yang layak menuntun filem itu, ada kanak² kita yang tidak layak?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya akan tmbangkan.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

THE WAGES COUNCIL (AMENDMENT) BILL

Rang Undang² The Wages Council (Amendment) Bill di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen Menteri Buroh; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua dalam meshuarat Majlis kali ini.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 10.10 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 10.45 pagi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula usul di-buat oleh Timbalan Perdana Menteri dan Masaalah di-chadangkan, supaya menurut Peratoran Meshuarat 67C usul yang berikut ini di-serahkan kepada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis:

Bahawa Dewan ini menetapkan ia-itu wang berjumlah tidak lebeh daripada \$887,981,619 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang

Pembangunan dalam tahun 1968, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan²-kepala yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Anggaran Pembangunan, 1968, yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 55 tahun 1967, maka jumlah² wang yang bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan²-kepala di-ruangan kelapan dan kesembilan itu ada-lah di-peruntokkan bagi tujuan masing²; dan dengan ini ketetapan yang di-luluskan oleh Dewan ini pada 13hb November, 1967, mengenai perbelanjaan yang di-bayar daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1968, ada-lah di-mansokhkan. (22hb Februari, 1968).

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I would like to reply to the observations made by the Honourable Member for Tanjong.

The original scheme was for six conventional deep water wharves with an estimated total capacity of one million tons of cargo per annum. In view of the development of container ships, it was decided to build 1,200 feet of wharf at the northern end to container ship requirements and to incorporate the necessary strength for container handling, and the three southern berths which had already been constructed remaining as conventional cargo berths. The Butterworth wharves will thus be able to handle 1.5 million tons of cargo per annum, that is .5 million tons over the southern berths and one million tons over the northern container section. There is no other place either on the island, or in the mainland, where separate container berths can be built.

Regarding his question on East-West Highway, the United Nations Transport Study Group is looking into the matter and their views will be included in the recommendations to be submitted to the Government in June.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab atas tegoran² yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, sa-benar-nya bukan-lah Pengu-rus Besar Keretapi hendak mem-pertahankan kedudukan kaki-tangan yang bukan warganegara itu. Beliau hanya-lah patoh kepada peratoran² dan dasar Kerajaan. Maksud beliau hanya-lah supaya jangan menimbulkan salah

faham di-antara pehak Kesatuan Pekerja Keretapi dengan Pentadbiran supaya suasana aman dan hubungan buroh dengan Pentadbiran yang jujur sekarang ini dapat di-pelihara. Masalah² kaki-tangan yang bukan warga-negara ini ada-lah masalaah dasar yang hanya dapat di-tentukan oleh Kerajaan dan bukan-lah dalam Keretapi sahaja terdapat kaki-tangan yang terdiri dari orang² yang bukan warganegara. Perlu saya sebutkan di-sini bahawa Pentadbiran Keretapi sentiasa menggalakkan kakitangan-nya yang bukan warga-negara memohon kera'ayatan negeri ini, umpama-nya pada 1hb November, 1959, terdapat sa-ramai 4,241 orang kakitangan yang bukan warganegara bekerja dengan keretapi. Sekarang ini dari jumlah lebeh kurang 2,000 kakitangan yang bukan warganegara itu tidak-lah di-ketahui berapa orang yang telah memohon kera'ayatan-nya atau pun yang di-luluskan permohonan mereka itu.

Mengenai perkara pekerja yang berchuti tiga bulan yang kemudian-nya berlanjutan hingga sa-tahun, kalau perkara ini yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara itu, pekerja yang berkenaan itu ia-lah sa-orang jaga. Beliau telah berchuti sa-lama tiga bulan, tetapi apabila tempoh tamat beliau tidak balek dan tidak masok bekerja sa-mula, Pentadbiran Keretapi telah memberi amaran kepada beliau, ia-itu jika beliau tidak pulang bekerja pada tarikh yang di-tentukan, beliau akan di-berhentikan daripada kerja-nya. Apabila beliau tidak juga pulang, maka pekerjaan beliau telah pun di-kosongkan, kerana beliau telah di-berhentikan. Sa-lepas satu tahun, beliau pulang sa-mula ka-negara kita lahu merayu kepada Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi memohon kerja-nya sa-mula. Rayuan itu telah di-timbang oleh Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi dan beliau telah di-putuskan di-terima balek bekerja.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam—saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh atas segala pujian terhadap pengangkutan darat atau pun udara, tetapi berkenaan dengan kende-

raan laut atau perkapalan itu patut di-galakkan dan di-jalankan dengan segera. Yang sa-benar-nya Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan Kementerian saya telah mengadakan sa-buah Jawatan-kuasa Pegawai yang hampir tiga tahun telah pun membahagi segala² pengalaman²-nya supaya menubuhkan sa-buah Sharikat Perkapalan Kebangsaan bahkan pehak Kerajaan telah pun menerima pada dasar-nya. Pada masa yang akhir² ini, oleh kerana soal dua buah kapal yang akan di-uruskan dengan Kerajaan Jepun sa-bagai sumbangan berkenaan perhubungan muhibbah, ini-lah barangkali yang menjadikan soal lagi supaya di-siasat lebeh dalam lagi perkara ini.

Saya harap Jawatan-kuasa ini dan Jawatan-kuasa daripada pehak Jema'ah Menteri dapat memutuskan perkara ini dengan sa-berapa segera-nya supaya kita boleh memulakan atas pengangkutan Perkapalan Kebangsaan ini. Tetapi Kementerian saya memang-lah menggalakkan pengangkutan laut kira-nya ada sa-siapa pun hendak menjalankan pengangkutan ini, kerana pengangkutan chara Perkapalan Kebangsaan yang berhubung dengan seluroh dunia ini satu perkara yang besar dan memakan belanja yang besar dan banyak lagi soal² yang kita siasat daripada segi dunia perkapalan sa-belum kita melancharkan satu² Sharikat Perkapalan Kebangsaan sa-bagaimana yang di-adakan oleh negeri² lain. Insha' Allah tidak berapa lama lagi barangkali kita akan dapat menjalankan soal pokok ini. Sekian, terima kaseh.

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Edmund Langu anak Saga telah menyentuh berkenaan dengan kejatohan harga getah dan kenaikan harga beras dan menyatakan ia-itu ada orang² yang telah mati kelaparan. Ia mendapat khabar ia-itu Kerajaan Sarawak hendak memberi bantuan beras² kepada sa-orang sa-minggu sa-lama enam minggu sa-orang, tetapi kata-nya telah ada ugutan daripada sa-tengah² pehak ia-itu bantuan beras tidak akan di-beri kepada mereka yang tidak menyokong Parti Perikatan. Sa-lanjut-nya Ahli Yang

Berhormat itu berharap kepada Kerajaan memberi amaran kepada mereka yang membuat ugutan yang sa-umpama itu. Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun harga getah telah jatuh dan harga beras telah naik, tetapi daripada penyiasatan yang telah di-jalankan oleh Kementerian Kebajikan Negeri Sarawak dan juga oleh pegawai² Kementerian saya yang telah di-hantar ka-sana baharu² ini tidak kedapatan pula apa² bukti yang menyatakan tiada sa-siapa pun yang telah mati keburlan di-Sarawak. Kedudukan yang sa-benar-nya ia-lah sa-bilangan kecil penduduk Sarawak sedang mengalami sedikit kesulitan dan itu-lah sebab-nya Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil keputusan memberi bantuan sa-banyak dua kati sa-orang sa-minggu sa-lama enam minggu hingga bulan Februari ini. Di-satengah² kawasan di-Sarawak musim menetam padi sudah pun sampai dan sa-lain daripada itu musim buah Mengkabang pun telah tiba yang akan menambah lagi pendapatan penduduk² di-Sarawak tahun ini. Saya menapisan dengan sa-keras²-nya tuduhan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu tentang ada-nya pileh kaseh di-dalam urusan memberi bantuan beras itu. Bantuan telah di-beri dan akan di-beri kepada mereka yang telah memohon bantuan melalui Penghulu² dan Pegawai² Daerah yang berkenaan dengan tidak memilih bangsa, ugama, atau pun lebeh² lagi parti politik mereka.

Menteri Penerangan dan Penyiaran, dan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu telah mengatakan bahawa Filem Negara ia-lah satu liability kepada Kerajaan. Saya rasa bahawa tuduhan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah terlalu atau keterlaluan dengan kerana satu atau dua filem terlambat keluarannya, Ahli Yang Berhormat itu telah menudoh bahawa Filem Negara ia-lah satu liability kepada Kerajaan. Pada hal Ahli Yang Berhormat itu patut-lah sedar bahawa Filem Negara bukan-lah di-maksudkan untuk mendapatkan hasil atau pun sa-bagai salah sa-buah Commercial firm, tetapi Filem Negara

ia-lah alat Kerajaan, alat memberi penerangan berkenaan dengan dasar dan juga menjalankan berbagai usaha dan ikhtiar untuk membaiki penghidupan ra'ayat dan juga perpaduan dan sa-bagai-nya.

Kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat membaca daripada list filem yang di-keluarkan oleh Filem Negara saya rasa tuduhan itu tidak akan di-buat oleh Ahli Yang Berhormat kerana dalam sedikit masa ini Filem Negara telah mengeluarkan berbagai² filem terutama sa-kali filem yang di-keluarkan pada tiap² minggu yang di-namakan Malaysia Sa-minggu. Malaysia Sa-minggu ini ada-lah menggambarkan segala kemajuan² yang telah di-buat di-negeri kita ini yang berlaku pada tiap² minggu. Ini telah berjalan sa-lama lebeh daripada satu tahun. Kemudian ada satu lagi siri filem yang juga merupakan pengajaran dan pendidekan kepada masyarakat ia-itu filem yang di-namakan Kesah Kampong Kita dan juga Tongkat Hitam. Semua-nya ini ada-lah di-buat untuk mengajar, memberi contoh dan tauladan dari segi moral, menolong menegakkan ke'adilan dan berbagai² lagi kepada masyarakat kita di-Malaysia ini.

Kalau Ahli Yang Berhormat itu memikirkan bahawa Filem Negara patut di-buat sa-mata untuk filem² mengajar orang² kampong bagaimana berchuchok tanam, bagaimana hendak menangkap ikan dan sa-bagai-nya, kalau itu-lah menjadi tugas sa-mata² tugas Filem Negara saya rasa tidak payah-lah kita mengadakan Pejabat Pertanian atau pun Pejabat Perikanan dan sa-bagai-nya kerana pegawai² daripada pejabat² yang tersebut ada-lah bertanggung-jawab untuk mengajar orang di-kampong², baik petani² mahu pun nelayan².

Tetapi bagi pihak Filem Negara gambar yang di-keluarkan ada di-tujukan kepada umum dan juga di-dalam Kesah Kampong Kita itu pun ada di-gambarkan bagaimana chara hendak mengajar orang kampong terutama sa-kali hendak menanam padi, memilih benih², menjaga dan berbagai² lagi yang bersangkutan-paut dengan tanaman². Jadi saya harap Ahli Yang Berhormat itu

sa-belum membuat tuduhan yang demikian lebeh dahulu melihat filem² yang tersebut dan juga membacha list filem² yang kita keluarkan sa-lama ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak ada meminta supaya Radio Malaysia Sarawak, di-perbaiki atau pun kekurangan yang di-dapati pada hari ini oleh kerana tidak terang dan sa-bagai-nya. Masaalah itu saya akan chuba memperbaiki sa-berapa yang boleh. Dan bagitu juga Kementerian saya sedang menimbang untuk mengadakan lebeh lagi kelas² untuk tata-ra'ayat. Saya rasa sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli² Dewan yang telah mengemukakan tegoran², shor² dan sa-bagai-nya bagi kebaikan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Saya suka-lah menjelaskan tegoran² itu sa-berapa yang dapat untuk pengetahuan Ahli² Yang Berhormat dan juga menjadi panduan kapada mereka.

Yang pertama sa-kali, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah pun menegor berkenaan dengan Ranchangan Pukat Tunda yang di-jalankan di-Pantai Timor dan kata-nya ranchangan ini ada-lah terhad kapada motobot² yang 10 horse power enjin sahaja dan ranchangan ini ada-lah ranchangan yang tidak ekonomik dengan sebab enjin² kechil. Sa-benar-nya Ranchangan Pukat Tunda yang di-jalankan di-Pantai Timor itu ada-lah terdiri daripada bot² yang besar ia-itu lebeh kurang 50 ton dan enjin-nya lebeh daripada 150 horse power. Ranchangan ini telah pun berjalan sejak beberapa bulan yang sudah dan banyak-lah pengalaman² dan pengetahuan² yang di-dapati hasil daripada perhubungan² itu. Barangkali Ahli Yang Berhormat ini salah faham berhubung dengan 10 horse power itu bukan-lah enjin Ranchangan Pukat Tunda besar itu, tetapi ia-lah pengeluaran lesen menjalankan perusahaan Pukat Tunda menangkap udang. Ini di-benarkan kapada bot² yang menggunakan enjin

sa-tinggi 25 horse power, bukan 20 horse power.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah pun berchakap dengan panjang lebar berkenaan dengan menanam buah²an daripada beberapa jenis supaya dapat jenis buah²an itu mengeluarkan hasil daripada satu masa ka-satu masa. Kata-nya kalau sa-kira-nya dapat minta-lah di-buatkan research atau pun kajian supaya tanaman² itu di-perenggan²kan supaya pengeluaran hasil itu dapat daripada sa-bulan ka-sabulan.

Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sa-orang petani yang datang daripada Baling di-mana buah²an ada-lah di-dapati dengan banyak di-kawasan itu. Kita boleh mengeluarkan atau berikhtiar mengeluarkan buah²an daripada satu jenis atau berbagai jenis itu pada masa² yang berlainan, kalau sa-kira-nya kita ambilkan di-Utara Malaya dengan di-Selatan Malaya, tetapi barangkali Ahli Yang Berhormat itu juga dapat menyaksikan daripada pengalaman, kalau sa-kira-nya pokok buah²an itu berada di-dalam dusun dalam satu kampung sahaja maka buah²an itu akan berhasil atau akan mendatangkan buah pada satu ketika dengan tidak dapat hendak di-asingkan masa buah² itu keluar. Walau macham mana pun pehak Jabatan Pertanian daripada satu masa ka-satu masa ada-lah menjalankan kajian supaya buah²an itu atau keadaan buah²an itu dapat di-baiki daripada satu masa ka-satu masa dan hasil daripada siasatan itu ada-lah di-sibarkan kapada petani² dan peladang².

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah pun menegor berkenaan dengan harga beras yang naik melambong pada masa ini, tetapi kata-nya harga padi ada-lah juga naik sa-hingga kapada \$22 sa-pikul. Beliau menchadangkan supaya pehak Kerajaan berikhtiar menurunkan harga beras atau pun meminta supaya FAMA menurunkan harga beras. Jadi di-sini saya suka-lah menegaskan kapada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu pada asal-nya tujuan kita menubuhkan FAMA ada-lah untuk memberi harga yang berpatutan kapada petani² yang mengeluarkan hasil

mahsul di-atas tanah-nya. Maka di-sini saya suka-lah menyatakan ia-itu kita telah berjaya mencapai tujuan itu ia-itu mendatangkan hasil yang baik kepada petani² dan petani² itu mendapat pula harga yang baik sa-hingga hari ini harga padi yang di-beli oleh Perbadanan sendiri di-Tanjong Karang ia-lah lebeh kurang \$20 sa-pikul dengan tidak menolak atau pun memotong basah dan sa-bagai-nya. Jadi dengan keadaan yang bagini petani² yang ada dalam negeri ini telah pun mendapat harga yang baik daripada hasil pendapatan mereka, tetapi dukachita pula satu perkara yang berlaku ia-itu harga beras telah naik. Jadi, ini ada-lah juga bergantung kepada *supply and demand* atau pun pengeluaran dan kemahuan ra'ayat dalam negeri ini, dengan sebab barangkali kekurangan beras yang ada dalam negeri ini, dengan sebab itu-lah harga beras itu naik. Ada-lah juga menjadi tujuan atau pun tugas kepada Kementerian ini untuk menghasilkan atau pun mendapatkan hasil yang lebeh baik daripada segi pengeluaran padi dalam negeri ini. Pihak Kerajaan telah pun menjalankan berbagai² ikhtiar untuk menambahkan hasil pengeluaran padi dan kita berharap dalam masa sa-tahun dua lagi kita akan dapat menemui kehendak² kita itu ia-itu mengeluarkan beras yang cukup di-dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya pihak FAMA menjalankan atau menyelesaikan masalah pemasaran ikan dan pengeluaran² yang lain yang ada di-dalam negeri ini. Masalah pemasaran ikan ini ada-lah sedang di-dalam timbangan FAMA dan barangkali tidak berapa lama lagi ranchangan pemasaran ikan akan dapat di-lancharkan di-dalam negeri ini.

Berhubung dengan masalah pemasaran jenis tanaman lain ada beberapa jenis tanaman lain sedang di-kaji dan ranchangan² ini juga sedang di-kaji oleh FAMA, sa-umpama pemasaran lada hitam di-Sarawak, pemasaran sayur²an di-Sabah, pemasaran kopi di-Kuala Langat; ini juga ada-lah sedang di-dalam pertimbangan, dan insha' Allah kita akan dapat mengadakan ranchangan-nya tidak berapa lama lagi.

Sa-lain daripada itu Ahli Yang Berhormat itu telah pun menegor berkenaan dengan masalah pakar² yang di-bawa masuk ka-dalam negara ini dan beliau minta supaya di-hantar pegawai² yang ada dalam negeri ini di-hantar keluar negeri untuk di-lateh dan dengan keadaan yang demikian tidak-lah payah kita membawa pakar² lagi ka-dalam negeri ini. Masalah ini juga sedang di-uruskan oleh Kementerian ini, ia-itu beberapa banyak pegawai² kita pada masa sekarang ini sedang berada di-luar negeri, ia-itu pegawai² daripada Jabatan Pertanian, Perikanan, Haiwan, dan lain². Saya perchaya mereka ini akan kembali ka-tanah ayer dalam masa dua, tiga tahun lagi dan barangkali pada masa itu kita akan mempunyai pegawai² yang agak cukup bagi menjalankan segala urusan pentadbiran dan juga mengadakan kajian² yang mustahak dan tertentu, dalam negeri kita sendiri dan barangkali tidak payah-lah kita membawa banyak pakar² dari luar negeri.

Walau bagaimana pun saya suka-lah menegaskan di-sini ada kala-nya kita terpaksa juga membawa pakar² daripada luar negeri kerana sa-kira ada masaalah² atau perkara² kajian teknik yang tidak dapat di-lakukan oleh pegawai² kita yang ada di-dalam negeri ini, maka terpaksa-lah kita membawa pakar² daripada luar negeri. Barangkali Ahli² Yang Berhormat semua juga bersetuju, kalau sa-kira-nya kita hendak menghantar berpuluh² orang untuk di-lateh bagi memenuhi tiap² pekara atau masaalah, ini ada-lah satu masaalah atau perkara yang besar dan akan menggunakan perbelanjaan yang banyak. Ada kala-nya lebeh baik kita membawa pakar² daripada luar negeri satu atau dua untuk menjalankan kajian di-atas perkara² yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah pun menegor, ia-itu Kerajaan tidak menjalankan ikhtiar bagi menambahkan kawasan² untuk di-tanam dua kali sa-tahun di-dalam negeri ini dan beliau juga menyatakan banyak daripada kawasan² hari ini ada-lah terbuang atau terbiar sahaja. Jadi di-sini saya suka-lah membawa Ahli Yang Berhormat itu ka-araf dua ranchangan

yang besar yang sedang di-jalankan oleh pihak Kerajaan, ia-itu Rancangan Sungai Muda dan juga Rancangan Kemubu yang akan di-jalankan di-dalam negeri-nya sendiri. Kedua² rancangan ini manakala siap akan dapat menambah kawasan tanaman dua kali sa-tahun lebeh kurang 300,000 ekar.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak, ia-itu Tuan Sim Boon Liang telah pun meminta supaya pertim-bangan di-beri untuk menjaga serangan² daripada serangga dan juga musuh² yang akan menyerang tanaman padi. Sa-lain daripada itu, beliau juga telah pun meminta supaya pihak Kerajaan memberi pertolongan di-dalam memu-lehkan pemelihara² babi yang telah di-serang oleh penyakit. Jadi dalam masaalah ini saya suka-lah menegaskan kepada beliau ia-itu pertanian dan haiwan ada-lah di-bawah Kerajaan Negeri dan saya perchaya ada-lah lebeh menasabah dan lebeh baik lagi kalau sa-kira-nya dapat Ahli itu membawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri atau pun di-dalam Council Negeri Sarawak. Bagi pihak Kementerian saya, saya ada-lah sentiasa mempelawakan sa-kira-nya ada apa² rancangan dari-pada Sarawak dan sa-kira-nya dapat di-tolong atau di-bantu pihak Kemen-terian saya akan senantiasia berbuat demikian.

Ahli Yang Berhormat daripada Sara-wak juga Tuan Kadam anak Kiai, telah pun menyatakan kemushkilan, ia-itu kelapa sawit tidak di-tanam dengan sa-luas²-nya di-dalam negeri Sarawak dan sa-hingga hari ini beliau mengetahui ia-itu Kerajaan tidak ada chadangan untuk hendak mendirikan kilang minyak kelapa sawit di-Sarawak dan beliau berharap supaya Kerajaan mengadakan beberapa rancangan un-tok meluaskan penanaman anika jenis di-dalam Negeri Sarawak. Di-sini, saya suka-lah menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk meng-galakkan tanaman kelapa sawit bukan sahaja di-dalam negeri² di-Malaysia Barat tetapi juga di-Malaysia Timor; tetapi pihak Kerajaan tidak ada ber-chadang hendak mendirikan kilang kerana mendirikan kilang ada-lah ter-

pulang kepada Ahli² perusahaan itu sendiri. Kalau sa-kira-nya perusahaan itu di-punyai oleh tuan² ladang besar, maka terpulang-lah tuan ladang² itu sendiri mendirikan kilang² itu. Kalau sa-kira-nya tanaman kelapa sawit itu di-jalankan di-bawah rancangan, maka terpulang pula kepada rancangan² itu sendiri mendirikan kilang² itu. Tetapi sa-belum ada-nya kawasan² yang di-tanam dengan kelapa sawit yang banyak sudah tentu-lah tidak mustahak di-adakan kilang, kerana kita tidak harus mendirikan sa-buah kilang, me-lainkan ada kelapa² sawit yang hendak di-kilangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan telah pun meneger masa-alah Rancangan Sungai Muda dengan mengatakan perbelanjaan Rancangan Sungai Muda itu ada-lah di-jalankan dengan sa-chara membadzir dan per-belanjaan boleh jadi akan bertambah lebeh kurang \$100 juta lebeh daripada yang di-anggarkan. Penambahan \$100 juta ini ada-lah di-sebabkan pihak kontrektor membena satu kolam mandi yang berharga \$80,000 dan membuat berbagai² bangunan untuk kesukaan dan lain². Beliau juga telah menyebut berkenaan dengan kegunaan sa-buah motokar Mercedes 250 dan juga ber-kenaan dengan segala kesenangan² yang di-beri kepada pegawai² yang bekerja di-situ. Di-sini saya suka-lah mene-rangkan kepada Dewan ini ia-itu tudohan yang mengatakan harga lebeh \$100 juta akan di-lakukan kepada Rancangan Sungai Muda itu ada-lah tidak benar. Yang sa-benar-nya per-belanjaan bagi menjayakan Rancangan Sungai Muda itu akan menambah harga yang di-tetapkan \$204 juta itu sa-banyak lebeh kurang \$24 juta lagi ia-itu dengan sebab² yang berikut.

Pembayaran berkenaan dengan Con-sultation Fee yang tidak di-masokkan dalam jumlah \$204 juta itu berjumlah sa-banyak \$7.3 juta.

Dan untuk hendak menebang dan menebas kayu² yang ada di-dalam ran-changan itu yang di-masokkan di-dalam rancangan yang asal sa-banyak \$5 juta, tetapi perkara ini pihak Kemen-terian saya sedang mengurus atau berun-ding dengan pihak Bank Dunia supaya

kerja itu tidak di-lakukan. Kalau sa-kira-nya kerja itu tidak di-lakukan ia-itu menebang dan menebas kayu² yang ada di-dalam kawasan itu maka dapat-lah kita menjimatkan sa-banyak \$5 juta. Sa-lain daripada itu perbelanjaan untuk membayar tanah² yang di-ambil untuk ranchangan itu sa-banyak \$2.24 juta. Kita telah mentaksirkan harga sa-ekar tanah yang hendak di-ambil chuma \$800, tetapi ada kawasan² yang terpaksa kita bayar sa-hingga \$1,400 kerana kita perchaya kita harus memberi ke'adilan kapada ra'ayat yang memileki tanah² itu. Sa-lain daripada itu di-dalam ranchangan yang asal kita chuma menganggarkan untuk membuat titi² yang kecil, tetapi setelah kita kajian masaalah itu kita harus membuat titi² yang agak besar yang boleh di-lalui oleh motokar² kecil atau pun truck² yang kecil, maka dengan sebab itu perbelanjaan di-sini bertambah sa-banyak \$3.55 juta.

Sa-lain daripada itu kita juga akan membuat jalan di-sekeliling bendang itu ia-itu di-atas bund untuk kegunaan petani² untuk membawa padi daripada bendang² mereka ka-jalan raya, maka ini ada-lah bertambah sa-banyak \$2.106 juta. Sa-lain daripada itu kita juga terpaksa membuat beberapa parit² kecil di-tengah bendang itu kerana ada beberapa kawasan tidak dapat sampai ayer kerana keadaan-nya tinggi rendah dan sa-bagai-nya maka ini akan memakan belanja sa-banyak \$1.504 juta. Sa-lain daripada itu kita terpaksa membelanjakan untuk menguatkan barrage foundation bagi satu dam sa-banyak \$0.5 juta. Dan penghabisan sa-kali untuk membuat parit² dalam ranchangan itu dan harga-nya telah bertambah tinggi sedikit ia-itu sa-banyak \$1.8 juta. Jadi jumlah tambahan ia-lah \$24 juta, tetapi kalau sa-kira-nya U.N.D.P. bersetuju yang pokok² itu tidak di-tebang dan di-tebas maka tambahan belanja ia-lah chuma sa-banyak \$19 juta.

Berhubung dengan kolam mandi yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sa-benar-nya kolam mandi ini bukan-lah satu item yang di-masokkan dalam tender bahkan kolam mandi ini ada-lah di-dirikan oleh kontrektor

itu sendiri dengan tidak ada di-masokkan item ka-dalam tender yang di-jalankan oleh Kementerian itu.

Sa-lain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara menyatakan keputusan² kajian yang di-jalankan oleh Jabatan Pertanian tidak boleh di-dapati di-satengah² kawasan dan terutama sa-kali di-utara Perlis dan di-beberapa buah kawasan petani² tidak dapat menanam jenis² tanaman dengan sebab mereka tidak tahu apa-kah jenis² tanaman baik bagi kawasan² itu. Berhubung dengan soal ini, ada-lah tidak benar yang hasil kajian yang di-buat oleh Jabatan Pertanian itu tidak dapat di-nekmati oleh petani² dalam negeri ini, kerana semua keputusan² atau hasil kajian ada-lah di-sebarkan ka-seluruh negeri dan termasuk negeri Perlis dan saya perchaya ini dapat di-nekmati oleh ra'ayat yang ada dalam negeri Perlis. Di-Perlis mungkin tidak ada tanaman lain daripada padi yang dapat di-tanam dengan baik, kerana tanah yang ada di-negeri Perlis² itu ada-lah sangat sesuai kapada padi dan barangkali tidak beberapa sesuai kapada tanaman² lain. Penyelidikan telah juga di-jalankan di-utara Perlis dan keputusan kajian itu telah pun di-hantar kapada Kerajaan Perlis dan ada-lah terpulang kapada Kerajaan Perlis sendiri untuk menggunakan tanah sa-bagaimana kehendak Kerajaan itu berpandukan kapada kajian yang di-buat oleh Jabatan Pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah pun meminta supaya pehak Kementerian menguntokkan wang bagi menolong peladang² dan petani² dalam membasmi padi² kuncha dan juga menolong petani² ini daripada chengkaman orang² tengah. Maka di-sini saya suka-lah menyatakan ia-itu pehak Kementerian ini ada mempunyai wang peruntokan sa-banyak \$11.4 juta bagi tujuan² yang tersebut ia-itu \$3.5 juta untuk membasmi padi kuncha dan \$7.9 juta untuk membeli padi.

Ahli Yang Berhormat dari Batu sa-kali lagi telah menegor berkenaan dengan soal pinjaman yang di-beri kapada Government Officers' Co-operative Housing Society sa-banyak

\$26.5 juta dan bertanya apa-kah langkah yang di-ambil berkenaan tuduhan² yang di-buat oleh Ahli² Pembangkang di-dalam Dewan ini. Sa-benar-nya Anti-Corruption Agency ada-lah sedang menjalankan siasatan berkenaan dengan perkara ini dan tidak-lah dapat saya hendak menyatakan apa² tambahan berhubung dengan masaalah itu. Walau bagaimana pun Pesuruhjaya Sharikat Kerjasama baharu² ini telah pun melantek satu Jawatan-kuasa di-bawah Sekshen 37 (1) Undang² Sharikat Kerjasama ia-itu menjalankan siasatan berkenaan dengan Perlembagaan pentadbiran, susunan, kewangan yang di-jalankan oleh sharikat kerjasama itu sendiri dan hasil daripada-nya akan di-timbangkan dan tindakan akan di-jalankan. Sekian-lah dapat saya jelaskan perkara² berhubung dengan Kementerian ini.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Tanjong when criticising the Government for its development plans, stated that there was inadequate planning and lack of co-operation, and as a result of that he is very concerned about what would happen to the industrial estate in Prai. Sir, these are desperate words from a politician in the Opposition, who is unable to stop the tide of success in the economic development of this country by the Alliance Government.

Sir, I remember, too, that the Honourable Member for Tanjong was a great critic of the Mak Mandin Industrial Estate where he did say that this industrial estate was badly planned, wrongly sited, it would never be a success and it was wasting Government's money. But, today he is aware that the Mak Mandin industrial estate is a great success, so much so that all the land has been filled and many factories are in production; and it was because of the rapid development and occupation of the Mak Mandin industrial estate that it was necessary to find a larger site for the industrial development of that area. That is why, Sir, the Penang Government, with the assistance of the Central Government,

has bought an area of about 2,000 acres of land in Prai to set up this new industrial estate.

We see a great future for this industrial complex in Prai and Butterworth, which, in my view, will become the industrial centre of North Malaysia. There is plenty of planning going on, there is plenty of co-ordination to ensure that there would be all the facilities and the infra-structure necessary to make this an industrial success—the planning of the East—West Road, the town planning of Prai and Butterworth, including the provision of low-cost housing. The Honourable Member for Tanjong did allege that there was no planning to provide for the increase in population and as a result of that a housing problem has been created. The Ministry for Local Government and Housing has comprehensive plans and has made preparations to ensure that there is adequate housing for the residential, commercial, educational and for the community at large. The low-cost housing development at Mak Mandin and at Chain Ferry Road are also expected to meet the needs of the industrial workers of Prai.

The Honourable Member for Sabak Bernam, together with the Honourable Member for Kulim Utara suggested that industries should not only be sited in urban areas but also should be centered in the rural areas, and the Honourable Member for Kulim Utara has offered the town of Kulim as one of the sites for industrial development. Sir, as I have pointed out on many occasions, it is the policy of the Government to distribute factories as far as possible throughout the whole of Malaysia, not only in West Malaysia but also in East Malaysia so that there would be balanced development, so that the rural people and the people in all the areas would benefit from the development of factories in their areas. However, at the present stage of our industrial development, there is still the need to attract capital to such areas. We are still not yet in a position to direct capital to certain areas,

simply because capital is scarce, technical know-how is scarce and they are in a position to choose where they want to go. If we have too many strict rules and insist that they shall go to the rural areas and not to an area of their own choice, we may lose that capital altogether to some other developing country which would give them better opportunities. However, Sir, my Ministry is doing all its best and, together with FIDA, we would be looking into the suitability of more industrial estates outside the urban areas so as to bring benefit to the rural people and the case of Kulim would be studied.

The Honourable Member for Kuala Trengganu Utara commented that foreign investors bring in a number of foreign personnel to man their factories and that these posts should be Malayanised as soon as possible. Sir, I can assure every Member of this House that this is the policy; there is a Malayisation Committee and all technicians or experts brought from abroad to man our industries are only given work permits for a certain period, which are only renewable if the case justifies the application. Otherwise, if there are Malaysian counterparts who can take over, then that post would be Malayanised. But we must realise that we cannot Malayanise too fast; otherwise the standard and efficiency of our production may be lowered. Until such time as our own Malaysians have earned and have learned the skills, it would be too dangerous to Malayanise too soon.

The Honourable Member for Sabak Bernam also said that we have been exporting our raw materials and ultimately importing manufactured goods made from these raw materials. Sir, this is true and that is why we have started industrialisation to replace the imports of such manufactured goods as much as possible by locally made goods. However, I would like to point out to this House that we, as a developing country which has several natural raw materials, have a production far in surplus of the needs of the country and, as a result, although we may indus-

trialise using factories to make use of these local raw materials, because of the smallness of our market, we are unable to consume all these raw materials produced in this country. Therefore, we have to export a greater portion of these raw materials abroad to earn foreign exchange. However, there is the other case that, if and wherever possible, we would use local raw materials to manufacture goods for export as manufactured goods. But then we come up against tariff protection by the foreign markets. This point has been touched by the Honourable Member for Temerloh, who suggested that we should do something about lowering the trade barriers of foreign countries, so as to increase our exports and also to lower freight rates. Sir, this is a subject that has always been uppermost in our minds and we have, together with other developing countries, brought pressure wherever we could in all international conferences to persuade the developed countries to remove as far as possible tariff and non-tariff barriers to the manufactured exports of developing countries. That was why the United Nations Committee on Trade and Development was formed which has its first conference in Geneva in 1964, and is now holding a second conference at New Delhi. Whether or not we would be able to persuade the developed countries to have a change of heart is left to be seen.

The Honourable Member for Kuala Trengganu Utara remarked that pioneer factories only fulfil their condition of employing 40% of their workers from the bumiputras, whenever they have an official opening or whenever a Minister visits the factory. Sir, this is far from the truth. He further alleges that after the visits of the Minister, these bumiputra workers are relieved of their jobs and their posts are being given to non-bumiputras. Sir, a condition has been written into the pioneer certificate whereby pioneer companies shall employ bumiputras in varying degrees, varying percentages of the total strength, and this condition is being checked at intervals of time by the Ministry of Labour. When the

company comes up for extension of its pioneer period the reason being that no pioneer company is given pioneer status for 5 years at a stretch but is given two years in the first instance and then extended subsequently, depending upon the size of its capital and the fulfilment of the conditions laid down in the pioneer certificate. So, when the company comes up for extension of its pioneer period after two years, there is this check again, and I am sure this statement, which has been repeated many times is a fallacious one, and I would certainly hope Honourable Members would themselves visit these factories to see for themselves whether or not it is true that these factories do employ a percentage of bumiputras. In fact, as I have said many times in this House, there are several factories who have exceeded their quota and some even employ up to 90% of bumiputra workers in their factories.

The Honourable Member for Bagan regrets that the Sungei Nyor dockyard will soon be closed down and hopes that the Government would look into the matter of the establishment of a ship-building industry. Sir, FIDA, is studying this problem. In fact, there are interests, both foreign and local, in the establishment of shipyards and dockyards in this country, and whether or not they would consider taking over the Sungei Nyor dockyard would be a matter which will have to be pursued. It is the Government's policy to encourage the establishment of shipyards, but, from what we have seen so far, they have not been very profitable.

The Honourable Member for Krian Darat has stated that at the moment only 10% of shares of industries are bought by bumiputras and feels that there is no reason why this proportion should not be increased to 25% or 30%. I want to correct a wrong impression on this case. Every time a company is given pioneer status, in almost all cases, there is a clause which says that 10% or more of the capital will be reserved for the Malays. That means to say that the Malays will be able to buy at least 10% of the shares in that particular company. If that company goes public, or even if it does

not go public, there is nothing to stop the bumiputras from buying more than 10% and, in fact, in some cases, they have bought more and even in cases of public issues, although the bumiputras have been allotted a reserve share of a certain percentage, in the draw for the balance the bumiputras had also applied and taken part in the draw. Unfortunately, Sir, the problem which my Ministry is facing is that quite a number of these pioneer factories are unable to find Malays to buy even the 10% allocated to them in their pioneer certificate condition.

Sir, on behalf of the Honourable Minister for Local Government and Housing, I am asked to reply to certain points raised by the Honourable Member for Batu, who suggested that the Kuala Lumpur Municipal Building should be constructed as early as possible. I am asked to assure him that negotiations are already in hand, a site has been chosen, a piece of State land off Jalan Tuanku Abdul Rahman has been chosen and negotiations are now being held between the Ministry and the Selangor State Government and once this has been completed, work will soon start.

The Honourable Member for Batu has also asked that street lights be introduced at Kampong Kasipillay. In an adjournment speech, the Honourable Minister for Local Government and Housing did draw the attention of this House to the fact that the street in this Kampong are private street. Until such time as these streets are made up to Municipal standards, the Municipality cannot take over these streets and until such time the Municipality therefore cannot supply street lighting. If, however, the residents of Kampong Kasipillay are prepared to instal street lighting in that area, I am told that the Commissioner of the Federal Capital would consider bearing the cost of maintaining this street lighting.

The Honourable Member for Batu also spoke about the lack of adequate provision for the improvement of the traffic situation in the Federal Capital. As the Honourable Member is aware, considerable improvement has been

made to ease traffic flow in the Federal Capital by the introduction of the "green wave" system and the widening and improvement of some of the roads and intersections. In 1966 a sum of \$1.25 million was spent on these works, in 1967 a sum of \$1.052 million and for 1968 the vote is \$4.9 million. A provision of \$2.5 million has already been entered in the Municipal Budget and the balance will be in the form of capital grant from the Ministry of Works, Posts and Telecommunications.

The Honourable Member for Kuala Kangsar brought up the subject of sewerage in Ipoh. In the 1968 Estimates, only a provision of \$10 has been included which indicates that the Government is fully aware and does recognise the need for a sewerage system for Ipoh. But, unfortunately, owing to lack of funds a greater allocation cannot be found.

Lastly, Sir, the Honourable Member for Tanjong complained that the Local Authority had taken the opportunity of the industrial development in Prai and Butterworth to increase the local rates so as to dampen the effect of industrial development. Sir, I am also aware of this allegation. Complaints have been received by my Ministry from certain factories that have been set up in that area, and I am studying this problem to find a solution to it. Thank you.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan dalam ucapan-nya telah menyentuh rancangan Malayansisation, dan telah membuat tegoran bahawa usaha² yang di-jalankan oleh Kerajaan di-dalam bidang ini ada-lah kurang memuaskan serta tidak mempunyai kesan² yang di-harapkan. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan telah memberi sedikit ulasan berkenaan dengan perkara ini dan saya suka menambah sedikit ulasan ini bagi menyentoh perkara² tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah benar yang rancangan² Kerajaan dalam perkara ini ada-lah tidak memuaskan.

Sa-buah Jawatan-kuasa yang di-lantek oleh Juma'ah Menteri untuk menyemak perkara² pelaksanaan Malayansisation di-dalam sharikat perniagaan, perdagangan dan perusahaan. Sa-telah sa-lepas menimbang dengan halus-nya faktor² yang berkenaan menetapkan angka kemajuan Malayansisation di-dalam jawatan *professional* dan *technical* dan begitu juga di-dalam jawatan yang bukan *professional* dan *technical* adalah di-kecualikan. jawatan² yang penting atau pun *key post* seperti anggaran yang berikut:

Di-kalangan jawatan *professional* dan *technical* di-jangka pada tahun 1970 ada-lah 60% daripada jawatan² ini sa-lain daripada jawatan² yang penting atau pun *key post* akan di-Malayanisekan. Tahun 1975, 85% dan tahun 1980, 100%.

Berkenaan dengan jawatan *non-professional* dan *non-technical* pula di-harapkan di-jangka pada tahun 1970, 75% daripada jawatan² yang *non-professional* dan *non-technical* sa-lain daripada jawatan yang penting (*key post*) akan di-Malayanisekan dan pada tahun 1975 di-harap di-jangkakan 100% daripada jawatan² ini akan di-Malayanisekan juga.

Dan lagi, Dato' Yang di-Pertua, kesemua sharikat² atau gudang² perniagaan dan perusahaan ada-lah menjalankan rancangan Malayansisation ini sa-laras dengan keputusan yang telah di-buat oleh Jawatan-kuasa Jema'ah Menteri supaya menyemak angka² kemajuan Malayansisation di-kalangan perniagaan dan perusahaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan juga ada menyentuh tentang perlantikan bekas Ketua Polis Negara sa-bagai wakil khas Persatuan Penanam² Getah. Saya suka menjelaskan di-sini, Dato' Yang di-Pertua, bahawa dalam pada saya bersetuju barangkali ada-nya anak² negeri yang boleh dan layak memegang jawatan itu, maka Kerajaan tidak-lah dapat menahan lantekan bekas Ketua Polis Negara ini kepada jawatan yang tersebut oleh kerana ia ada-lah sa-orang yang mempunyai kad pengenalan merah yang diperolehi-nya sa-belum berjalan kuat-kuasa Undang² Immigration, 1953

dengan sebab ia ada-lah sa-orang yang telah memperolehi kebenaran dudok tetap atau pun *permanent resident* yang telah di-beri kapada-nya sa-belum berjalan kuat-kuasa Undang² Immigration, 1953 yang saya telah sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat telah juga menhadangkan supaya dasar berkenaan dengan pengeluaran pas² kerja kapada orang² dagang yang bekerja di-negeri ini hendak-lah di-semak sa-mula untuk menyediakan keluasan peluang² bekerja kapada penduduk² tempatan dan Ahli Yang Berhormat itu juga menhadangkan supaya mereka yang tidak mempunyai kad pengenalan biru dan mempunyai pendapatan kurang daripada \$700 hendak-lah di-minta meninggalkan negeri ini. Dato' Yang di-Pertua, satu Jawatan-kuasa Tetap Rasmi atau Standing Committee of Official yang telah di-lantek oleh Cabinet telah memproseskan semua permohonan² untuk pas² kerja daripada orang² dagang untuk bekerja di-dalam negeri ini. Sa-kira-nya sa-lepas di-pertimbangkan semua butir² berkenaan dengan kedudukan pekerjaan ini Jawatan-kuasa Tetap telah mengakui bahawa tidak ada penduduk tempatan yang boleh di-ambil untuk pekerjaan yang berkenaan orang² dagang itu akan di-keluarkan untuk masa yang terhad bergantung kapada syarat² dan ia mesti-lah melateh orang² tempatan dalam kerja yang tertentu sa-masa ia berada dalam negeri ini.

Tentang chadangan orang yang tidak mempunyai kad pengenalan biru yang mempunyai pendapatan kurang daripada \$700 di-keluarkan daripada negeri ini, maka ada-lah pada pendapat saya tidak boleh di-laksanakan chadangan ini oleh kerana orang² ini telah mempunyai kebenaran dudok tetap di-negeri ini sa-belum berjalan kuat-kuasa Undang² yang saya sebutkan tadi ia-itu Undang² Immigration, 1953. Dan oleh kerana orang² ini telah mendapat kebenaran dudok tetap dalam negeri ini, mereka chuma boleh di-keluarkan daripada negeri ini mengikut Undang², kalau sa-kira-nya di-dapati mereka ada-lah menjadi merbahaya kapada keselamatan negeri ini atau pun ada-lah orang² yang masuk di-dalam bilangan

orang² jenayah yang boleh di-buang keluar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga telah membuat tegoran tentang orang² yang di-buang daerah dan di-tempatkan di-kampung² di-luar bandar dan telah menyatakan pada lazim-nya mereka ini membawa kebucokan kapada kampung² yang telah mereka di-buangkan itu dan telah menhadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu pulau supaya mereka ini boleh di-tempatkan di-pulau yang di-adakan itu. Tentang ini sa-bagaimana jawapan telah di-beri di-dalam Dewan ini baharu² ini, Kerajaan sekarang ini ada-lah sedang menimbangkan untuk memperolehi suatu pulau di-mana orang² yang biasa di-buang daerah ini boleh di-tempatkan bukan sahaja di-tempatkan, bahkan akan di-usahakan juga supaya mereka ini dapat di-ubah supaya menjadi orang yang baik, orang yang berfaedah kapada negara.

Itu-lah sahaja ulasan saya, Dato' Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang hari ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 12.00 tengah hari.

Meshuarat di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara sa-kali lagi menimbulkan soal orang² yang bukan warganegara di-ambil bekerja dengan Kerajaan dan Badan² Berkanun. Ada-lah dasar Kerajaan untuk mengambil bekerja warganegara² di-dalam Jabatan Kerajaan dan Badan² Berkanun; walau bagaimana pun saya sedar bahawa sa-tengah² orang² yang bukan warganegara maseh

bekerja dengan Badan² ini, tetapi apa yang mesti di-ingati ia-lah mereka ini di-ambil bekerja sa-belum kita mencapai kemerdekaan.

Di-samping warganegara², mereka telah memberi sumbangan yang sama bagi kebaikan dan kemajuan negara kita dan bukan-lah tujuan kami meluchutkan mereka dari mencari nafkah pada waktu ini. Semenjak kemerdekaan kechuali sa-tengah² jawatan dalam Kumpulan Executive atau Professional hanya warganegara negeri ini telah di-ambil bekerja dengan Kerajaan dan Badan² Berkanun. Semenjak merdeka apabila jawatan² yang di-sandang oleh orang² yang bukan warganegara menjadi kosong, jawatan² itu di-penohi oleh warganegara sahaja. Dengan demikian bilangan yang bukan warganegara² yang bekerja makin bertambah kurang.

Berkenaan dengan dasar gotong royong, saya suka sebutkan di-sini bahawa ranchangan² gotong royong ada-lah berjalan dengan baik-nya. Saya tidak tahu di-negeri Kelantan disebabkan kita tidak boleh menjalankan ranchangan² ini di-negeri Kelantan, melainkan melalui Kerajaan Negeri dan jikalau Kerajaan Negeri tidak faham atau boleh memberi kerjasama pada hari ini, tentu-lah susah kita hendak jalan ranchangan² gotong royong di-negeri Kelantan, tetapi negeri² lain ada-lah berjalan dengan baik dan sempurna.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu ada menyebutkan bahawa elok-lah di-beri peruntokan yang lebeh banyak lagi bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya kita boleh dapat melipatgandakan usaha untuk mengurangkan perbezaan taraf hidup ra'ayat yang berada dengan ra'ayat yang tidak berada. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, dasar yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan dalam beberapa tahun yang lepas, akan tetapi dasar ini tidak pun sedikit di-jalankan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Jadi di-Negeri² lain dasar ini berjalan dengan baik. Saya shorkan kepada Ahli Yang Berhormat elok-lah berikan nasihat ini kepada Kerajaan Kelantan barangkali

Kerajaan PAS boleh berubah sikap-nya sedikit dan dengan itu dapat-lah ra'ayat negeri Kelantan itu menekmati kemajuan² sedikit sa-banyak.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, Tuan Sim Boon Liang ada mengatakan bahawa peruntokan wang ka-negeri Sarawak ada kadang² lambat sampai, ini tidak benar. Pada tahun 1967 barangkali ada satu dua ranchangan yang tidak dapat di-jalankan menurut schedule-nya oleh sebab wang bantuan dari negeri luar lambat sampai, akan tetapi pada tahun ini kita akan berikan peruntokan wang dengan sa-berapa segera dan juga barangkali juga ada satu dua ranchangan yang lambat di-jalankan oleh sebab tapak tidak di-sediakan, atau pelan lambat di-sediakan. Jadi saya berharap perkara ini akan dapat di-perbaiki dan dalam lawatan saya yang telah di-buat ka-Negeri² sentiasa-lah memerhatikan ranchangan² yang kita telah sediakan dan persetujuan itu di-jalankan dengan sempurna dan dengan jaya-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ada menyebutkan bahawa mustahak-lah di-adakan ranchangan² tanah yang banyak lagi untuk hendak memberi pekerjaan kepada penduduk² di-luar bandar. Ini memang-lah satu perkara yang saya sendiri bersetuju dan patut-lah di-jalankan, akan tetapi soal ini ia-lah soal Kerajaan Negeri dan saya berharap Kerajaan² Negeri yang belum menjalankan dasar ini dapat di-jalankan kerana saperti yang saya katakan tadi tidak ada jalan yang lain bagi penduduk² luar bandar untuk mendapatkan mata pencharian yang sempurna dan pekerjaan yang sempurna melainkan perusahaan tanah. Jadi dengan sebab itu-lah dengan sa-berapa boleh kita menggalakkan penduduk² di-luar bandar membuka tanah baharu sama ada chara beramai², atau pun memasuki ranchangan² Kerajaan dan saya berharap ranchangan² besar saperti Ranchangan Jengka Tiga-Segi akan dapat di-buka lagi di-Pahang dan juga di-Johor supaya banyak lagi penduduk² di-luar bandar terutama sa-kali yang berkehendakkan tanah dan berkehendakkan mata pencharian yang

sempurna dan chara kediaman yang sempurna dapat-lah memberi peluang yang mereka itu berkehendakkan. Jadi ini-lah ranchangan yang utama yang kita hendak jalankan seperti saya kata tadi saya berharap Kerajaan² Negeri dapat memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat dan dapat menjalankan usaha² dan memberikan tanah² yang dikehendaki untuk hendak di-jayakan dan untuk kita hendak adakan ranchangan² tanah sama ada chara besar² atau pun chara sederhana, atau pun chara kechil sedikit untuk pemuda² apa juga chara ranchangan tanah yang boleh di-jalankan, saya harap dapat di-jalankan, kerana semua ini akan memberi faedah bukan sahaja kepada orang² di-luar bandar dan memberi faedah kepada negara akan menambahkan hasil negeri dan ini akan memberi faedah kepada seluruh ra'ayat di-tanah ayer kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini sahaja-lah perkara² yang mustahak yang di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat. Sa-kali lagi saya meng-ucapkan banyak terima kasih kepada sokongan² yang di-beri kepada dasar Kerajaan dan sungguh pun Kerajaan menghadapi kesulitan² wang akan tetapi sebab kita sangat menitik-beratkan kepada pembangunan negara, maka Kerajaan telah menguntukkan wang lebih kurang \$887 juta bagi tahun ini untuk ranchangan² pembangunan di-seluruh negara kita. Dan saya yakin dan perchaya dengan jentera² pentadbiran yang ada di-negara kita pada hari ini kita akan dapat melaksanakan ranchangan² yang sempurna dengan memuaskan hati. Begitu juga saya berharap wang pinjaman yang kita chadangkan daripada negeri² sahabat akan kita dapat terima supaya semua ranchangan² yang ada di-hadapan Ahli² Yang Berhormat bagi tahun 1968 ini dapat di-laksanakan dengan sempurna dan dengan jaya-nya.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Usul dan Anggaran Pembangunan, 1968, di-serah kepada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Kepala² 100, 118 dan 150

Tuan Pengerusi: Bahawa perbelanjaan yang di-sebutkan dalam Kepala² 100, 118 dan 150 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1968 hendaklah di-benarkan.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya mohon untuk membawa Kementerian² di-bawah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Luar Negeri dengan sa-kali gus.

Tuan Pengerusi, saya menchadangkan supaya Kepala 100—Perdana Menteri wang sa-banyak \$1,475,010 dan Kepala 118—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, wang sa-banyak \$1,193,000 dan Kepala 150—Kementerian Luar Negeri wang sa-banyak \$2,500,000 menjadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan bagi, tahun 1968.

Tuan Pengerusi, masok kepada Jabatan Perdana Menteri, suka-lah saya memberi penerangan sa-chara ringkas, ia-itu wang sa-banyak \$1,475,010 di-bawah Kepala 100 itu ia-lah terdiri daripada \$10 untuk Kajian² Pembangunan Ekonomi; \$340,000 ia-lah untuk Arkib Negara; \$50,000 ia-lah untuk Perbelanjaan Pengiriman Perakas² di-bawah Ranchangan Colombo; \$345,000 ia-lah untuk Ranchangan Pemetaan Kelayakan Tanah; \$400,000 ia-lah untuk Kajian Penangkutan; \$320,000 ia-lah untuk Kajian Ranchangan; dan \$20,000 ia-lah untuk Pengangkutan dan Perjalanan; jumlah besar \$1,475,010.

Pechahan-kepala 1—Kajian² Pembangunan Ekonomi—\$10

Wang yang di-kehendaki ia-lah sa-banyak \$10 oleh sebab perbelanjaan mengenai hal ini belum dapat di-ketahui dengan lebih jelas lagi.

Pechahan-kepala 2—Arkib Negara—\$340,000

Untuk kepentingan ekonomi dan kecekapan pentadbiran awam, Kerajaan telah semenjak 20hb Julai, 1960 memutuskan bahawa tindakan haruslah di-ambil bagi mendirikan sa-buah bangunan Arkib Negara supaya masa-alah² pengeluaran rekod² Kerajaan yang makin bertambah itu dapat di-hadapi ia-itu dengan di-pilih mana² rekod² yang bernilai dan di-pelihara buat sa-lama²-nya untuk keperluan penyelidikan dan penyemakan dan yang baki-nya itu di-musnahkan. Rekod² untuk di-pelihara itu hendak-lah di-simpan dalam satu bangunan khas.

Sa-keping tanah tapak berhampiran dengan Taman Bunga telah di-pilih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan untuk menggantikan 3 buah rumah Keretapi Tanah Melayu yang ada di-atas tapak itu yang terpaksa di-robohkan, suatu peruntukan pindaan sa-banyak \$117,000 telah di-buat dalam tahun 1967 untuk mendirikan rumah² ganti itu di-suatu tempat yang lain.

Peruntukan sa-banyak \$340,000 yang di-pohonkan dalam tahun 1968 ia-lah untuk harga tanah sa-luas 3 ekar yang di-minta dari Kerajaan Selangor bagi menggantikan tanah yang di-ambil dari pehak Keretapi Tanah Melayu itu.

Sa-baik sahaja tanah sa-luas 4 ekar itu di-dapati dan kerja² untuk merobohkan 3 buah rumah Keretapi Tanah Melayu itu selesai, maka kerja permulaan untuk bangunan Arkib Negara itu akan di-jalankan.

Pechahan-kepala 3—Perbelanjaan Pengiriman Perkakas² di-bawah Ranchangan Colombo—\$50,000.

Peruntukan sa-banyak \$50,000 untuk bayaran tambang, perkapalan dan sa-bagai-nya bagi membawa barang² modal (capital goods) yang di-hantar di-bawah bantuan Ranchangan Colombo dari Pelabohan² Canada ka-pelabohan² Malaysia di-pohonkan di-bawah Pechahan-kepala ini seperti yang telah di-untukkan bagi tahun 1967. Barang² modal yang di-terima di-bawah ranchangan bantuan ia-lah hadiah²

perchuma seperti alat² perkakas Sekolah Latihan Anika Jurusan, kenderaan², alat perkakas radio, alat² perkakas kilang papan, loji pendingin bagi Jabatan Perikanan dan sa-bagai-nya. Anggaran nilai alat² perkakas yang di-terima sa-hingga masa ini ia-lah \$8.9 juta.

Pechahan-kepala 4—Ranchangan Pemetaan Kelayakan Tanah—\$345,000

Peruntukan yang di-pohonkan di-bawah Pechahan-kepala ini ada-lah sumbangan bagi perbelanjaan tempatan kepada Ranchangan "Joint Canadian Malaysian Programme of Natural Resource Inventory and Evaluation Studies" yang sedang di-jalankan bersama² oleh beberapa jabatan teknik di-Malaysia Barat. Ranchangan ini disusun oleh satu chawangan dalam Bahagian Peranchang Ekonomi yang juga bertanggung-jawab dalam perkara menggunakan pengetahuan yang di-dapati daripada kajian² ini untuk membuat Ranchangan² Wilayah dan Negara.

Ranchangan ini telah berjalan dengan memuaskan hati dalam tahun 1967, selepas sahaja selesai kerja² penyiasatan dengan chara mengambil gambar dari udara di-Malaysia Barat sa-chara besar²an. Ma'alumat² yang telah di-dapati daripada Penyiasatan Kegunaan Tanah Sekarang (Present Land Use Survey), yang di-jalankan oleh suatu pasukan bersama Canada dan Malaysia yang menggunakan chara baharu mengambil gambar itu menambahkan lagi ma'alumat² yang akan di-dapati daripada siasatan tanah yang mungkin mengandungi galian, tanah yang sesuai untuk di-usahakan, hutan yang boleh mengeluarkan hasil dan tenaga ayer.

Ranchangan² bagi Negeri Pahang dan Johor telah siap dalam tahun 1967. Satu ranchangan yang sa-rupa bagi Negeri Trengganu, termasuk menyediakan satu Ranchangan Pembangunan 7 tahun, sedang di-jalankan dan akan siap pada pertengahan tahun 1968. Ranchangan bagi Pantai Barat (Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Perlis) akan di-mulakan

dalam tahun 1968 yang kebanyakannya di-jangkakan siap dalam tahun itu juga.

Saperti Dewan ini telah di-beritahu dahulu tujuan ranchangan ini ia-lah hendak mengumpul dan mengkaji angka² dan data² yang lebeh tepat dari segi ekonomi mengenai hasil² tanah yang boleh di-dapati dari tanah di-Malaysia Barat sa-belum tamat-nya Ranchangan 5 tahun yang ada sekarang ini. Pengalaman dan pengetahuan yang di-dapati itu boleh-lah di-gunakan untuk membuat Ranchangan Malaysia yang Kedua yang akan di-mulakan dalam tahun 1971 nanti.

Mengikut ranchangan itu, dalam tahun 1968 usaha² akan di-tumpukan kepada meneruskan kerja membuat kajian² luar pejabat mengenai bumi dan galian yang boleh di-dapati di-kawasan Pahang Selatan dan Johor, dan kerja mengasing²kan galian yang boleh di-dapati mengikut jenis masing² bagi seluroh negara, dan juga kepada kerja² menerbitkan laporan² penyiasatan kaji-bumi yang telah di-jalankan.

Penyiasatan² kegunaan tanah sekarang ini akan meliputi lebeh dari sa-paroh keluasan negara, terutama-nya di-kawasan Pantai Barat dan Johor. Sementara itu penyiasatan jenis kayu-kayan pula akan terus di-jalankan dengan memberi keutamaan kepada kawasan utara Malaysia Barat.

Semua penyiasatan ini sedang di-jalankan dengan bantuan negeri Canada dan hasil kerja² itu dan keterangan daripada Kerajaan² Negeri berkenaan dengan keadaan memberi milek tanah akan di-analisa dan di-susun menjadi penyata pemetaan kegunaan tanah yang akan menjadi satu asas bagi membuat ranchangan pembangunan.

Sunggoh pun saperti di-sebutkan di-atas negeri² di-pantai barat akan di-utamakan dalam tahun 1968, kajian² sedang juga di-mulakan di-Sabah, dan satu ranchangan akan di-buat juga bagi Sarawak yang mungkin dapat di-mulakan dalam tahun 1969.

Walau pun faedah² utama kerja² ini akan jelas di-ketahui dalam ulangkaji Ranchangan Malaysia Yang Kedua,

tetapi chara membuat kerja dengan terator pada masa mengkaji tiap² negeri dalam Tanah Melayu telah membolehkan hasil² kerja itu dapat di-gunakan bagi menyelesaikan masalah² pembangunan di-negeri Pahang dan Johor, di-mana kajian² telah siap.

Hal yang demikian telah memper-chepatkan lagi kemajuan dalam bidang pertanian dan ranchangan² bagi membuat peruntokan yang lebeh besar lagi untuk pertanian kepada orang² yang mendapat bantuan Kerajaan dan orang² bersendirian. Dan juga kawasan² yang hendak di-jadikan kawasan hutan simpan yang tetap dapat di-pileh pada tempat yang lebeh elok dan kawasan² itu di-gunakan dengan lebeh sempurna lagi.

Beberapa projek kemajuan hasil bumi telah di-ranchang untuk di-jalankan di-beberapa tempat dalam kawasan ini dan satu kajian ranchangan² kemajuan yang besar akan di-buat untuk meng-galak dan memandu usaha² kemajuan jangka panjang yang kukoh.

(v) *Pechahan-kepala 5—Kajian Pengangkutan—\$400,000*

Satu peruntokan sa-banyak \$400,000 telah di-masokkan dalam Anggaran² Pembangunan Tahun 1968 di-bawah Kajian Pengangkutan. Peruntokan ini ada-lah berupa charum wang tunai Kerajaan Malaysia kepada Ranchangan Pembangunan Bangsa² Bersatu bagi penyiasatan pengangkutan seluroh negara dan juga peruntokan² untuk membayar gaji kakitangan² tempatan dan belanja kemudahan² yang Kerajaan Malaysia telah bersetuju mengadakannya sa-bagaimana yang terkandung dalam surat perjanjian dengan pehak Ranchangan Pembangunan Bangsa² Bersatu yang telah di-tandatangani pada 25hb September, 1967. Kerja² penyiasatan ini telah pun berjalan selama 3 bulan dan sedang berjalan dengan baik-nya.

Tujuan penyiasatan ini pertama-nya ia-lah hendak menyusun satu ranchangan yang lengkap berkenaan dengan ranchangan penanaman modal dalam perusahaan pengangkutan bagi seluroh negara yang meliputi semua

jenis pengangkutan bagi tahun 1969 hingga 1976 dan ranchangan yang lebih luas lagi bagi tempoh tahun 1976 hingga 1985. Tujuan yang kedua ia-lah untuk membuat shor² berkenaan dengan memperelokkan bagi perjalanan², pentadbiran² dan susunan pengangkutan di-dalam negeri ini supaya dapat di-susun usaha memajukan pengangkutan. Dengan hal yang demikian akan di-dapati-lah satu dasar pengangkutan negara yang kukuh yang bermaksud hendak menubuhkan satu bentok pengangkutan yang sa-benar dan berchorak yang sesuai dengan kehendak Ranchangan Pembangunan Ekonomi sa-bagaimana yang di-chadangkan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama dan Ranchangan Pembangunan masa hadapan.

Penyiasatan ini di-jangka akan dapat di-siapkan pada bulan Jun tahun ini. Kerajaan akan menempatkan pegawai² tempatan untuk berkhidmat bersama² dengan beberapa orang pakar yang sedang menjalankan penyiasatan itu dan dengan itu dapat-lah pegawai² tempatan pengalaman dalam perkara itu dan mempelajari selok belok penyiasatan itu dan apabila pakar² ini balek kelak, kerja² melaksanakan hasil² penyiasatan itu boleh di-jalankan oleh pegawai² tempatan.

Di-bawah projek ini, Ranchangan Pembangunan Bangsa² Bersatu telah juga mengeluarkan fellowship bagi ra'ayat Malaysia untuk mendapat latehan di-luar negeri dalam perkara Ranchangan Pengangkutan sa-macam ini, sa-telah kajian itu tamat.

(vi) *Pechahan-kepala 6—Kajian Ranchangan—\$320,000*

Peruntukan sa-banyak \$320,000 di-pohonkan bagi menjalankan kajian ranchangan yang mustahak di-segerakan dengan tujuan supaya wang yang di-kehendaki bagi pembangunan dapat di-perolehi daripada luar negeri. Kebanyakan daripada kajian ini ia-lah dalam bahagian pengangkutan dan beberapa ranchangan yang mustahak di-segerakan dalam bahagian ini boleh di-dapati daripada kajian pengangkutan seluruh-nya.

Suatu kajian bagi perbekalan ayer dan saloran najis di-negeri Melaka sudah pun berjalan sekarang dan perbelanjaan kerana ranchangan itu adalah di-masokkan di-bawah Pechahan-kepala ini. Kajian² lain mengenai kursus kemajuan tanah yang besar² akan juga di-jalankan tidak berapa lama lagi.

Pechahan-kepala 7—Pengangkutan dan Perjalanan—\$20,000

Peruntukan sa-banyak \$20,000 ini di-kehendaki oleh sebab Perbendaharaan telah menetapkan bahawa mulai daripada 1hb Jun 1967 tuntutan Pengangkutan dan Perjalanan Pegawai² yang bertugas dalam projek² Pembangunan boleh-lah di-bayar daripada peruntukan baharu di-bawah tajok Pengangkutan dan Perjalanan yang di-ujudkan dalam Anggaran Pembangunan di-bawah Kepala Kementerian² yang berkenaan. Sa-belum daripada ini tuntutan seperti itu di-kenakan daripada peruntukan Pengangkutan dan Perjalanan dalam Anggaran Biasa.

Jumlah \$20,000 ini ia-lah untuk perbelanjaan Pengangkutan dan Perjalanan Pegawai² yang bertugas dalam projek² Pembangunan di-bawah Bahagian Peranchang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, sekarang saya masok kapada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kepala 118. Wang yang di-kehendaki sa-banyak \$1,193,000 dan saya suka-lah juga menerangkan sedikit sa-banyak mengikut Kepala² yang berkenaan.

Di-bawah Pechahan-kepala I—Kemudahan Riadah peruntukan sa-banyak \$500,000 ada-lah kehendaki untuk menyambong kerja² berhubung dengan pembenaan Padang Golf Subang dan kerja² pembenaan Padang. Golf tersebut ada-lah sedang di-jalankan mengikut sa-bagaimana yang di-ranchangkan.

Peruntukan sa-banyak \$47,500 ada-lah di-kehendaki untuk Pechahan-kepala 2—Pusat Latehan Pimpinan Belia Kebangsaan di-Pertak, Kuala Kubu Bharu. Peruntukan ini ada-lah

di-pechakan untuk perbelanjaan² yang di-ranchangkan seperti berikut:

- (i) \$40,000 ada-lah untuk menyiapkan pembenaan 4 unit rumah² kakitangan Pusat,
- (ii) ada-lah untuk perbelanjaan memagar kawasan rumah² tersebut, mengadakan sa-buah "incinerator", meluaskan ruangan pejabat, dan membena sa-buah pelindung bas Pusat tersebut.

Dengan ada-nya rumah² kakitangan tersebut masaalah tempat tinggal kakitangan² Pusat seperti pensharah dapat-lah di-atasi, dan dengan itu juga dapat-lah melichinkan perjalanan kursus² di-Pusat itu.

Dalam sa-panjang tahun 1967 seramai 801 orang pemimpin belia telah mengikuti kursus² di-Pusat itu. Sa-banyak 49 kursus telah di-jayakan dalam tahun 1967. Antara kursus² ini termasuk-lah Kursus Pimpinan yang dapat di-adakan sa-banyak 12 kali, dan kursus panjang sa-lama 3 bulan bagi Urusan Rumah Tangga dan kursus ini dapat di-adakan sa-banyak tiga kali dalam tahun 1967. Sementara tahun 1968 ini Kementerian ini akan mengadakan kursus² Pimpinan yang lebih lagi "intensif" serta di-isikan dengan mata-pelajaran² yang berarah kepada Ranchangan² Pembangunan Negara.

Peruntokan sa-banyak \$2,000 yang di-pohon di-bawah Pechahan-kepala 3—Pusat Belia Negeri Selangor ada-lah untuk perbelanjaan melengkapkan lagi peralatan² dan kemudahan Pusat, lebih² lagi kemudahan berlateh untuk sokan. Pada masa ini, Pusat tersebut telah pun di-lengkapkan dengan kemudahan² berlateh dalam bidang² kebudayaan, belia dan sokan, umpamanya pada penghujung tahun 1967, kemudahan² sokan seperti sa-buah gelanggang berlari bitumen (bitumen running track), sa-buah padang bola, dan kelengkapan² untuk achara² lompat dalam olahraga telah pun di-siapkan. Dengan ini latehan² "centralized" dalam sokan dapat-lah di-adakan di-Pusat tersebut. Pusat ini ada-lah merupakan Pusat Pelbagai-guna Negeri Selangor.

Sa-buah lagi Pusat Pelbagai-guna Negeri akan di-benakan dalam tahun

1968 ini ia-itu di-Negeri Perlis. Dengan itu wang peruntokan sa-banyak \$260,000 yang di-pohon di-bawah Pechahan-kepala 4 ada-lah untuk perbelanjaan bagi membena Pusat ini. Ada-lah di-dalam ranchangan Kementerian ini untuk membena Pusat Pelbagai-guna di-tiap² Negeri di-Malaysia ini. Oleh kerana kedudukan kewangan tidak begitu mengizinkan, maka Kementerian ini terpaksa-lah mengadakan Pusat² tersebut perlahan² sa-laras dengan kedudukan kewangan Negara. Walau bagaimana pun Kementerian ini berasa sangat sukachita kerana sambutan Kerajaan² Negeri dalam projek ini sangat-lah memuaskan. Kementerian ini telah pun memperolehi tanah² bagi projek ini, sa-lain daripada di-Perlis, di-Negeri² Kelantan, Perak, Trengganu, Pulau Pinang dan Sarawak dan Kementerian ini maseh lagi mengadakan rundingan² dengan Kerajaan² Negeri lain untuk memperolehi tanah² bagi ranchangan tersebut. Ada-lah di-harapkan dengan ada-nya pusat² ini di-negeri² di-Malaysia, dapat-lah kita memajukan lagi belia² di-negara ini di-lapangan² kegiatan kebudayaan, belia dan sokan. Pusat² ini akan di-lengkapkan dengan dewan dan pentas, bilek² sharahan, bilek² kegiatan, pertukangan dan urusan rumah tangga, kemudahan² asrama, dan kemudahan sokan seperti yang ada di-Pusat Belia Negeri Selangor yang bertempat di-Kampong Pandan, Kuala Lumpur itu.

Di-bawah Pechahan-kepala 5—Angkatan Belia Pelupor Negara peruntokan sa-banyak \$183,500 ada-lah di-kehendaki untuk menjalankan ranchangan latehan dalam bahagian² seperti pertukangan kayu, pembenaan rumah, membaiki jentera, jahitan, pertanian, ternakan dan kursus² dalam perkara televisyen, radio dan letrik. Sa-hingga penghujung tahun 1967 seramai 361 peserta sedang mengikuti sechara "specialized" dalam antara kursus² yang tersebut. Dalam ranchangan bagi 1968 ini ada-lah di-ranchangkan seramai 800 peserta akan di-ambil mengikut waktu² yang di-jadualkan dan mereka ini akan di-lateh mengikut perengkat² latehan seperti Latehan Asas dan Tata-tertib, Khidmat dalam "Work-Section" dan Latehan Tetap

yang merupakan latehan² "specialized". Ada-lah di-jangka sa-hingga penghujung tahun 1968 Angkatan ini akan mempunyai seramai 1,000 peserta, sementara kumpulan pertama sa-ramai 170 orang akan tamat kursus mereka pada pertengahan tahun ini.

Peruntokan sa-banyak \$150,000 ada-lah di-kehendaki untuk menjalankan kerja² pembenaan di-Muzium Negara. Peruntokan ini ada-lah yang di-pohonkan di-bawah Pechahan-kepala 6. Pechahan² perbelanjaan yang di-anggar-kan ada-lah saperti berikut:

\$45,000 ada-lah untuk membekal dan memasang alat penyejok (air-condition) di-Gallery tingkat kedua muzium tersebut.

\$105,000 ada-lah untuk memasang lampu² istimewa, melapis lantai, membuat kotak² pameran, membena 2 buah jamban dan memasang lantai mezzanine.

Dengan ada-nya peruntokan ini ada-lah di-jangka Gallery yang akan mempamerkan proses² ekonomi dan teknologi baharu dan lama negara ini dapat di-percepatkan pembenaan-nya.

Peruntokan yang di-pohon di-bawah Pechahan-kapala 7 ada-lah di-kehendaki untuk membaiki pagar yang ada di-Stadium Negara pada masa ini, ia-itu, dengan chara meninggikan pagar itu supaya tidak dapat di-panjat orang sa-masa di-adakan acara² yang tertentu.

Tuan Pengerusi, saya masok pula kapada Kementerian Luar Negeri, Kepala 150. Wang yang di-kehendaki sa-banyak \$2,500,000. Sa-bagaimana yang akan di-perhatikan, jumlah peruntokan yang di-kehendaki bagi tiap² satu projek tidak-lah menunjukkan dan anggaran perbelanjaan itu dan keadaan ini ada-lah memikirkan faedah²-nya, kerana memikirkan faedah² kapada persahabatan Malaysia dengan nagara² lain. Walau bagaimana pun peruntokan yang di-kehendaki itu ada-lah untuk projek di-bawah ini:

(1) *Tokyo*—Projek ini ada-lah untuk pembenaan sa-buah bangunan Chancery dan dua buah rumah untuk kediaman

kakitangan sa-bagai menggantikan bangunan Chancery yang lama. Bangunan Chancery yang lama itu terletak di-atas sa-keping tanah yang mana sa-bahagian-nya telah di-beli oleh Tokyo Express Way Corporation untuk membuat sa-batang jalan raya yang baharu. Bangunan Chancery itu bukan sahaja kecil dan tidak boleh di-perluaskan lagi untuk menempatkan kakitangan² yang makin bertambah, tetapi juga tempat-nya tidak berapa elok, oleh kerana jalan² menuju ka-bandar tidak baik.

Oleh itu sa-keping tanah telah di-beli untuk berdiri sa-buah Chancery dan rumah² kakitangan yang baharu.

(2) *New Delhi*—Projek ini ia-lah untuk pembenaan tempat kediaman Pesuruhjaya Tinggi. Bangunan Chancery dan rumah² untuk kediaman kakitangan di-atas sa-keping tanah yang telah di-beli oleh diplomatic enclaves. Jika projek ini di-laksanakan, maka simpanan yang banyak akan di-perolehi melalui sewa dan juga memberi keselamatan yang berkesan kapada Surohanjaya Tinggi itu.

(3) *Washington*—Projek ini mengan-dongi pembenaan sa-buah Chancery baharu yang akan di-dirikan di-dalam kawasan Chancery yang ada sekarang. Chancery yang lama itu telah di-dapati tidak memuaskan, kerana terlalu kecil dan tidak boleh menempatkan kakitangan Kedutaan yang makin bertambah itu.

(4) *Wellington*—Projek itu ada-lah untuk memberi bangunan² untuk menggunakan sa-bagai Chancery dan rumah² untuk kediaman kakitangan bagi Surohanjaya Tinggi yang telah di-chadangkan di-New Zealand.

(5) *Cairo*—Peruntokan yang di-kehendaki bagi Cairo ia-lah untuk membolehkan Kedutaan ini membaiki, bahagian tempat kediaman Duta Besar yang mana lantai dan dinding²-nya telah berumur oleh kerana kebochoran sa-buah paip di-atas bumbong kediaman itu. Projek² ini merupakan sa-bahagian daripada Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama 1966-1970 yang menguntokkan jumlah perbelanjaan besar bagi Kementerian

ini sa-banyak \$12,465,000. Projek² ini telah pun di-kaji dengan teliti-nya oleh Jawatan-kuasa Peranchang Pembangunan Negara.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mengusulkan perkara² yang tersebut di-atas tadi menjadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan bagi tahun 1968.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.45 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 6 petang.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Meshuarat*)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I rise to support fully Head 150, Ministry of Foreign Affairs \$2,500,000 for our Ambassadors offices overseas, for which they are being used with generally good results.

While I do not intend in this debate to review the excellent results and good work of our Foreign Minister, who is also our Honourable Prime Minister, and his Ministry of Foreign Affairs in the field of political work, in which there are many officers of dedication, but I do feel very strongly that there is a great need to make use of the vehicles of diplomacy to further the salesmanship of our products overseas. This is particularly important in view of our export drive and acceleration of industrialisation to generate more employment, more income and foreign exchange against a background of sharp decline in the prices of our major export products.

For instance, we need a bigger effort to sell more of our rubber and to look for wider markets for our products. We also need to gather, to collect trade and economic information with a view to formulate tactics and strategies in order to expand and to strengthen our economic frontiers across the seas. I realize some of these works are to be undertaken by our Trade Commissioner Service but in such a small country like ours in which we cannot afford to have too much specialization with par excellent quality, we should harness the energies and expertise of our Foreign Service in the art of diplomacy, in the promotion of our economic interest, of which we should be making a concerted effort within the framework of our general objective, to subtain, to continue and to increase the rate of prosperity for our country and on which depends so much of our political stability.

As we are all aware in the present world, one cannot separate politics and economy, both subjects go together, one depends on the other and indeed in present diplomacy, in current international relations, one often promotes and furthers one's interests, one bargains and counter-bargains by employing one argument to obtain the objectives of the other. To accomplish an economic gain for instance, one often utilizes a political argument and indeed sometimes political pressure and vice versa. As such, our diplomats should not only concentrate on political work overseas, which on the whole they have done very well, but also concentrate on economic matters.

As one of the steps to be taken, we should explore into the possibility of strengthening our economic division in the Ministry of Foreign Affairs and to create a sense of awareness among our internal ministries and departments to utilize to the fullest the vehicle of diplomacy in our various economic and other operations. The Foreign Service should be constantly consulted, kept informed, assistance requested, continuing dialogue to be sustained in economic matters.

Sir, another point I would also like to refer to do is the plight of our foreign affair officials and their families serving overseas in countries which are in a state of war or hostilities.

The most recent example is what is happening in Saigon. With all the fighting that is going on and dislocation of normal activities, food shortage and dwindling food stocks have increased the cost of living tremendously. I understand that in Saigon two bowls of soup with two slices of bread cost Mal. \$24! Even the American Embassy there has gone into wholesale food business to sell C rations to American civilians to relieve the severe food shortage.

The present existing living allowances would certainly be insufficient for them to live. Under such circumstances, I feel very strongly that a permanent arrangement be allowed, whereby our Ambassadors in areas where hostilities occur should have power to increase on the spot the living allowances of our officials and their families in order to enable them to live. I refer in particular to areas in which we have missions and where hostilities are occurring or likely to occur, such as Saigon, Souel, Cairo, Lagos, Rawalpindi and New Delhi (*vis-a-vis* Kashmir and Run of Kutch) and even Bangkok as potential sequel to the Vietnam war.

While I appreciate that in the past our Minister of Foreign Affairs has always taken steps to assist and help our officers in such situation, e.g., in Jakarta at the start of confrontation, in Cairo during the Middle East Crisis, but this is done after the matters have been referred to the Ministry at home and necessary approval obtained. This procedure takes time, and in time of war with dislocation of communication delay is inevitable, and our officials and their families may starve in the meantime.

Hence I would like to urge our Government to consider seriously my proposal.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi,

saya bangun menyokong peruntukan yang di-minta di-bawah ketiga² Kementerian, ia-itu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Saya rasa perkara yang hendak saya sentoh pertama sa-kali di-bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pechahan-kepala 3—Pusat Belia Negeri Selangor yang pada masa ini merupakan Pusat Pelbagai-guna bagi serba-serbi kegiatan belia dan kegiatan sokan. Dan saya rasa ada-lah segala perkara yang di-jalankan di-pusat ini sangat terator dan sangat baik dan menurut yang saya tahu sekarang ini latehan² Centralise Training untuk ahli² sokan kita pun akan di-adakan di-Pusat ini. Mengenai latehan² Ahli² sokan kita barangkali latehan² yang di-jalankan yang mustahak dan latehan² bagi menyediakan pasokan kita untuk bertanding dalam Pertandingan Olympic yang akan datang.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya suka-lah menarek perhatian kapada perkembangan² baharu yang berlaku mengenai dengan Pertandingan Olympic itu yang mana pada masa yang akhir² ini pehak Majlis Olympic sa-Dunia telah menerima kembali Afrika Selatan untuk bertanding dalam Pertandingan Olympic itu. Dan pada masa ini sa-bilangan negara² Afrika dan Asia telah mula membuat keputusan bagi memulaukan Pertandingan Olympic yang akan di-adakan di-Mexico itu. Saya merasa, Tuan Pengerusi, bahawa Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang menjadi pelupor bagi perjuangan menentang dasar "apartheid" Afrika Selatan patut dengan tegas dan terang masa ini mengambil keputusan bersama² memulaukan Pertandingan Olympic yang akan di-adakan di-Mexico itu supaya ternyata kapada dunia bahawa Malaysia berdiri di-sabelah pehak kebenaran dan ke'adilan. Mahu tidak mahu, Tuan Pengerusi, jikalau kita hendak memperjuangkan dasar "apartheid" ini dengan tegas dan dengan berkesan, maka keputusan ini tidak dapat tidak, mesti di-buat oleh Malaysia dan saya berseru kapada Kerajaan, kapada pehak Majlis Olympic

Malaysia supaya membuat keputusan yang segera bagi menentukan sikap kita memulaukan Pertandingan Olympic di-Mexico itu, kerana keputusan Majlis Olympic sa-Dunia yang telah tersalah membenarkan sa-mula Afrika Selatan bertanding di-dalam Pertandingan Olympic itu.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah soal Angkatan Belia Pelupor Negara, Pechahan-kepala 5, dan saya rasa usaha mengadakan Angkatan Belia Pelupor Negara ini suatu usaha yang sangat baik dan sa-bilangan yang tidak kechil daripada pemuda² kita sekarang ini menerima latehan yang sangat baik dalam berbagai² jenis vocational dan lain² lagi yang boleh memperlengkapkan mereka bagi menjadi belia yang berguna dalam masharakat.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan tentu tidak dapat menjamin bahawa belia² kita yang akan keluar daripada Pusat Latehan Angkatan Belia Pelupor ini mesti akan mendapat pekerjaan sa-telah mereka itu keluar. Tetapi saya suka mengshorkan kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan supaya mengadakan perundingan dengan pihak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan bagi menchari jalan supaya menyediakan sedikit sa-banyak pekerjaan yang boleh dalam lapangan industry sa-telah mereka itu keluar kelak supaya pihak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan mengadakan perundingan dengan pihak industry yang ada di-negeri ini bagi menerima belia² yang telah di-lateh dalam lapangan pertukangan kayu, dalam lapangan perusahaan, lapangan mechanic dan sa-bagai-nya ini supaya pihak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dapat berkira dengan pihak industry bagi menerima dan *absorb* pemuda² yang di-lateh dengan baik-nya daripada Pusat Angkatan Belia Pelupor Negara ini dan pihak Ahli² Dewan ini saya perchaya akan menyokong penoh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dalam mendesak kepada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan bagi menjayakan maksud ini.

Saya rasa memang-lah sangat patut di-adakan *co-ordination* dan kerjasama

yang baik dengan pihak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan saya perchaya bahawa pihak industri² yang membuka lapangan² baharu perusahaan mereka di-negeri kita ini. Jikalau dapat di-anjorkan daripada pihak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan akan dapat menerima belia² yang kita asoh dengan baik dengan latehan kerja, dengan semangat kebangsaan, dengan semangat bekerja dengan bertungkus-lumus ini bekerja masuk dalam industry yang sesuai dengan kelayakan yang diberi latehan pada mereka dalam masa dua tahun mereka berlateh di-Pusat Angkatan Belia Pelupor Negara itu.

Saya suka hendak beredar kapada Jabatan Perdana Menteri, Pechahan-kepala 2—Arkib Negara. Dalam Peruntukan ini, Tuan Pengerusi, dalam Kepala ini satu peruntukan baharu sa-banyak \$340,000 di-minta bagi membena bangunan baharu bagi Arkib Negara. Sa-panjang yang saya faham bahawa pada masa ini Pejabat Arkib Negara ini telah mendudoki suatu bangunan baharu di-Petaling Jaya. Ada-kah maksud permintaan bagi peruntukan baharu ini untuk mengadakan suatu bangunan yang lain daripada bangunan yang ada sekarang? Saya rasa kalau begitu kita hanya akan menghilangkan atau kita membuat suatu ranchangan kerja yang merugikan duit negara sahaja, kerana memang telah di-buat rumah bangunan yang baharu sekarang di-sabelah belakang Pejabat Kerajaan di-Petaling Jaya dan di-khaskan kepada Arkib Negara, tiba² sekarang kita hendak membuat sa-buah bangunan lain untuk Arkib Negara juga. Ada-kah bangunan yang baharu sekarang ini, baharu sa-tahun atau dua tahun, tidak sampai sa-tahun saya kira, yang hendak di-dudoki tidak chukup, tidak muat dengan kehendak² dan keperluan Arkib Negara, atau memang sengaja hendak chari satu bangunan yang lain yang lebeh hebat, yang lebeh tersergam bagi mengisi dan memuatkan kakitangan dan segala keperluan² Arkib Negara itu? Saya rasa kalau negara kita sekarang ini menjalankan dasar ekonomi, maka saya rasa langkah yang di-minta sa-banyak \$340,000 ini ada-lah langkah yang

kurang tepat sedikit dan saya harap supaya di-kaji sa-mula.

Saya beredar kepada Kementerian Luar Negeri dan saya rasa saya menyokong di-atas peruntukan yang di-minta ini bagi mengadakan bangunan² baharu Pejabat² Kedutaan kita di-beberapa buah negeri seperti di-India, di-Washington dan lain² lagi. Ada suatu perkara yang menarik perhatian saya dalam peruntukan yang di-minta daripada \$2.5 juta ini ia-itu di-tempat² lain di-chadangkan hendak di-buat pejabat² baharu atau bangunan² yang tersendiri yang di-beri oleh negara kita. Ini satu perkara yang sangat baik, kerana saya sudah tengok satu dua tempat di-mana Kerajaan kita telah mendirikan bangunan kita sendiri dengan kita dapat mendirikan bangunan Pejabat Kedutaan itu berbentuk Malaysia dan siapa yang pergi ka-sana dapat menengok macham di-Bangkok bentok-nya, architecture-nya dan sa-bagai-nya ia-lah betul² merupakan suatu bentok yang tersendiri, suatu bentok yang mengketengahkan keperibadian negara kita.

Dalam peruntukan yang di-minta ini, di-minta juga Peruntukan Wellington untuk membeli rumah² atau bangunan² bagi Pejabat Pesuruhjaya Tinggi kita di-New Zealand. Saya rasa jika dasar kita berjalan seperti yang ada di-Bangkok, di-India, di-Amerika dan lain² negeri untuk membuat bangunan kita sendiri, mengapa pula di-Wellington ini kita hendak membeli rumah yang telah sedia ada. Kenapa tidak di-ikhtiarkan oleh Kementerian Luar Negeri ini bagi menchari tanah yang sesuai, dan membuat bangunan sa-bagaimana kita buat di-Bangkok atau di-Tokyo yang hendak di-buat sekarang, atau Washington yang hendak di-buat baharu² ini supaya kita dapat membentok sa-buah bangunan bagi Kedutaan, atau Pesuruhjaya Tinggi kita di-sana yang boleh membawa keperibadian Malaysia ini dan menjadi suatu da'ayah sa-chara tidak langsung kepada siapa sahaja yang datang, atau melihat bangunan Kedutaan kita di-New Zealand, itu Saya berharap bahawa jikalau kita telah menjalankan dasar ini di-negeri

lain, maka di-New Zealand juga kita dapat menjalankan dasar ini dengan kita mendirikan bangunan Pejabat Pesuruhjaya kita di-sana itu dengan sa-chara bentok yang kita kehendaki menurut bentok dan chorak Malaysia.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan hal Kedutaan dan bangunan Kedutaan ini, saya suka menarik perhatian bahawa di-satengah² Kedutaan dan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi kita di-luar negeri, saya nampak selalu kurang perhatian di-beri bagi menunjukkan di-Kedutaan² itu gambar² dan barang² perbuatan Malaysia. Saya ingat patut Pejabat² Kedutaan kita ini di-ambil perhatian yang istimewa bagi mempamerkan gambar² yang menarik dan juga mempamerkan barang² perbuatan kita yang baik, yang bukan-lah kita taroh di-situ dua tahun sampai berdebu, sampai berlumut, tetapi ditukar²kan barang² itu sa-tahun sa-kali, sa-tahun satu kali-kah, sa-tahun tiga kali-lah, sa-hingga tiap² orang yang datang ka-Kedutaan kita itu dapat melihat bahawa ini dia Malaysia dan ini-lah dia barang² perbuatan Malaysia dan ini-lah gambaran Malaysia yang dapat menarik perhatian sunggoh², dan saya nampak satu dua tempat yang saya telah sampai di-luar negeri memang dari segi ini kita kurang memberi perhatian. Saya rasa memang chukup perlu bagi Kementerian Luar Negeri memberi perhatian yang agak berat sedikit kepada perkara ini supaya image dan gambar kita di-luar negeri dapat bertambah baik dengan ada-nya perhatian kita membuat pameran dan pertunjukkan perkara² yang patut menarik perhatian orang² di-luar negeri kepada negara kita.

Berhubung dengan ini juga, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menarik perhatian di-atas sedikit penderitaan sa-tengah² diplomat² kita di-luar negeri yang saya tahu ia-itu tentang elaan sekolah anak² diplomat² itu. Menurut keadaan-nya

Engku Muhsein bin Abdul Kadir:
Tuan Pengerusi, saya bukan-lah tidak menyokong pandangan beliau itu, tetapi kita dalam perengkat Jawatan-kuasa dan perkara yang di-binchangkan

ia-lah sa-mata² berkenaan dengan bangunan. Jadi kalau kita melarat kapada elaun dan sa-bagai-nya, saya rasa itu telah keluar daripada Butiran yang kita bahathkan ini.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Sadikit sahaja, Tuan Pengerusi berhubung dengan Pejabat dan orang² dalam Pejabat itu.

Tuan Pengerusi: Ini berkenaan dengan bangunan sahaja—tidak ada kena-mengena dengan orang² dalam bangunan itu.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Jadi itu-lah, Tuan Pengerusi, tentu-lah untuk menjaga rumah dan bangunan ini, kita harap memberi semangat dan kerja yang baik kapada orang² dan pegawai² dalam bangunan itu, barangkali ada-lah sa-tengah² pegawai ini yang bersungut tentang elaun pelajaran anak² sekolah mereka itu kerana sekarang ini elaun yang di-bayar kapada dua orang anak sahaja, kalau lebeh daripada dua orang anak tidak di-bayar. Saya rasa ini menyebabkan kerana perbelanjaan sekolah di-luar negeri terlampau tinggi. Saya rasa patut-lah pehak Kementerian ini mengkaji sa-mula kedudukan ini supaya pegawai² dan diplomat² kita itu dapat semangat bekerja yang lebeh baik dan lebeh kuat lagi dengan ada pandangan dan perhatian serta kajian dalam segi ini. Terima kaseh.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya minta kebenaran berchakap pendek sahaja berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, muka 25, Kepala 118, Pechahan-kepala 1—Kemudahan² Riadah, perbelanjaan sa-banyak \$500,000. Tuan Pengerusi, sokan ada-lah sa-jenis permainan yang sangat di-gemari oleh orang² kita pada hari ini, terutama sa-kali ia-lah golf. Kalau kita ber-jumpa dua tiga orang di-bandar raya kita ini mereka tidak ada berchakap lain, melainkan berchakap fasal Golf dan perbelanjaan sa-tengah juta ringgit ini akan di-belanjai oleh Kementerian yang berkenaan ini untuk membuat satu padang golf di-Subang. Saya sokong sa-penoh-nya.

Tuan Pengerusi, satu Padang Golf lagi ia-lah Royal Golf Club. Kalau saya tidak betul minta di-betulkan. Kalau sa-saorang hendak masuk menjadi ahli Royal Golf Club ini akan mengambil masa enam bulan dan sa-belum dia hendak masuk pun dia kena bayar deposit \$1,000. Lepas enam bulan tidak tentu lagi sama ada dia di-terima menjadi ahli itu atau tidak.....

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan pembenaan riadah termasuk padang golf, bukan soal membership dan sa-bagai-nya. Dan kalau, Tuan Pengerusi, biarkan bagini sampai bila pun Majlis kita ini tidak terator.

Tuan Tajudin bin Ali: Tuan Pengerusi, saya tidak dengar apa yang di-chakapkan oleh Menteri Muda tadi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat minta sa-kali lagi di-terangkan.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, maksud saya kita ini berada dalam perengkat Jawatan-kuasa. Ahli Yang Berhormat berchakap dalam perkara² riadah, dalam soal pembenaan golf dan lain² lagi. Jadi kalau berchakap dalam soal *membership*, saya rasa terkeluar-lah daripada hal Jawatan-kuasa ini dan ini saya rasa elok-lah di-bahathkan on general policy dahulu. Bukan-lah saya hendak menahan Ahli Yang Berhormat itu berchakap tetapi saya rasa untuk kesempurnaan perjalanan kita; kalau berlaku bagini sampai bila² pun barangkali kita tidak habis kerana kita ini berulang² balek.

Tuan Tajudin bin Ali: Tuan Pengerusi, nampak-nya Menteri Muda kita hari ini chukup ketat sangat. Tidak boleh membuat preamble sadikit pun, sedangkan wang sa-tengah juta ringgit kita hendak luluskan, bukan-lah hendak luluskan begitu sahaja. Macham manakah hendak berchakap begitu, Tuan Pengerusi, biar-lah saya berchakap sa-minit dua—saya tahu-lah pendekkan.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, berchakap mengikut peratoran tidak apa-lah; ini saya rasa

di-luar daripada perengkat Jawatan-kuasa; walau macham mana pun ter-pulang-lah kapada Tuan Pengerusi menentukan-nya.

Tuan Pengerusi: Kadang² saya benar-kan juga!

Tuan Tajudin bin Ali: Tuan Penge-rusi, sokong memang saya sokong. Maksud saya bagini: sungguh pun padang satu lagi akan di-buat di-Subang, itu tidak menchukupi. Jadi saya hendak sokong, kalau sa-kira-nya Menteri Muda ini minta wang lebeh banyak lagi bagi peruntokan ini, saya akan menyokong; itu tujuan-nya. Satu padang golf, ia-itu Royal Golf Club tidak chukup; hendak buat di-Subang, saya sokong, kalau buat satu lagi pun, saya akan sokong—ini tujuan-nya supaya jangan susah ra'ayat jelata, kerana saya telah nyatakan terlebeh dahulu ia-itu golf ada-lah sa-jenis sokan yang sangat popular sekarang ini.

Jadi, saya nampak perbelanjaan ini sungguh pun berpatutan, saya hendak shorkan kapada Menteri yang ber-kenaan, kalau wang peruntokan tidak chukup, minta duit lagi. Saya ada di-sini, saya akan memberi sokongan.

Jadi kalau sokongan berkenaan dengan duit ini, lebeh² lagi saya sokong, dia jangan ragu². Di-sini, Tuan Penge-rusi, sedikit sahaja lagi saya hendak hubongkan pendapat saya, kalau padang golf di-Subang ini siap wang peruntokan tidak chukup lagi, saya akan menyokong-nya, kerana sa-bagai-mana saya katakan tadi golf ini ada-lah satu jenis sokan yang sangat popular. Jadi saya mendatangkan shor kapada Menteri supaya minta duit lagi dan chari tempat yang lain², satu dari-pada tempat yang baik-nya, saya rasa, ia-lah kalau kita berjalan daripada Kajang ka-Petaling Jaya, banyak di-kiri kanan itu tanah lapang dan di-sini kita boleh buat satu padang golf lagi. Kalau dia bersetuju dengan shor saya ini, datang-lah ka-Dewan ini minta duit lagi, saya akan sokong dan macham Royal Golf Selangor, susah sangat hendak jadi member. Ini akan datang kesusahan kapada ra'ayat jelata, enam bulan tidak tentu lagi dapat jadi membership, sungguh pun dia boleh

mengeluarkan wang deposit sampai \$1,000. Saya harap Menteri yang ber-kenaan faham-lah chakap saya itu. Terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong permintaan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu. Saya hendak berchakap di-atas Kepala 100, Pechahan-kepala 1—Kajian² Pemba-ngunan Ekonomi. Apa yang saya hendak sentoh, Tuan Pengerusi, dalam Pechahan-kepala 1, itu ada token vote sa-banyak \$10. Jadi kajian ini bagaima-na yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan tadi, ia-itu Ranchangan Ekonomi dalam bidang pembangunan. Saya hendak menarek perhatian ia-itu ekonomi yang sudah di-laksanakan patut juga di-buatkan kajian, di-buatkan siasatan, supaya tidak rugi negara kita ini, umpama-nya saya hendak mithalkan Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ia-itu Kerajaan telah dirikan Kilang Nanas di-Pontian. Kawasan tanam nanas juga patut di-kaji, sebab 30 tahun yang akan datang tempat itu tidak boleh di-tanam nanas lagi. Mereka hendak tanam getah kerana tanah gambut itu sudah habis dan Kerajaan hendak buat lagi satu kilang lain daripada yang ada sekarang di-Pontian itu maka bila mana tanah nanas ini sudah bertukar kapada tanaman lain, maka ini akan men-datangkan kerugian kapada kilang² kita itu. Saya fikir patut juga di-buatkan perhatikan dalam masaalah ini.

Saya hendak berchakap pada Kepala 118, Pechahan-kepala 5—Angkatan Belia Pelupor Negara sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh rakan sa-jawat saya tadi, chuma yang saya mengharapka ia-itu belia² yang lepas daripada mengambil kursus ini yang telah mengambil bahagian dalam per-tanian supaya di-beri peluang mereka itu bersama² dengan belia² dalam tempatan itu membuat ranchangan pertanian di-tempat itu, dan dalam bidang bekerja pula, patut kita galak-kan mereka mendaftarkan diri kapada Pejabat Buroh, sebab di-mana² kilang atau di-mana² perusahaan yang ada

hubungan dengan pelajaran yang mereka dapat itu, dapat-lah belia² kita ini menggunakan ilmu pengetahuan-nya kepada tempat² pekerjaan-nya itu.

Kepala 150, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Kementerian Luar Negeri. Ini ada-lah peruntukan kerana pembenaan. Saya harap Duta kita di-Indonesia juga patut di-perhatikan kerana banyak permintaan² yang dikehendaki oleh Duta kita di-sana dengan sebab bangunan itu telah lama di-tinggalkan berpuncha daripada konfrantasi dahulu.

Akhir-nya, saya menyokong-lah chadangan daripada rakan sa-jawat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara supaya Malaysia memulaukan Sukan Olympic yang diadakan di-Mexico itu. Ini satu tamparan kepada Malaysia, kalau kita masuk dalam Pertandingan Olympic di-Mexico itu. Itu-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya ada-lah juga mengalu²kan peruntukan pembangunan yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang mana mengikut ranchangan² terdapat di-sini ada-lah memberi puas hati, walau pun keadaan perbelanjaan pada tahun ini ada-lah dengan chara berjimat chermat. Satu perkara yang saya hendak menarek perhatian ia-lah berkenaan dengan Kepala 118. Pechahan-kepala 4—Pusat² Pelbagai-guna Negeri.

Sa-malam saya telah beruchap merasa teragu² bahawa sa-nya ada-kah tidak Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mendirikan sa-buah Pusat Belia di-Kangar sa-bagaimana yang di-janjikan dalam tahun yang lalu. Pada petang ini saya mengambil kesempatan dengan sa-penoh²-nya menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh di-atas chadangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk membena Pusat Belia yang tersebut ia-itu di-Kangar di-atas tanah yang telah pun di-sediakan. Hal ini bukan sahaja bagi pehak saya, tetapi telah di-sambut baik dan di-alu²kan dengan sa-penoh²-nya oleh seluroh

pemuda² di-Perlis, kerana Menteri yang berkenaan juga sedia ma'alum bahawa negeri Perlis sudah banyak Kelab² Belia yang telah di-tubuhkan dan sedang maju dalam berbagai² lapangan, dengan ada-nya ranchangan baharu dan perubahan baharu, ia-itu dengan ada-nya pegawai² khas belia dan juru² lateh-nya, maka dengan sebab itu-lah gerakan belia ini berjalan dengan begitu lancar dan maju, lebeh² lagi dengan ada-nya sa-buah Pusat Belia yang di-chadangkan itu tentu-lah sekali akan bertambah² maju. Saya menaruh sa-penoh² harapan jika sudi apa-lah jua kira-nya Menteri yang berkenaan meneruskan usaha dalam tahun ini juga.

Perkara yang kedua ia-lah Kepala 100, Pechahan-kepala 6—Kajian Ranchangan. Tadi saya telah mendengar Menteri yang berkenaan telah menerangkan berkenaan ranchangan Padang Golf dan sa-bagai-nya dan saya juga mengambil kesempatan di-sini dan menguchapkan terima kaseh terutama sa-kali pada Yang Teramat Mulia Tunku yang telah memberi bantuan membena sa-buah Padang Golf di-Perlis ia-itu bertempat di-Sungai Batu Pahat yang sekarang ini ada 9 lubang dan akan di-bena lagi sa-banyak 9 lubang menjadikan jumlah 18 lubang.

Jadi ini ada-lah satu padang golf yang boleh di-banggakan di-Utara Malaysia, kerana kedudukan tempat-nya chantek dan menarek hati dan menjadi tumpuan² kepada pelanchong² dan juga yang terutama sa-kali Yang Teramat Mulia Tunku biasa pergi melawat di-situ dan bermain golf dengan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis dan sa-bagai-nya, begitu juga pelawat² dari Thailand pun pergi bermain di-padang itu.

Bagaimana pun satu daripada perkara yang saya suka hendak shor-kan supaya satu peruntukan di-beri untuk membuat atau membena sa-buah padang golf international letak-nya di-Padang Besar, ia-itu sedikit daripada tanah Thailand dan sedikit daripada tanah Malaysia untuk di-buatkan Padang Golf yang terbesar di-situ

supaya dapat menghubungkan muhibbah dan kaseh sayang lagi dan kerjasama antara Thai dengan Malaysia. Tanah yang letak-nya situ chukup chantek, di-bawah sa-buah bukit dan lurah-nya chantek dan sedikit sahaja perubahan-nya ia-itu menebas pokok² yang kecil² itu sahaja, kemudian dapat-lah kita bermain dengan baik-nya ia-itu dengan kerjasama antara Malaysia dan Thailand. Kita sekarang sedang bekerjasama untuk pertahanan dan keselamatan negeri masing² dan ada baik-nya kalau sa-kira-nya tempat perundingan, tempat bertukar² fikiran itu di-letakkan di-perenggan antara Malaysia dengan Thailand supaya perhubungan-nya lebeh rapat dan lebeh menarek lagi pada sa-tiap masa. Sakali lagi saya mengambil kesempatan menguchapkan berbanyak² terima kaseh.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap dalam Kepala Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, Kepala 118, Pechahan-kepala 1—Kemudahan² Riadah. Semenjak terbentok-nya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, maka banyak-lah sumbangan² yang telah di-heri terhadap pembangunan belia dan kemajuan mereka dalam berbagai² segi terutama sa-kali dalam segi kebudayaan dan sokan. Dan kita perchaya masa depan belia ada-lah cherah dengan pimpinan yang ikhlas dari pegawai² Kementerian dan kerjasama yang rapat dari pemimpin² belia di-tanah ayer kita ini. Sa-panjang yang saya tahu kebanyakan Kemudahan² Riadah dan Pusat² Belia di-dirikan di-dalam bandar² dan Ibu² Kota sahaja yang mana tempat² ini kalau tidak banyak pun telah pun ada kemudahan² yang saya sebutkan tadi. Oleh itu dengan peruntokan yang ada dan juga peruntokan yang akan di-beri, saya harap pehak Kementerian ini akan menitek-beratkan memberi Kemudahan² Riadah ini di-luar² bandar di-dalam daerah² yang tidak ada Kemudahan² Riadah dan Pusat² Latehan supaya belia² daerah dan luar bandar juga terasa ada faedah dan ada perubahan dengan ada-nya Kementerian Belia dan Sokan ini sa-bagaimana mereka nampak kemudahan² dan

faedah² dengan ada-nya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Sa-kejap tadi ada dua tiga orang menchadangkan supaya di-banyakkan lagi padang² golf. Maka saya dengan chadangan ini, berasa tidak-lah bagitu bersetuju, sebab apa kalau hendak di-buka banyak juga padang² golf, maka faedah² yang besar tidak-lah dapat di-nekmati oleh belia² di-kampung² dan juga di-dalam daerah².

Pechahan-kepala 5—Angkatan Belia Pelupor Negara. Saya harap pehak Pusat Belia Pelupor Negara ini patut-lah membuat ranchangan yang lebeh besar untuk menerima banyak lagi belia² bagi mengambil latehan² dalam tempat ini, kerana ini merupakan satu pembangunan juga ia-itu Pembangunan Angkatan Belia kita dalam negara ini, maka lebeh banyak di-terima belia² untok mengambil latehan dalam pusat tersebut, maka akan lebeh banyak lagi belia² yang terpelajar yang dapat memberi sumbangan kapada negara dan tanah ayer kita. Jadi itu-lah sahaja dan saya menyokong penoh peruntokan yang telah di-minta oleh Kementerian ini.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh pada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang membena kapada Kementerian² yang saya kemukakan ini. Dalam perkara yang di-uchapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang sa-benar-nya ucapan beliau itu sa-patut-nya di-keluarkan sa-waktu perbahathan atas dasar dahulu dan sebab itu saya rasa tidak tepat untok saya memberi ulasan pada tingkatan Jawatan-kuasa yang ada pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara memberi pandangan berkenaan dengan soal Olympic yang akan di-adakan di-Mexico berhubung dengan soal kemasokan Afrika Selatan pada Pertandingan Olympic yang kahadapan ini. Perkara ini yang sa-benarnya sedang di-binchangkan oleh pehak Majlis Olympic yang sedang bersidang pada sa'at ini di-Stadium Negara dan walau macham mana pun, kalau Ahli

Yang Berhormat itu mengikuti pandangan yang telah di-berikan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita dalam perkara ini, maka boleh-lah Ahli Yang Berhormat itu perchaya bahawa apa juga tindakan yang akan di-buat oleh pihak Majlis Olympic ini, saya perchaya ada-lah sentiasa di-dasarkan kepada kepentingan negara kita sesuai dengan dasar² kita yang menentang akan dasar apartheid Afrika Selatan itu, walau macham mana pun oleh kerana perkara ini ia-lah hak Majlis Olympic sa-Dunia dengan Majlis Olympic Kebangsaan tiap² Negeri maka keadaan itu akan di-tentukan oleh pihak Majlis Olympic yang bersidang pada sekarang ini.

Dalam perkara pertanyaan Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara berkenaan dengan Angkatan Pelupor Negara yang juga di-ucapkan oleh beberapa orang Ahli² yang lain, saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ucapan dan pandangan yang membena yang di-beri oleh semua Ahli² Yang Berhormat Angkatan Belia Pelupor ini. Jadi, tentang chadangan supaya di-adakan perhubungan dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, suka-lah saya menyatakan sa-memang-lah sa-bagai sa-buah Kementerian Kerajaan, memang-lah kami ini ada perhubungan sa-chara langsung dengan Kementerian² yang lain. Dan juga dalam perkara mendaftarkan belia ini kelak dengan Buroh dan sa-bagai-nya, memang-lah perkara ini sedang di-ambil perhatian, tetapi tentang perkara hendak membesarkan lagi bagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman itu, suka-lah saya menyatakan peruntukan kita pada hari ini ia-lah di dalam satu tingkatan permulaan. Jadi, tidak-lah dapat kita mengambil bagitu banyak lagi dan kena-lah belia² yang ada pada hari ini di-jadikan sa-bagai perchubaaan dahulu. Sa-kira-nya rancangan ini berjalan dengan baik dan pihak Kementerian dan Kerajaan juga berasa puas hati dengan apa yang kita namakan sa-bagai pilot projek ini, maka saya perchaya-lah langkah² yang lebeh luas lagi akan di-jalankan apabila tiba masa-nya.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara berkenaan dengan Arkib Negara, kenapa hendak di-benakan bangunan baharu, pada hal mengikut kata Ahli Yang Berhormat itu telah ada satu bangunan sekarang ini. Sa-panjang yang saya tahu bangunan yang ada sekarang ini ada-lah tempat tumpangan sahaja, bukan di-khaskan kepada Arkib Negara, ia-itu bangunan Kerajaan yang boleh di-gunakan oleh mana² Pejabat² Kerajaan juga.

Arkib Negara ada-lah saperti bangunan Muzium ia-itu satu bangunan bahagian yang menyimpan rekod² surat² dan sa-bagai-nya yang bersejarah yang mustahak bagi negara kita. Jadi, ini memerlukan kepada satu bangunan yang di-bena khas untuk tujuan tersebut. Jikalau hanya dengan menumpang di-mana² bangunan Kerajaan, tentu-lah surat² itu tidak dapat di-simpan dengan sempurna, tidak mempunyai alat² penyejok dan lain² lagi boleh mengekalkan surat² itu sa-panjang masa tidak di-makan bubuk dan sa-bagai-nya. Dengan sebab itu-lah satu bangunan yang khas untuk Arkib Negara itu mustahak, bukan kerana tujuan hendak membadzir, tetapi bagaimana Muzium juga-lah. Muzium ini ta'akan hendak di-tempatkan, mithal-nya, di-tumpang di-Pejabat Federal House-kah atau pun di-bangunan baharu Angkasapuri sekarang ini, tentu-lah tidak kena-lah pada tempat-nya dan ia mesti-lah bangunan khas, kerana ini satu kerja istimewa, maka bagitu-lah Arkib Negara

Tuan Ahmad bin Arshad: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya chuma hendak menchelah sadikit ada-kah Kementerian ini sedar bahawa banyak fail² kita sa-lepas merdeka ini telah dilarikan oleh Pegawai² Dagang ka-England sana. Sa-kira-nya kalau dapat tahu boleh-kah Kementerian ini mengambal balek fail² yang mustahak bagi negara kita.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Jadi, Tuan Pengerusi, saya sekarang berchakap hal Arkib Negara, tetapi timbul pula fail di-London pula. Saya ingat perkara ini telah lari daripada keadaan ini, walau bagaimana pun

memang-lah pehak Arkib Negara dan mana² pun berusaha-lah hendak mengembalikan, mencharikan, men-chongkelkan mana² yang boleh di-chongkel dan di-dapati dari semua jurusan dan semua pehak ini.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara juga, ia-itu pameran barang² yang ada di-Kementerian Luar itu mengikut kata beliau tidak begitu menarik perhatian, maka perkara ini memang-lah dari sa-masa ka-sa-masa sedang di-ambil perhatian. Saya mendapat tahu Kementerian Penerangan, Kementerian Perdagangan dan Per-usahaan, sedang berusaha menambahkan dari sa-masa ka-samasa akan usaha² yang bagini. Berkenaan pandangan beliau, bangunan² Kedutaan kita di-luar negeri sangat menarik hati, kalau di-bena sendiri tidak dengan chara di-beli sa-bagaimana yang beliau kata hendak di-buat di-Wellington itu. Suka-lah saya menarik perhatian barangkali kadang² ini silap faham, beliau memberi pandangan, mithal-nya di-Bangkok ada satu bangunan yang kita chantek begitu bagini. Sa-benar-nya di-Bangkok itu kalau tidak silap saya bangunan tambahan itu yang di-buat dengan berupa bentok Malaysia.

Jadi, di-Wellington ini ada-lah hal² yang tertentu sa-bagaimana kita tahu wang kita ini dia had-nya, tidak-lah boleh dengan keadaan kewangan yang ada hari ini kita hendak terlampau mewah mendirikan bangunan² sa-rupa mahligai di-Malaysia ini di-Wellington dan sa-bagai-nya. Jadi, walau pun kita sedar memang bagus pandangan beliau itu, tetapi keadaan kewangan dan sa-bagai-nya, tidak-lah membolehkan, saya perchaya Kementerian ini bagi masa yang ada ini menyempurnakan kehendak² itu disebabkan keadaan² yang tertentu itu.

Berkenaan dengan perkara elaun, anak² sekolah dan sa-bagai-nya bagaimana yang di-uchapkan oleh Ahli dari Bukit Bintang, hal elaun tambahan kepada diplomat² kita di-tempat² yang susah itu, sa-benar-nya perkara ini tidak termasuk dalam Committee, kerana ini sa-mata² hal bangunan.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Larut tentang padang Golf, terima kaseh banyak-lah. Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Muar Utara, patut di-buat siasatan ekonomi yang telah ada, itu pun di-ambil pandangan. Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara saya menguchapkan terima kaseh atas penghargaan beliau itu, tetapi berkenaan dengan pandangan beliau supaya di-adakan satu padang Golf International di-sempadan Padang Besar dengan Thailand itu, ini perkara yang chukup rumit, terutama sa-kali jikalau berkehendakkan negeri Thai sa-paroh, kita sa-paroh, barangkali berebut² lobang juga, berapa lobang kita, berapa lobang dia.

Oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara itu, kalau tidak silap saya, Tuan Pengerusi, sa-orang yang biasa sangat-lah kata orang menye-berang ka-sabelah sana dan boleh katakan juga dalam kalangan Ahli Parlimen ini sa-bagai sa-orang pemandu yang chekap dalam lapangan itu. Jadi, tentu-lah beliau tahu tentang kerumitan yang timbul di-atas perkara² ini dan sebab itu barangkali pandangan Ahli Yang Berhormat ini walau pun bagus, tetapi kena-lah makan masa yang terlampau panjang dan di-fikirkan dengan sunggoh².

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman ia-itu Kemudahan Riadah peruntukan \$500,000 ini patut-lah saperti kata Ahli Yang Berhormat di-beri kapada kampung² yang kecil, sa-benar-nya suka-lah saya hendak menerangkan di-sini, ia-itu supaya jangan berbangkit salah faham lagi. \$500,000 ini sa-mata² untok Padang Golf, Subang tidak di-gunakan satu sen pun untok ranchangan lain, tetapi nama Kemudahan Riadah itu ia-lah oleh kerana di-kirakan Golf itu pun sa-bagai satu riadah juga. Jadi, kalau ada bantuan kita kapada Kelab² Belia dan sa-bagai-nya, bukan datang-nya daripada \$500,000 ini. Dan suka-lah saya hendak menegaskan oleh kerana telah berkali² juga sa-paroh² Ahli² Yang Berhormat dari Pembangkang membangkitkan Padang Golf, Subang, ini ia-itu membazirkan wang,

berlawanan dengan apa yang di-chapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara tadi. Yang sa-benar-nya Padang Golf, Subang ini peruntokan wang \$500,000 sa-bagaimana yang dikehendaki pada tahun ini dan wang yang telah di-belanjakan berjuta² ringgit pada tahun² yang lepas itu ada-lah berupa sa-bagai wang pendahuluan pinjaman. Wang ini akan di-bayar kembali oleh pehak yang berkenaan Golf itu yang akan kita tubuhkan satu Corporation di-situ. Jadi, akan di-bayar kembali kelak apabila telah berjalan.

Dengan sebab itu pehak Kerajaan tidak-lah mengeluarkan wang ini dengan perchuma, tetapi apabila tiba masa-nya akan dapat di-bayar kembali daripada apa yang telah di-keluarkan itu.

Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, dan sekarang saya mengusulkan supaya Kepala² 100, 118 dan 150 Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Luar Negeri menjadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968, di-luluskan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,475,010 untuk Kepala 100; \$1,193,000 untuk Kepala 118 dan \$2,500,000 untuk Kepala 150 untuk di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

Kepala² 102, 127, 128, 130, 131 dan 132—

Tuan Pengerusi: Ada-lah masaalah bahawa perbelanjaan di-bawah Kepala² 102, 127, 128, 130, 131 dan 132 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1968 hendak-lah di-luluskan, terbuka untuk di-bahathkan sekarang.

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adiln (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mohon menchadang bagi di-luluskan

peruntokan² yang akan saya nyatakan sekarang.

(i) 102—Kehakiman	...	\$ 950,000
(ii) 127—Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian	...	5,000,000
(iii) 128—Jabatan Penyiasatan Kajibumi	...	354,186
(iv) 130—Jabatan Ukur	...	1,252,770
(v) 131—Jabatan Orang Asli	...	999,957
(vi) 132—Perhutanan	...	1,668,209

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kepala 102—Kehakiman peruntokan berjumlah \$690,000 di-bawah pechahan-kepala 1 ada-lah di-kehendaki bagi membena bangunan² Mahkamah di-Malaysia Barat.

Wang itu akan di-belanja saperti berikut :

\$380,000 untuk membena Rumah Mahkamah di-Kota Bharu. Tawaran telah pun di-panggil dan kerja membena akan di-mulai pada hujung bulan Mach ini. Di-jangkai bangunan ini boleh siap pada akhir tahun ini jika chuacha di-situ mengizinkan.

Rumah Mahkamah di-Kulim akan menelan belanja sa-banyak \$53,000. Tanah untuk maksud ini telah pun di-beli dan Jabatan Kerja Raya telah di-minta untuk melaksanakan ranchangan² ini dengan secepat mungkin.

\$80,000 ada-lah di-sediakan untuk Rumah Mahkamah di-Pontian. Usaha mendapat tanah bagi ranchangan ini sedang di-jalankan.

Rumah Mahkamah di-Kajang akan menelan belanja sa-banyak \$75,000. Tindakan sedang di-ambil untuk mendapat tanah bagi ranchangan ini.

Bagi membena sa-buah Rumah Mahkamah di-Butterworth, Kementerian saya sedang menchari sa-keping tanah yang sesuai. Ranchangan ini akan menelan sa-banyak \$200,000.

Ranchangan untuk membuat tam-bahan² dan pindaan² kapada Mah-kamah Tinggi di-Kuala Lumpur berharga \$205,000 ada dalam kajian sekarang dan pelan² untuk ranchangan ini akan siap pada bulan Mach ini. Tambahan² dan pindaan kapada Mah-kamah Rendah, Kuala Lumpur yang memakan belanja sa-banyak \$40,000

sedang di-jalankan dan akan siap pada bulan Mach tahun ini juga.

Ini bererti, Tuan Pengerusi, dalam tahun 1968 Kementerian Ke'adilan akan dapat membena sa-kurang²-nya 3 buah Rumah Mahkamah.

Di-bawah pechahan-kepala 11 per-utokan sa-banyak \$260,000 ada-lah untuk menyiapkan Rumah Mahkamah baharu yang sedang di-bena di-Kota Kinabalu. Pembenaan Rumah Mahkamah itu telah di-mulakan pada bulan Julai, tahun 1966 dan di-jangka akan siap pada bulan Mei tahun 1968 ini. Mahkamah itu akan mempunyai satu bilek Mahkamah Tinggi, 2 bilek Mahkamah Majisteret dan juga tempat² kemudahan untuk panduan, saksi² dan orang² awam yang menghadhiri Mahkamah itu. Termasuk dalam ranchangan ini ia-lah perutokan bagi menyediakan Kamar untuk Hakim², Majisteret², Peguam² dan kaki-tangan pentadbiran Mahkamah² itu. Penjelasan ini, Tuan Pengerusi, ada-lah menunjukkan bahawa Kementerian Ke'adilan sa-besapa boleh-nya untuk memperbaiki keadaan² Mahkamah didalam negara kita dan juga untuk mendirikan, membenakan Mahkamah² baharu yang sangat perlu bagi kegunaan Hakim² dan Mejiesteret².

Tuan Pengerusi, saya sekarang beraleh kepada Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Jabatan² di-bawah-nya mula' daripada muka 42.

Kepala 127 di-muka 42, Command Paper yang berkenaan Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian—

Pechahan-kepala (1)—Ranchangan² Tanah Pinggir

Wang pinjaman sa-banyak \$700,000 dan wang bantuan sechara langsung (grants) sa-banyak \$1,200,000 yang akan di-beri kepada Kerajaan² Negeri tahun ini ada-lah untuk melanjutkan usaha² pembukaan tanah oleh Kerajaan² Negeri di-bawah Ranchangan Tanah Pinggir. Wang pinjaman ini ada-lah untuk menebang, membakar, menchuchi, pendek-nya menyediakan tanah² Ranchangan itu sabelum di-tanam, sementara wang bantuan ini

pula akan di-gunakan untuk membeli baja, beneh² getah dan kacang tutup bumi.

Wang pinjaman yang di-beri kepada Ranchangan² Tanah itu ia-lah sa-banyak \$320 bagi sa-ekar. Ini berma'ana bahawa sa-luas 15,760 ekar boleh di-buka dengan wang pinjaman sa-banyak \$5,000,000 yang di-anggar-kan bagi seluroh Ranchangan Malaysia Pertama. Dalam tahun 1966 dan 1967 sahaja sa-luas 5,143 ekar telah pun di-buka saperti berikut:

	1966			1967		
	Bil.	Di-buka	Pe-serta	Bil.	Di-buka	Pe-serta
Pahang	2	405	58	3	600	—
Negri Sembilan ..	6	738½	203	5	486	—
Perak	5	1,714½	373	—	—	—
Melaka	1	300	70	1	200	—
Kedah	1	200	28	—	—	—
Johor	—	—	—	—	—	—
Perlis	1	500	115	—	—	—
Jumlah	16	3,857½	847	9	1,286	—
JUMLAH BESAR ..	—	5,143	847	—	—	—

Wang pinjaman sa-banyak \$700,000 untuk tahun ini akan dapat menolong Kerajaan Negeri membuka kira² 2,825 ekar.

Di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama anggaran sa-banyak \$5,000,000 juga telah di-utokkan sa-bagai wang bantuan kepada Ranchangan² Pinggir. Pada dasar-nya tiap² ekar tanah di-beri bantuan sa-banyak \$263 untuk membeli bahan² beneh dan baja. Bagi dua tahun dalam Ranchangan Malaysia ini, Tuan Pengerusi, sa-banyak \$2,066,155 telah pun di-beri kepada Kerajaan² Negeri sa-bagai bantuan.

Pechahan-kepala (2) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah

Anggaran Pembangunan untuk Lembaga ini yang di-pohon ada-lah sa-banyak \$2.5 juta yang terbahagi sa-bagai \$700,000 sa-chara langsung dan \$1.8 juta untuk pinjaman. Wang \$700,000 itu yang di-beri sechara langsung ia-lah untuk membayar gaji pegawai² dan kaki-tangan² Lembaga ini, serta juga untuk membayar segala urusan² yang bersangkut-paut dengan pentadbiran. Di-masa ini Lembaga

sedang menjalankan tugas-nya, ia-itu untuk perengkat pertama, memuleh ranchangan² tanah Pinggir yang tidak begitu berjaya. Dalam tahun 1967, Lembaga ini telah menjalankan tugas pemulehan-nya di-empat buah ranchangan ia-itu di-Ayer Hitam (Negeri Sembilan), Gong (Pahang), Rasau (Selangor) dan Simpang Rengam (Johore) yang berjumlah luas-nya 3,500 ekar. Kesemua kawasan² ini telah di-buka di-antara tahun² 1961-1963 dan melibatkan sa-banyak 536 orang peserta². Dalam tahun 1968 pula kawasan² Ranchangan Pinggir yang akan di-ambil alih oleh Lembaga ini ia-lah Temeris (Negeri Sembilan), Sri Wangi (Johore), Behala Gantang (Pahang) dan Nasaruddin (Perak) yang berjumlah luas-nya 4,057 ekar. Sebab yang besar kegagalan ranchangan² tanah Pinggir, Tuan Pengerusi, ini ia-lah peserta² itu terpaksa pergi ka-tanah ranchangan mereka yang terlalu jauh untuk mereka menumpu segala tenaga mereka kapada tanah itu, sedangkan mereka terpaksa menchari nafkah hidup di-tempat kediaman mereka, ia-itu di-kampung mereka sendiri.

Di-masa ini, Tuan Pengerusi, Lembaga sudah pun mendapat sa-orang Pegawai Pertanian untuk menjalankan tugas² Lembaga ini di-ranchangan² yang telah di-ambil alih. Mungkin juga dalam tahun ini Lembaga akan mengambil beberapa Pegawai lagi untuk memenohi tugas² pentadbiran di-Ranchangan² itu. Wang pinjaman yang di-pohon untuk tahun ini sa-banyak \$1.8 juta ada-lah di-perlukan untuk membiayai empat Ranchangan yang telah di-ambil alih dalam tahun 1967, dan juga untuk membiayai empat Ranchangan baru bagi tahun ini.

Pechahan-kepala (3)—Taman Negara

Tuan Pengerusi, tahun ini peruntokan yang di-pohon untuk Taman Negara ia-lah sa-banyak \$200,000 sahaja. Sa-bagai yang saya katakan tahun dahulu Taman Negara sa-bagai taman yang tunggal di-Malaysia haruslah mengikut peredaran zaman terutama-nya dari segi perumahan untuk pegawai² dan kaki-tangan² Kerajaan

di-situ dan juga mengenai rumah² persinggahan-nya. Kemudahan² itu perlu di-baiki dan di-tambahkan untuk menarek perhatian para pelanchong dan juga untuk kebahagiaan pekerja² Kerajaan yang di-tempatkan di-situ.

Dalam tahun 1967, dua buah rumah persinggahan untuk para pelanchong dan 9 buah rumah untuk kaki-tangan telah pun siap. Selain daripada itu satu pesawat generator untuk kuasa letrik dan ayer telah di-pasang. Anggaran \$200,000 untuk tahun ini ia-lah untuk mendirikan 12 buah rumah, untuk kaki-tangan Taman Negara itu; satu asrama yang mempunyai 24 katil (ini ada-lah untuk melayani para pelanchong yang bukan-nya terdiri dari mereka yang berada saperti kanak² sekolah, penuntut² Maktab², atau Universiti); satu tangki ayer yang baharu, satu penapis ayer dan juga untuk memperbaiki rumah² Penolong Mergastua dan kerani-nya di-situ. Disini saya ingin menjelaskan juga ia-itu dalam tahun 1966 bilangan pelawat² di-Taman Negara ada-lah 138 orang dari warganegara Malaysia, 310 orang daripada luar negeri. Bagi tahun 1967 pelawat² yang terdiri dari warganegara Malaysia 135 orang, pelawat² daripada luar negeri 295 orang. Bilangan-nya berkurangan dalam tahun 1967 oleh kerana banjir. Pendapat Taman Negara bagi tahun 1966 ada-lah \$26,223.35. Bagi tahun 1967 \$20,421.37.

Pechahan-kepala 21—Penyelidikan dan Kerja² Permulaan bagi Ranchangan² Kemajuan Tanah (Sarawak)—

Tuan Pengerusi, sa-belum tahun 1966 Ranchangan² Tanah di-Sarawak telah di-kendalikan oleh Kerajaan Negeri dalam semua perengkat. Sa-telah itu Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian telah menolong sa-bahagian daripada kerja² bagi menyelenggarakan projek² pembangunan di-situ. Pertolongan itu merupakan penyelidikan dan penyelenggaraan kerja² permulaan untuk melancharkan Ranchangan² Tanah, pembenaan rumah² Kerajaan yang perlu pada awal-nya di-kawasan² Ranchangan dan juga pembangunan² kampung dalam kawasan itu.

Peranan membuka tanah di-Sarawak sangat besar jika di-kaji dari segi beberapa aspek. Satu daripada tujuannya ia-lah untuk membuka tanah² yang jauh dari bandar² dan dengan ada-nya Ranchangan ini dapat-lah ra'ayat luar bandar menikmati kemudahan² yang tidak pernah kita rasai dahulu. Juga tujuan Ranchangan Tanah di-Sarawak ia-lah supaya tanah² itu boleh di-tanam dengan kaedah yang baik serta juga menanam dengan tanaman² yang sesuai, kerana di-Sarawak masalaah-nya ia-lah bukan kekurangan tanah tetapi ia-lah kekurangan penggunaan tanah.

Tuan Pengerusi, apabila penduduk² Ranchangan ini dapat memajukan tanah² mereka dengan sempurna, dapat-lah juga perkara² seperti pelajaran meresapi di-tempat² yang tidak pernah ada sekolah dahulu. Tiap² keluarga yang menyertai Ranchangan ini di-beri lapan ekar tanah yang telah di-tanam getah yang berumur dua tahun, dua ekar untuk pertanian champoran dan $\frac{1}{2}$ ekar untuk kawasan rumah. Oleh kerana getah tidak dapat di-toreh hingga tahun ketujuh, peserta² itu di-galakkan dan juga di-beri tunjok ajar untuk menggunakan tanah yang luas-nya dua ekar itu supaya mereka boleh mendapat sara hidup yang cukup untuk mereka dan keluarga mereka dalam tempoh getah belum dapat di-toreh lagi.

Sa-hingga ini Ranchangan² di-Sarawak sangat-lah memuaskan. Sa-banyak 12,353 ekar getah telah di-tanam dalam lapan buah ranchangan ia-itu Kampong Tun Razak (Triboh) dalam Bahagian Pertama, Melugu, Skrang, Meradong, Sibintek, Lambir, Lubai Tengah dan Long Lama dalam Bahagian² Kedua, Ketiga dan Keempat. Tiga ratus dua puluh empat lot getah (tiap² lot mengandungi lapan ekar), telah pun di-bahagikan kepada peserta². Sunggoh pun ada lapan ranchangan, hanya di-enam buah ranchangan sahaja yang tanah² getah itu telah di-bahagikan kepada peserta², seperti berikut:

Bahagian	Peserta ¹
I ... Kampong Tun Razak	64
II ... Melugu ...	236
Skrang ...	235

Bahagian	Peserta ¹
III ... Meradong ...	63
Sibintek ...	54
IV ... Lambir ...	200

Mungkin pembahagian tanah di-ranchangan Lubai Tengah boleh di-laksanakan dalam tahun ini. Pembahagian tanah di-Long Lama dalam Bahagian Keempat ya'ani di-tempat Yang Berhormat dari Sarawak di-situ Tuan Tama Weng Tinggang Wan akan di-jalankan apabila tapak kampung dan rumah² di-situ siap kelak, mungkin dalam tahun 1969. Lima ratus empat puluh enam rumah peserta telah pun di-bena dan di-duduki. Di-Skrang sa-banyak 60 buah rumah sedang di-bena dan akan di-siapkan pada awal 1968. Di-samping itu beberapa buah sekolah telah juga di-bena di-ranchangan² itu. Rumah² dan sekolah² itu ada-lah di-bena dengan bantuan Kerajaan Persekutuan.

Di-Ranchangan Melugu sa-buah sekolah Menengah Rendah dan sa-buah Sekolah Rendah telah di-bena dan lebeh kurang 200 orang murid sedang menuntut di-situ. Di-Melugu juga telah di-bena paip ayer manakala Ranchangan² lain sedang menggunakan ayer² dari telaga. Paip ayer juga sedang di-pasang di-Skrang. Kesemua kemudahan² ini boleh di-dapati apabila Ranchangan² itu mempunyai peserta yang cukup kelak. Sa-lain daripada sekolah dan paip ayer, juga telah di-bena Balai² Raya dan kedai² kerjasama. Wang sa-banyak \$88,360 daripada \$156,360 di-bawah Kepala Kechil 21 ada-lah untuk membayar gaji² Pegawai² Penyelia untuk 7 Ranchangan yang ada.

Di-masa ini enam ranchangan mempunyai Pegawai² Penyelia (Scheme Manager), ia-itu Kampong Tun Razak, Melugu, Skrang Meradong, Sibintek dan Lambir sunggoh pun bilangan ranchangan² semua-nya ia-lah 8, Sa-orang Pegawai Penyelia untuk Lubai Tengah akan di-ambil dalam tahun ini. Mungkin Pegawai Penyelia untuk Long Lama akan di-tempatkan di-situ dalam tahun 1969. Tiap² ranchangan yang di-buka itu luas-nya pukol rata ia-lah 3,000 ekar.

Kerja² permulaan yang menjadi sa-bahagian daripada tajok Kepala Kechil ini ia-lah bermaksud kerja² penyiasatan keadaan tanah, pembenaan jalan² rintis, pembersihan kawasan² sa-belum di-peta dan juga pemetaan kawasan itu, ya'ani kerja² yang perlu di-siapkan sa-belum satu² Ranchangan itu di-tetapkan. Tahun ini tidak banyak kerja² permulaan di-jalankan melainkan berthabit dengan memperbesarkan ranchangan² Skrang, Melugu dan Sibintek. Juga di-Long Lama, \$23,000 akan di-perlukan untuk meneruskan kerja² permulaan yang telah di-buat dalam tahun 1967. Usaha² juga akan di-jalankan dalam tahun 1968 untuk menyiasat kawasan² Stunggang/Stunggur (Bahagian I), Lumut (Bahagian V) dan Maong (Bahagian III) untuk mengetahui sama ada kawasan² itu sesuai untuk di-buka atau pun tidak.

Pechahan-kepala 22—Bangunan² Kera-jaan di-dalam Ranchangan² Kemajuan Tanah—

Sa-banyak \$55,000 ada-lah di-kehendaki untuk membena kedai² kerjasama dan rumah² merangkap pejabat untuk Penyelia². Kedai Kerjasama akan di-bena di-Lubai Tengah dan rumah² Penyelia akan di-bena di-Meradong dan juga Lubai Tengah.

Pechahan-kepala 23—Kemajuan Kampong pula memerlukan sa-banyak \$188,640 untuk tahun 1968. Peruntokan ini akan di-gunakan untuk menyedia-kan tapak kampong, pembenaan jalan² ka-kampong, jambatan² kechil, parit, dan juga untuk menanam pokok² untuk menchegeh keruntohan tanah. Perbelanjaan untuk melaksanakan pekerjaan ini ada-lah berbeza dari satu tempat ka-satu tempat, umum-nya untuk satu² Ranchangan sa-banyak \$150,000 hingga \$250,000 di-perlukan sa-hingga siap.

Pada tahun ini wang anggaran untuk melaksanakan pekerjaan² yang tidak siap pada tahun 1967 dalam beberapa Ranchangan ia-lah seperti berikut:

Skrang—\$25,000 kebanyakan-nya untuk membuat jalan dan parit;

Melugu—\$40,000 juga untuk membuat jalan dan parit;

Meradong—\$20,000 untuk tapak perkampungan;

Lubai Tengah—\$110,000 untuk membuat jalan, tapak perkampungan dan membuat parit,

dan \$11,640 untuk Long Lama bagi menyedia-kan tapak kampong.

Kepala 128—Jabatan Penyiasatan Kaji-bumi—(Malaysia): \$354,186

Daripada jumlah Anggaran yang di-pohon bagi tahun ini Pechahan-kepala 7—Kelengkapan Makmal memerlukan sa-banyak \$87,360 untuk membeli sa-buah "X-ray generator" dan beberapa unit "X-ray flourescent". Alat² ini ada-lah perlu untuk memperhebatkan lagi analisa² bijeh terutama-nya analisa² tentang membuat alat² elektronik yang "sensitive" dan juga di-gunakan untuk maksud² perubatan. Logam ini yang dahulu-nya di-jangka tidak di-gunakan untuk maksud² perubatan. Logam ini yang dahulu-nya di-jangka tidak ber-harga oleh pelombong² kita sekarang harga yang sangat baik sa-telah pasaran dunia mengetahui ada-nya logam itu di-Negara kita. Perkakas² Scientific itu juga boleh di-gunakan untuk membuat penyiasatan tentang galian² sabagai tembaga, emas, aluminium dan besi. Sa-lain daripada itu Pechahan-kepala 4 menunjukkan anggaran sa-banyak \$82,436 dan ini ada-lah untuk membeli perkakas² Pejabat yang akan di-bena di-Segamat, Seremban dan mungkin di-Alor Star.

Di-masa ini Jabatan Kajibumi tidak ada Pejabat yang sempurna sa-lain daripada di-Ipoh, Kuala Lumpur, Bentong dan Kuala Trengganu. Sa-kira-nya bangunan² ini telah siap, kerja² terutama-nya kerja² luar (Field Work) akan dapat di-perlichinkan lagi.

Dalam tahun ini Jabatan, Tuan Pengerusi, ini juga akan terus membuat penyiasatan nilai galian (mineral clearence) di-kawasan² yang di-chadangkan dalam masa hadapan sa-bagai kawasan² pertanian atau pun untuk lain² pembangunan. Pekerjaan ini sangat perlu untuk mengetahui sama ada kawasan² itu mengandongi logam² yang berhasil sa-belum kawasan² itu di-buka untuk pertanian. Untuk maksud ini sa-banyak \$82,000 di-pohon untuk pechahan-kepala 5—Penyiasatan Menentukan Galian.

Kepala 129—Galian

Tuan Pengerusi, saya perlu menyatakan di-sini bahawa mula dari tahun ini perbelanjaan² bagi projek yang bertajuk M.R.M.E. tidak lagi di-masokkan dalam Anggaran Pembangunan, kerana wang yang di-khaskan untuk projek tersebut seperti terdapat dalam Anggaran² tahun 1966 dan 1967 telah di-pindahkan untuk menjadi "Revolving Fund" dan Undang² untuk mewujudkan dan melaksanakan "Revolving Fund" itu telah pun di-luluskan oleh Dewan ini dalam tahun 1967. Dengan demikian perbelanjaan² itu tidak lagi di-masokkan dalam Anggaran pembangunan ini.

Kepala 130—Ukor—Jumlah anggaran \$1,252,770

Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala ini Anggaran² yang di-pinta ada-lah untuk Malaysia Barat, Sabah dan juga Sarawak. Jabatan Ukor Malaysia Barat memerlukan Anggaran sa-banyak \$552,700 bagi tahun 1968. Lebih saparoh daripada Anggaran itu ada-lah untuk membena rumah² buroh di-merata negeri² Malaysia Barat untuk pegawai² yang bergaji rendah.

Di-bawah Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama, Jabatan ini di-tugaskan untuk menyediakan rumah² untuk sa-bahagian daripada 1,700 orang kaki-tangan I.M.G. (buroh kasar) terutama untuk mereka yang di-luar kawasan bandar, kerana rumah² di-situ sukar di-dapati dan mahal pula sewanya.

Hingga penghujung tahun 1970 Jabatan ini berchadang untuk membena sa-banyak 240 unit rumah. Pembenaan 30 unit bermula dalam tahun 1966 telah di-siapkan pada awal tahun 1967. 20 unit lagi sedang dalam pembenaan dan dalam tahun 1968 ada-lah di-harapkan bahawa kira² 52 unit rumah² akan di-bena. Sa-lain daripada itu Jabatan ini juga terpaksa membeli tanah untuk tapak perumahan itu. Wang untuk maksud itu juga datang-nya dari Pechahan-kepala 2.

Satu lagi Anggaran yang besar jumlah-nya untuk Jabatan ini ia-lah Pechahan-kepala 4—Pejabat Ukor

Negeri Kedah—yang memerlukan Anggaran sa-banyak \$213,660 untuk menyiapkan pembenaan bangunan pejabat yang baharu. Pembenaan Jabatan ini sudah pun di-mulakan dalam tahun 1967 dan ada-lah di-jangka bahawa Pejabat itu dapat di-gunakan dalam tahun ini.

Untuk Sabah pula sa-banyak \$133,550 ada-lah di-perlukan untuk 1968. Anggaran itu hampir kesemuanya ia-lah untuk Pechahan-kepala 21—Ukor Rupa Bumi, dan ini ada-lah untuk membayar gaji buroh, ayer, kuasa letrik, pengangkutan dan juga sumbangan sa-banyak 15% kepada perbelanjaan yang di-belanjakan oleh Pengarah Ukor Seberang Laut (Inggeris) untuk pekerjaan memeta Negeri Sabah.

Untuk Sarawak sa-jumlah \$566,520 di-perlukan untuk tahun ini. Bagi Pechahan-kepala 31 Ukor Rupabumi anggaran sa-banyak \$109,000 ada-lah di-perlukan untuk perbelanjaan sa-bagai yang saya terangkan untuk Sabah tadi, manakala \$180,000 pula ada-lah untuk Pechahan-kepala 33—Foto Udara untuk mengambil gambar dari udara sa-belum peta² yang hendak di-lukis boleh di-buat. Pechahan-kepala 33—Kontrek Pemetaan dan Hitongan memerlukan wang sa-banyak \$40,000. Kerja² di-bawah pechahan-kepala ini ada-lah bersangkutan dengan kerja² pembukaan tanah untuk ranchangan² di-bawah Kepala 127 ia-itu—Ranchangan² Tanah di-Sarawak yang telah pun saya huraikan tadi. Wang sa-banyak \$237,520 untuk Pechahan-kepala 34—ia-ini Kelengkapan Ukor dan Pemetaan ia-lah untuk menempah dan membeli beberapa alat² dan meshin² untuk menyenangkan pekerjaan membuat peta² di-Sarawak. Adalah di-jangka bahawa kebanyakan daripada alat² dan meshin² itu akan tiba dalam tahun hadapan. Antara perkakas² dan meshin² yang mahal yang akan di-tempah itu ia-lah Wild A8 Autograph, Driftmeter, Tachometer, Land-Rover dan juga alat² radio.

Pada tahun ini Jabatan ini juga akan berusaha untuk memetakan kawasan² yang di-jangka bahawa

tanah-nya ada-lah sesuai untuk pertanian. Apabila maklumat² yang tertentu sudah dapat di-kumpulkan, peta yang bersekil I: 10,000 akan di-lukiskan. Ini tentu-lah akan memberi pertolongan yang besar kepada Rancangan Ekonomi Negeri Sarawak.

Kepala 131—Orang Asli

Rancangan Malaysia Pertama untuk orang Asli sedang di-laksanakan menerusi 3 jurusan pembangunan iaitu dari segi² ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Juga Jabatan ini akan membuat penyelidikan untuk mengetahui sama ada orang Asli mahu menerima segala perubahan, kemudahan dan juga faedah yang sedang di-laksanakan oleh Kerajaan sa-belum projek² baharu di-ranchangkan.

Dengan ada-nya ranchangan² seperti itu, jabatan ini akan menjaga kebajikan orang Asli itu dalam saganap lapangan hidup mereka kerana jabatan ini ada-lah di-tugaskan untuk mempertingkatkan taraf hidup mereka itu dengan tujuan untuk menyerap mereka dengan masyarakat umum. Setakat ini, kejayaan yang telah dicapai oleh jabatan ini semenjak bermula-nya Rancangan Malaysia sangat-lah memuaskan. Di-sini saya sebutkan sedikit projek² yang telah di-jalankan dan di-siapkan dalam tahun² 1966-1967.

(1) RANCHANGAN KILAT: (PERUMAHAN)

Tahun 1966—186 buah rumah.

Tahun 1967—167 buah rumah.

(Kelini² Kechil—Perbidanan)

Tahun 1966—9 buah.

Tahun 1967—2 buah.

(Pos Perubatan) (Pendalaman)

Tahun 1966—3 buah.

Tahun 1967—0 buah.

(Evacuation Pos—Perubatan)

Tahun 1966—2 buah.

Tahun 1967—7 buah.

(Tanaman Jangka Panjang)

Tahun 1966—7,846 ekar getah.

Tahun 1967—790 ekar getah.

(Dusun)

Tahun 1966—372 ekar.

Tahun 1967—220 ekar.

(Sekolah)

Tahun 1966—3 buah.

Tahun 1967—3 buah.

(Asrama)

Tahun 1966—3 buah.

Tahun 1967—1 buah.

(Bengkel Wireless di-Gombak)

Tahun 1966—0.

Tahun 1967—2.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, jabatan ini juga telah membena rumah² kakitangan, kolam ikan, sawah² padi, membeli trektor dan juga memberi perchuma beberapa jenis binatang ternakan kepada orang² Asli.

Dalam tahun 1968 jabatan ini akan melaksanakan ranchangan² seperti berikut:

- (1) Perkampong—5 tempat (131 buah rumah).
- (2) Sekolah—6 buah.
- (3) Asrama—3 buah.
- (4) Tambahan bangunan rumah sakit di-Gombak.
- (5) 13 buah rumah kakitangan/guru.
- (6) Rancangan Tanaman Jangka Panjang—11 tempat.
- (7) Pembelian trektor dan perahu berinjil.
- (8) Surau untuk penjelasan kepada Yang Berhormat dari Kelantan Hilir.
- (9) Pembinaan Ranchangan² Kechil seperti kolam ikan, bekalan ayer dan pemberian ternakan.

Tuan Pengerusi, di-sini suka saya menyatakan bahawa kesemua pembinaan rumah²/bangunan² yang berthabit dengan Rancangan Pembangunan oleh jabatan ini ada-lah di-selenggarakan oleh suatu regu yang di-gelar Pasokan Pembena dan anggota Pasokan ini kesemua-nya terdiri dari pada kaum orang Asli sendiri. Jabatan ini hanya membeli bahan² benaan sahaja dan demikian bukan sahaja orang² Asli di-beri peluang untuk mendapat pekerjaan², tetapi juga menggalakkan mereka bekerja lebih giat untuk kaum mereka sendiri dan juga perbelanjaan untuk projek² itu dapat-lah di-kurangkan. Ini juga boleh menggalakkan orang² Asli lain bekerja dengan penoh semangat. Tahun ini Jabatan orang Asli akan memperbesarkan Pasokan itu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka menghuraikan Anggaran Jabatan ini satu persatu.

Pechahan-kepala (1)—

Meluaskan perkhidmatan Kerajaan di-Kawasan Hutan—memerlukan anggaran sa-banyak \$282,805 bagi membena sekolah, asrama, rumah² kaki-tangan, surau dan juga pos² perubatan di-kawasan² pendalaman. Bagi tahun ini ada-lah di-jangkakan bahawa 6 sekolah akan di-bena di-

PAHANG: 3 buah

- (1) *Sungai Kiol—(Kawasan Jerantut)*
(untuk orang Jahut).
- (2) *Sungai Kuching—(Kawasan Jerantut)*
(untuk orang juga bangsa Semok Beri).
- (3) *Buloh Nipis—(Kawasan Rompin)*
(untuk orang Melayu Asli).

KELANTAN: 1 buah

Di-Kampong Blaur (untuk orang Temiar).

SELANGOR: 1 buah

Di-Changkat Bintang (Kawasan Ulu Slim)
(untuk orang Semai).

JOHOR: 1 buah

Di-Sungai Layau (untuk orang Kuala).

dan juga 3 asrama untuk penuntut² di-Pahang untuk 60 penghuni seperti tempat² yang tersebut di-atas. Selain daripada itu beberapa rumah kaki-tangan juga akan di-bena di-Gombak.

Di-bawah Pechahan-kepala ini juga akan di-bena 13 buah rumah guru² di-

PAHANG: 9 buah

- (a) Buloh Nipis—3—Rompin.
- (b) Sungai Kiol—3—Jerantut.
- (c) Sungai Kuching—3—Ulu Tembeling.

JOHOR: 2 buah

SELANGOR: 1 buah

(a) Changkat Bintang (Ulu Slim).

KELANTAN: 1 buah

(a) Kuala Gob—Ulu Kelantan.

kerana sangat sukar untuk mendapat rumah bagi guru² di-kawasan² di-pendalaman itu-lah sebab-nya rancangan² ini terpaksa di-adakan. Tahun ini Tuan Pengerusi, jabatan ini akan membeli 2 buah trektor, satu untuk Pahang dan satu lagi untuk kegunaan di-Selangor dan Johor untuk

menchuba orang² Asli menggunakan jentera dalam pertanian, juga untuk pertama kali-nya sa-buah surau akan di-bena di-Sungai Layau, Johor.

Pechahan-kepala (2)—Projek² Kechil bagi memajukan Ekonomi orang Asli—memerlukan Anggaran sa-banyak \$677,152 untuk membena semua rumah orang² Asli yang sudah usang seperti di-negeri:

PERAK:

31 buah rumah (untuk suku bangsa Temiar) Kampong Ulu Grik.

PAHANG:

30 buah rumah di-Kampong Seron.
30 buah rumah di-Kampong Sembayan.

JOHOR:

25 buah rumah di-Kampong Sungai Layau (untuk orang Kuala).

Negri Sembilan—15 buah rumah (untuk orang Temiar) bagi membeli benih, baja, memberi binatang² ternak, perkakas pertanian dan juga, jika boleh, memasang bekalan ayer di-tempat² yang dari masa ka-semasa di-fikirkan perlu oleh jabatan ini.

Tempat² utama yang akan mendapat bantuan dari Pechahan-kepala ini, Tuan Pengerusi, ia-lah tempat² di-gelar “Kawasan² Hitam”. Istilah “Kawasan Hitam” membawa ma’ana bahawa kehidupan orang Asli di-situ terlalu dzaif dan mereka mesti-lah di-bantu dengan segera untuk memujuk mereka supaya tidak berkeliaran di-hutan dan dengan demikian, menyukarkan untuk memberi mereka bantuan kelak.

Pechahan-kepala (3)—Penyiasatan dan Penyelidikan tidak memerlukan Anggaran yang banyak tetapi hanya \$10,000—untuk membena sa-buah bangunan pejabat untuk maksud ini dan juga untuk membeli beberapa kelengkapan pejabat itu. Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 4—Pengangkutan dan Perjalanan, (\$30,000) adalah baharu dan ini hanya di-ujudkan pada pertengahan tahun dahulu. Perbelanjaan perjalanan untuk pegawai² yang mengawasi dan mengawal projek² pembangunan dahulu di-bayar dari Anggaran biasa. Tetapi oleh kerana wang yang banyak di-perlukan untuk

maksud itu, maka terpaksa-lah itu dikeluarkan daripada Anggaran Pembangunan juga.

Perbelanjaan ini banyak, kerana orang² Asli berkelompok² di-merata² Malaysia Barat, dan dengan demikian satu² perjalanan yang bersangkutan dengan projek pembangunan itu akan mengambil masa yang panjang kerana jauh dan sukar tempat-nya. Dengan demikian perbelanjaan itu agak banyak.

Tuan Pengerusi, di-sini saya ingin mengambil kesempatan menerangkan ia-itu Kerajaan Negeri Sarawak menerusi Menteri Pertanian dan Kehutanannya telah minta kepada saya supaya melanjutkan perkhidmatan Jabatan orang Asli ka-Sarawak, sa-telah Yang Berhormat Menteri itu melawat beberapa buah kampong² orang Asli yang baharu di-bena oleh jabatan ini. Saya sedar, Tuan Pengerusi, bahawa bumi-putra yang dudok di-kawasan pendalaman di-Sarawak sangat² menghendaki pertolongan, dan masalaah ini sedang saya timbangkan. Dahulu-nya saya telah tidak dapat berbuat apa² kerana terikat oleh perjanjian Malaysia.

Ini satu daripada bukti bahawa daripada satu masa ka-satu masa Kerajaan Perikatan, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri terpaksa mengkaji sa-mula sharat² Perjanjian Malaysia itu. Jika sharat² ini nampak tidak sesuai lagi dengan keadaan yang ada sekarang, maka terpaksa-lah Kerajaan Negeri itu mengambil langkah supaya dapat-lah ranchangan pembangunan itu di-laksanakan di-sana seperti yang baharu saya nyatakan tadi berkenaan dengan Jabatan orang Asli.

Kepala 132—Perhutanan

Tuan Pengerusi, jumlah anggaran bagi kepala ini yang saya pohonkan bagi tahun ini ia-lah \$1,668,209 ia-itu sa-banyak \$900,040 untuk Malaysia Barat, \$500,010 untuk Sabah dan \$268,159 untuk Sarawak, untuk Pechahan-kepala (1) sa-banyak \$245,000 diperlukan untuk meneruskan pekerjaan membena rumah² kakitangan di-Pusat Penyelidikan Hutan di-Kepong yang di-mulakan dalam tahun 1967. Rumah yang di-bena itu ia-lah satu blok

rumah mengandungi 16 unit untuk penuntut berkelamin dan satu blok mengandungi 8 unit untuk penuntut bujang, serta juga satu rumah kembar bagi Pegawai Kanan dan satu lagi rumah Kelas "C".

Tahun ini jabatan ini akan menggunakan sa-bahagian daripada anggaran itu untuk menyelesaikan bayaran kepada baki pekerjaan yang di-mulakan dalam tahun 1967 dan juga untuk membena 32 buah rumah Kelas "H", 8 buah rumah Kelas "E" dan 2 unit rumah kembar. Tujuan untuk membena rumah² di-Kepong ia-lah kerana tempat itu jauh dan rumah² sewa yang sesuai sangat-lah susah.

Pechahan—kepala 8

Ladang Perintis memerlukan sa-banyak \$199,776. Projek ini ada-lah di-bantu oleh Bangsa² Bersatu untuk mengujudkan ladang² perintis bagi menentukan sama ada sesuai atau tidak pokok² jenis pine di-tanam sa-chara besar²an sa-bagai puncha bahan² palpa dan kertas. Projek ini boleh menaksirkan hasil² ladang² penyelidikan yang telah di-tubuhkan sa-hingga ini dan boleh memajukan teknik serta memberi latihan kepada pegawai² dan kakitangan Jabatan Hutan untuk melaksanakan ladang hutan sa-chara besar²an. Mungkin 3,000 ekar ladang perintis dapat di-tubuhkan dalam tempoh ranchangan ini. Projek ini mendapat "priority" kerana negara kita mengimpot lebih dari \$80 juta bahan² kertas tiap² tahun, dan angka ini mungkin akan meningkat lebih jauh dalam masa² yang akan datang. Sa-kira-nya projek ini berjaya, Tuan Pengerusi, kita mungkin dapat membuat kertas sendiri dan dengan demikian tidak perlu mengimpot bahan² itu lagi.

Pengurus projek ini, ia-itu sa-orang pakar United Nations telah memulakan kerja-nya dalam bulan Mei, 1967 dan pakar² pembiak-biak pokok, tapak samaian, dan pakar² dalam hal keadaan tanah juga telah sampai untuk berkhidmat pada akhir 1967. Tiga kawasan telah di-pileh sa-telah penyiasatan untuk ranchangan ini, ia-itu di-Mantin (N. Sembilan), Ulu Langat (Selangor) dan Bukit Tinggi (Pahang). Pakar² ini

bekerja erat dan mereka berganding bahu dengan pegawai² tempatan kita untuk mengajar dan memberi pengalaman kepada mereka itu.

Sa-lain daripada itu Pechahan-kepala 12—Perpustakaan Pusat Penyelidikan Hutan juga memerlukan anggaran yang banyak tahun ini ia-itu \$100,000. Wang ini akan di-gunakan untuk mendirikan satu bangunan khutub khanah untuk menyimpan dengan sempurna-nya segala penerbitan² luar Negeri dan penerbitan² keluaran Pusat Penyelidikan ini kerana bilek yang di-gunakan sa-bagai perpustakaan di-masa ini sangat-lah kecil dan tidak mencukupi bagi keperluan Pusat ini.

Pechahan-kepala 19—

Sambongan Kapada Sekolah Hutan, Kepong memerlukan anggaran sa-banyak \$95,000 untuk memperbesarkan sekolah latehan hutan yang di-dapati kecil untuk memberi latehan dan juga mengadakan “refresher course” kapada semua Pegawai² Rendah. Adalah di-jangka bahawa 90 orang penuntut boleh berkursus pada satu masa apabila sambongan itu siap. Dahulu-nya, hanya 60 penuntut² boleh di-lateh dalam satu masa.

Pechahan²-kepala lain tidak memerlukan wang yang besar dan kesemua anggaran² yang di-pohonkan, Tuan Pengerusi, sa-lain daripada Pechahan²-kepala yang memerlukan anggaran tanda sa-banyak \$10 ada-lah untuk meneruskan pekerjaan² tahun dahulu.

Tuan Pengerusi, untuk Sabah pula sa-banyak \$500,010 di-perlukan untuk tahun 1968. Hampir kesemua wang itu ada-lah untuk Pechahan-kepala 22—Banchian Hutan. Wang Pechahan-kepala ini akan di-gunakan untuk mengambil banchian hutan seluruh Negeri Sarawak. Untuk pekerjaan ini satu Pakar Bangsa² Bersatu akan berkhidmat di-Sabah. Pekerjaan² yang bertabit dengan Pechahan-kepala ini ia-lah mengambil gambar² dari udara, pemereksaan (field check) di-hutan² yang telah di-ambil gambar itu untuk membandingkan atau pun untuk memereksa dengan lebih teliti hasil gambar yang di-ambil itu, dan kemudian baharu-lah laporan di-tulis.

Apabila kedua² itu di-buat ia-itu pengambilan gambar dan pemereksaan “field check” baharu-lah satu gambaran yang jelas mengenai luas dan jenis hutan itu boleh di-dapati. Dengan adanya maklumat itu senang-lah mereka yang berkenaan merancang segala langkah² untuk rancangan² pembangunan. Projek ini memang memerlukan wang yang banyak, kerana semasa pemereksaan hutan (field check), perbelanjaan untuk buroh dan perjalanan sangat-lah tinggi kerana kita ma'alum bahawa keadaan perjalanan di-hutan belantara Sabah sangat-lah sukar, juga perbelanjaan menyewa kapal terbang untuk mengambil gambar itu sangat-lah mahal.

Di-Sarawak pula beberapa projek mengenai kehutanan juga akan di-jalankan. Untuk Pechahan-kepala 31 sa-banyak \$131,719 di-perlukan untuk menyiapkan kerja² kecil di-Pusat Penyelidikan Kayu dan juga Makmal yang telah di-bena dalam tahun lalu dan di-jangka bahawa alat² makmal itu akan di-siap di-pasang pada awal tahun ini dan makmal itu akan dapat di-gunakan dalam pertengahan tahun 1968. Permintaan untuk mendapatkan perkhidmatan sa-orang pakar penyelidik untuk projek ini telah pun di-buat kapada Bangsa² Bersatu. Sementara itu Pegawai² Tempatan sedang di-lateh oleh sa-orang Pakar F.A.O. dalam segi menggergaji kayu dan juga untuk menggunakan perkakas “Kiln Drying”.

Untuk Pechahan-kepala 32 sa-banyak \$10,940 di-perlukan untuk meneruskan projek yang bertujuan untuk menentukan jenis² kayu tirus (coniferous-forest) mana-kah yang sesuai untuk di-tanam di-Sarawak dan juga untuk menentukan kaedah yang sesuai supaya kawasan² yang di-tanam itu mempunyai nilai ekonomi. Beberapa banyak sample “plots” telah pun di-tubuhkan dan hasil²-nya sedang di-kaji.

Sa-banyak \$101,500 pula akan di-perlukan untuk Pechahan-kepala 33—Penyelidikan Hutan untuk meneruskan penyelidikan silviculture. Satu pusat penyelidik “silviculture” telah di-tubuhkan di-Sibu dan herbarium di-Kuching telah di-perbesarkan. Juga dua buah rumah untuk Pegawai² Penyelidik telah

di-bena daripada Pechahan-kepala ini tahun dahulu di-Kuching dan di-Sibu.

Di-bawah Pechahan-kepala 34—Pengkajian Hasil Hutan, Jabatan Hutan Sarawak akan meneruskan pekerjaan yang di-lakukan tahun dahulu ia-itu untuk mendapat maklumat asasi mengenai kaji-tumbuhan, kediaman makhluk hutan dan chara kediaman-nya (ecology) dan mengenai keadaan tanah² di-Sarawak khusus-nya hutan² bukit. Juga Jabatan ini akan meneruskan kajian anatomi kayu² terutama sekali jenis “Dipterscarp” dan juga mengenai jumlah pengeluaran kayu² balak yang mempunyai nilai ekonomi.

Tuan Pengerusi, sekian-lah penjelasan saya terdapat peruntokan² Ehwal Tanah dan Galian serta Jabatan² di-bawahnya, dan dengan demikian saya pohonkan agar peruntokan² untuk projek² pembangunan tersebut yang berjumlah \$9,275,122 itu di-luluskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pukul 7.45 malam.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 8 malam.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap pendek sahaja di-dalam bahagian bangunan² mahkamah. Saya dengar di-dalam ucapan Menteri tadi wang yang di-minta adalah sa-banyak \$690,000 untuk membena beberapa buah mahkamah², tetapi saya suka menarek perhatian kepada Menteri Yang Berhormat bahawa banyak rasa-nya mahkamah² di-dalam negeri kita ini yang maseh terbiar dan bangunan²-nya telah terlalu usang, mithal-nya, Mahkamah di-Telok Anson dan Tapah—bangunan mahkamah ini telah lama benar dan letak-nya di-tepi jalan betul sa-hingga mengganggu

perbicharaan yang berlangsung di-dalam mahkamah itu, dan ada baiknya kalau Menteri ini minta banyak duit lagi dalam Dewan ini untuk membetulkan bangunan mahkamah itu, atau membena baharu, atau menutupnya serta di-berikan alat² penyejok (air-condition) supaya bunyi bising lalu-lintas itu tidak mengganggu perbicharaan di-dalam mahkamah itu.

Mengutamakan Negeri Kelantan menyudahkan Mahkamah yang memang sudah sedia baik itu saya rasa menunjukkan bahawa di-Negeri Kelantan ini terlalu banyak jenayah² sa-hingga Mahkamah perlu di-besarkan, dan mendapat peruntokan yang banyak oleh Menteri ini, saya bersimpati dengan Menteri ini bagi meminta wang untuk memperbaiki Mahkamah di-Kota Bharu itu, kerana kita tahu sa-lama Kerajaan PAS berkuasa dalam negeri itu jenayah bertambah daripada satu masa ka-satu masa.

Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian Menteri Yang Berhormat berkenaan dengan Ranchangan Tanah Pinggir yang telah di-sebutkan oleh Menteri itu tadi, ia-itu banyak Ranchangan² Tanah Pinggir yang sedang di-ambil alih oleh Kementerian ini untuk memperbaiki kedudukan tanah² pinggir itu. Pada pendapat saya Ranchangan² Tanah Pinggir yang berseleak di-tanah ayer kita ini yang pada mula-nya kita tengok ra'ayat dalam negeri kita ini terlalu laparkan kapada tanah sa-hingga Kerajaan membuatkan ranchangan² untuk memberikan tanah kapada ra'ayat dalam negeri kita ini dengan apa yang di-namakan Ranchangan Tanah Pinggir, bukan sahaja Ranchangan Tanah Pinggir ini, tetapi dalam Negeri Perak ada lagi satu ranchangan tanah, ia-itu Ranchangan Tanah Tersepit. Ranchangan Tanah Tersepit ini pun, Tuan Pengerusi, banyak di-dalam Negeri Perak yang juga rasa saya tanah ini terbiar dan rasa-nya kalau sa-kira-nya Kementerian ini dapat membuat sa-suatu penyelidekan, sebab banyak sangat di-dalam Kementerian ini ada penyelidekan², maka rasa-nya lebeh baik di-buat satu penyelidekan terhadap Ranchangan² Tanah Pinggir ini pada keseluruhannya berapa peratus . . .

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, Ranchangan Tanah Tersepit ini saya kurang faham—ada-kah termasuk dalam ranchangan tanah Kerajaan? Saya tahu ada ranchangan F.L.D.A. dan Ranchangan Pinggir, Ranchangan Terkawal; yang Ranchangan Tersepit ini mana pula?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, dalam Negeri Trengganu tidak ada Tanah Tersepit itu, kalau ada pun dia sengaja tidak sebutkan ranchangan itu di-sini; tetapi di-Negeri Perak Ranchangan Tanah Tersepit ini banyak sangat dan sa-hingga saya nampak Ranchangan Tanah Tersepit ini patut mendapat perhatian juga daripada Ranchangan Tanah Pinggir ini. Ma'ana Ranchangan Tanah Tersepit ini, Tuan Pengerusi, ia-lah diantara tanah yang telah di-buka dengan tanah yang di-tengah²-nya itu terdapat tanah yang tinggal dan tanah itu dinamakan di-Perak dengan Ranchangan Tanah Tersepit. Banyak kerja yang telah di-buat dan di-berikan kepada ra'ayat, tetapi telah terbiar sa-jauh ini, kerana tidak mendapat bantuan yang sa-wajar-nya daripada pihak Kerajaan dan mereka menjalankan kerja sa-chara sendiri. Sa-lain daripada itu, saya suka menarek perhatian di-dalam kawasan saya sendiri ada satu ranchangan tanah yang di-berikan kepada bekas² Anggota Polis, Anggota Pasukan Keselamatan; ada-kah itu masuk ka-dalam Ranchangan Pinggir yang di-maksudkan oleh Menteri itu tidak-lah saya tahu, tetapi apa yang saya nampak bahawa tanah yang di-Redang Penggor dalam kawasan saya itu maseh terbiar sampai pada hari ini. Kalau sa-kira-nya wang peruntukan yang dinamakan pinjaman sa-banyak \$700,000 yang di-minta oleh Menteri ini boleh di-berikan kepada ranchangan tanah yang ada dalam kawasan saya itu, saya rasa ranchangan itu akan berjalan dengan baik-nya dan akan mendapat hasil yang lekas.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan ranchangan tanah ini di-dalam kawasan saya di-Hilir Perak ini sa-tiap petani² itu mendapat dua ekar tanah tambahan daripada tanah bendang mereka itu. Jadi, tanah itu terbiar sampai sekarang entah berapa

tahun lama-nya, ada yang bertanam, ada yang tidak bertanam dan sa-bagai-nya. Sebab²-nya tidak lain dan tidak bukan ia-lah oleh kerana tidak ada masa bagi mereka itu hendak bekerja sebab dia bekerja di-sawah, di-bendang, kemudian dia hendak kejar pula tanah yang di-berikan dua ekar lagi itu jauh daripada kawasan bendang itu, maka dia tidak ada masa hendak menjalankan kerja itu. Apa yang berlaku, Tuan Pengerusi, saya suka memberi tahu Menteri Yang Berhormat ini ia itu tanah² itu luas-nya lebeh daripada 2,000 ekar, di-kumpulkan semua sa-kali hampir 2,000 ekar dan tanah² itu sekarang di-berikan kepada taukeh² untok menanam ubi kayu, dan ubi kayu ini menjadi suatu penghasilan kepada tanah yang di-berikan kepada kaum tani itu, tetapi untong-nya dia tidak dapat, yang dapat ia-lah kepada pemodal² yang menyewa tanah yang 2,000 ekar itu. Saya rasa kalau Kementerian ini mempunyai satu ranchangan boleh menolong kepada petani² yang mempunyai tanah 2 ekar tiap² sa-orang tambahan di-atas tanah bendang-nya itu dan mendapat pinjaman sa-chara langsung atau sa-chara tidak langsung membolehkan mereka itu menanam tanah yang terbiar itu, saya rasa akan besar-lah terima kaseh ra'ayat yang susah itu kepada Kementerian ini. Di-samping tanah yang saya sebutkan tadi itu ada terdapat kawasan orang² Asli dan membetulkan penghidupan mereka itu mengadakan sekolah², mengadakan kelinik dan sa-umpama-nya. Tetapi di-dalam kawasan saya sendiri yang saya tahu mereka ini boleh-lah di-katakan terbiar dan terpenchil daripada segala kemajuan dan apa yang di-namakan pembangunan ekonomi terhadap orang² Asli, jalan ka-kampung mereka pun tidak sempurna, rumah mereka pun tidak sempurna, ladang² mereka pun tidak sempurna, pendek-nya mereka itu tidak mendapat sa-barang perubahan sejak negeri kita menchapai kemerdekaan ini, maka bagi nasib orang² Asli dalam kawasan Redang Penggor kata saya tadi itu merupakan suatu kawasan gelap kepada orang² Asli. Sa-hingga mereka ini pernah berjumpa saya dan saya pergi melawat ka-kawasan rumah² mereka itu, keadaan-nya tidak

banyak berubah daripada masa sebelum kita ini mencapai kemerdekaan.

Saya suka menarek perhatian kepada Menteri Yang Berhormat supaya tolong-lah tengok anak² buah saya di-sana daripada orang² Asli yang mereka itu terbiar dengan kehidupan yang tidak begitu menyenangkan perhatian. Jalan yang tidak sempurna, rumah yang tidak sempurna kalau berlebeh sedikit duit tolong-lah perbaiki rumah² mereka dan jalan² untuk masuk ka-dalam kampung mereka itu serta di-berikan layanan² perubatan kepada mereka, persekolahan yang lebeh baik supaya mereka dapat bergaul dengan orang² Melayu yang ada di-sekitar kampung mereka itu. Pada masa ini mereka bersekolah ia-lah ka-sekolah nama-nya tempat itu Chenderong Balai dan terpaksa berjalan kaki sa-jauh kira² tiga sampai empat batu dan kalau sa-kira-nya kita dapat menimbangkan masalah kehidupan mereka ini, saya rasa tentu-lah orang² Asli ini yang di-dalam kawasan yang saya sebutkan tadi gembira, tetapi yang malang-nya tidak di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu, balek² dia menceritakan ada peruntukan di-negeri Pahang, Negeri Sembilan, negeri Selangor, negeri Kelantan, tetapi tidak ada dalam kawasan saya itu. Jadi, saya minta-lah Menteri itu tolong tengok dan perhatikan kepada kedudukan orang² Asli.

Satu perkara yang saya suka menarek perhatian Menteri Yang Berhormat ia-lah tentang kehidupan orang² Asli di-dalam keadaan-nya sekarang ini, kalau mereka itu dapat di-masokkan ka-dalam masyarakat orang² bumiputra, hospital mithal-nya, dia dapat berchampur² dengan kita dalam hospital yang ada sekarang, sekolah pun demikian, tidak-lah di-asingkan sangat kerana kalau di-asingkan rumah² mereka itu kampung² halaman mereka dan juga layanan hospital, sekolah mithal-nya di-asingkan sampai sa-lama²-nya, maka tentu-lah mereka itu akan terasa bahawa mereka ini terpisah daripada sahabat² dan saudara² mereka yang lain. Oleh kerana itu saya rasa lebeh baik Ranchangan Pemulehan orang²

Asli ini supaya mereka dapat di-bawa bersama² dengan orang² bumiputra—hidup bersama dengan orang² Melayu, dengan kehidupan yang demikian, mereka rasa-nya akan dapat di-jinakkan dan di-perbaiki keadaan² hidup mereka daripada satu masa ka-satu masa. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya berchakap sedikit sahaja-lah. Sambil menyokong peruntukan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian ini, saya hendak menarek perhatian, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, ia itu Kepala 127, Pechahan-kepala 1—Bantuan kepada Kerajaan Negeri², ya'ani Ranchangan² Tanah Pinggir. Saya mengharap bila mana bantuan ini kita hendak hulorkan kepada Kerajaan² Negeri hendak-lah Kementerian ini berhati² dan berchermat serta mengadakan syarat² yang tertentu untuk menyelamatkan wang kita itu kembali. Apa sebab saya katakan bagini, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, kerana dalam masa yang lalu telah berlaku dalam Ranchangan Tanah Pinggir ini 79 kejadian² kehilangan wang yang berjumlah tidak kurang daripada \$300,000 kerana kechurian, penipuan dan kepinchangan yang lain². Sa-lain daripada itu sa-banyak 522 kechurian barang² dalam setor yang berharga lebeh \$300,000. 52 perkara dapat di-selesaikan, tetapi \$80,000 di-jadikan hutang lapok. Jadi, atas masa-alah yang bagini, saya fikir sayugialah di-perhatikan supaya wang² kita ini selamat dan dengan keadaan yang bagini bukan sahaja wang itu hilang, tetapi ranchangan ini gagal. Dato' Pengerusi, kita tidak hendak wang² Kerajaan ini jadi hutang lapok yang tidak dapat di-ambil balek kepada Kerajaan² Negeri.

Kemudian daripada itu, Dato' Pengerusi, saya beraleh dalam kepala itu juga, Pechahan-kepala 2—Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah. Sa-bagaimana di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi beberapa Ranchangan Pinggir telah di-ambil oleh Lembaga ini. Saya menengokkan beberapa Ranchangan Pinggir dalam perinchian saya gagal, dalam negeri Pahang 30 ranchangan itu penoh

dengan semak samun, kurang kawalan. Dalam Negeri Sembilan ada 69 ranchangan kebanyakan-nya di-tinggal-kan, begitu juga di-Kedah yang paling burok, negeri Perak dan Johor keadaan-nya sangat tidak memuaskan. Kita memang mempunyai suatu tujuan supaya ra'ayat yang tidak ada mempunyai tanah itu mendapat tanah, tetapi oleh sebab beberapa halangan sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian tadi, mereka itu jauh daripada kawasan itu dan juga tidak ada mata pencharian hidup yang lain daripada bekerja menjadi buroh. Jadi dia hendak mengulang mengusaha tanah itu satu tempat yang jauh, itu-lah puncha satu daripada sebab-nya tanah² itu gagal—ranchangan itu gagal. Yang kedua-nya mereka ini memang-lah ada mempunyai hasrat hendakkan tanah hendak memulehkan tanah. Yang ketiga-nya, dia tahu masa hidup-nya pada masa akan datang akan lebih baik dengan-nya hasil tanah yang dia dapat malahan pula peratoran dan undang² tanah kita tanah yang sa-umpama ini tidak boleh di-jual dan di-tukar ganti kepada orang lain. Pada hemat saya, Tuan Pengerusi, kalau boleh Kementerian ini mengambil semua tanah ranchangan pinggir itu di-masokkan di-bawah ranchangan pemulehan tanah ini, sebab dengan di-ambil ini dapat di-kawal dan ranchangan itu dapat di-jayakan, malahan pula peruntokan pada men-jayakan ranchangan ini tidak besar bagaimana Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Ini-lah satu ikhtiar saya fikir kalau boleh Kementerian ini menchari wang yang lebih banyak supaya menyeliakan tanah ranchangan pinggir yang gagal saya katakan tadi.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berhubung dengan hal orang Asli. Kalau saya tidak chakap perkara ini menjadi satu soalan pada saya di-belakang hari kelak. Saya berterima kaseh kepada Kementerian ini sebab apa yang saya sungutkan dalam Dewan ini dua balai yang sa-kadar yang sesuai dengan keadaan penduduk orang Asli di-kawasan saya itu tidak begitu ramai telah di-berikan bantuan. Chuma satu lagi sahaja, Tuan

Pengerusi, yang belum dapat ia-itu Balai Raya di-Sawah Sungai Mering di-Asahan. Kemudian satu perkara yang telah di-beri oleh Kerajaan meluluskan tanah kepada tiga kampung orang Asli di-kawasan saya ia-itu di-Gunong Ledang, Paya Kumbuh dan Sawah Mering itu, tetapi yang menjadi rumit kepada orang² Asli itu hendak memugar tanah itu hendak menjadikan kebun tanah itu menanam pokok² getah di-atas tempat itu, itu yang tidak dapat di-jayakan. Saya harap kalau boleh Kementerian ini dapat memberi pertimbangan kepada tanah yang di-luluskan itu beri mereka bantuan untuk menebang, menebas, memerun dan juga di-beri benih. Mereka ini sanggup menanam bagaimana orang² kita Melayu sebab masharakat orang² Asli yang di-tempat ini telah berdamping sangat dengan orang kampung. Kebiasaan hidup-nya macham orang² Melayu di-kampung². Jadi saya fikir sa-takat ini-lah yang dapat saya katakan dalam Kementerian ini dan dengan itu saya ucapkan terima kaseh.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, speaking on Head 102, Sub-head 1—Court Houses \$690,000 I would like to make an observation that, according to what I have been told, cases pending in the Supreme Court have to wait for a couple of years. It is possible that this delay is due to insufficient Court Houses. If that is so, I hope that in next year's Estimates, the Minister will see that sufficient Court Houses are provided and that there is no delay in these cases, which should be finished as quickly as possible.

Speaking under Head 128, provision has been made under Sub-head 1 for \$15,000 and \$23,000 under Subhead 2. In this case, Sir, I would like to point out that Negri Sembilan at one time was a State that had several tin mines, and thousands of people were employed in the mining industry. I would like to point out that if sufficient survey were done in the State of Negeri Sembilan, I am sure there must be several other areas rich in tin bearing that could bring prosperity to the State and bring employment to thousands of people. To mention only

a few areas that had mines and very prosperous mines too—Pajam, Mantin, Circular Road round Seremban, Lukut in the Port Dickson area, Kuala Pilah, Jelebu, Titi; all these areas were very prosperous mining areas. I do hope that allocation would be made to enable a proper survey to be done in these areas so as to bring more prosperity to the State of Negri Sembilan.

Speaking under Head 132—Forestry, Sub-head 2—Timber Research Laboratory (Kepong) and Sub-head 14—Forest Product Utilization Research Centre, at the present moment we would like to see more finished goods, if possible, being sent out in the way of timber, and I am sure proper research could encourage the private industry to produce more finished goods rather than to send out just mere logs, whereby it is the foreign countries who are benefiting more on the timber produced in Malaya than we are being benefited in Malaya. It was quite encouraging to hear the Minister say that research is being done and with the pulp that would be forthcoming, Malaya might be able to produce its own paper. That is very encouraging, but paper is not the only produce that can be brought out from timber. I am sure many other things that are now being produced in foreign countries, or that are being required by foreign countries, could be produced from timber and exported from Malaya as finished products, provided the Research Section will give a proper lead to private industry. Thank you, Sir.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian berchakap atas Kepala 102, Pechahan-kepala 1—Bangunan² Mahkamah. Tuan Pengerusi, saya berpendapat wang sa-banyak \$690,000 ini patut-lah di-besarkan lagi dan di-minta lebeh banyak kerana sa-bagaimana yang di-terangkan oleh salah sa-orang sahabat saya tadi ada mahkamah² telah usang. Di-sini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Mahkamah Rendah dalam kawasan saya ia-itu Mahkamah Jasin dan Merlimau. Mahkamah Jasin ini berdamping dengan Pejabat Daerah dan telah lama serta

terbuka. Jadi, kalau dapat biar-lah diadakan sa-buah mahkamah baharu bagi daerah Jasin ini. Dan juga Mahkamah Rendah Merlimau berchantum dengan balai polis dan kechil sangat mahkamah itu. Saya harap juga dapat sa-buah mahkamah baharu di-benakan.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sedikit berkenaan dengan bangunan² mahkamah ini. Sunggoh pun perkara ini telah banyak di-chakapkan oleh rakan² saya, tetapi mahkamah di-tempat saya di-Temerloh ini satu mahkamah yang istimewa, ia-itu mahkamah yang dibuat pada masa barang-kali saya baharu lahir dahulu. Jadi, saya per-chaya-lah dengan perkataan saya itu dapat Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan mengadakan satu mahkamah yang baharu.

Yang kedua, berkenaan dengan Kepala 127, Pechahan-kepala 2—Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah, saya mengambil peluang di-Dewan ini menguchapkan sa-tinggi terima kaseh kepada Kementerian ini kerana mengambil oleh pentadbiran memulehkan dua kawasan tanah ia-itu satu di-Gong Halt dan satu di-Berhala Gantang. Dua² kawasan ini ia-lah dalam kawasan saya sendiri. Penerangan² yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ada-lah gagal-nya tempat kawasan ini ia-lah kerana peserta² itu dudok jauh, tetapi saya suka membetulkan sedikit berkenaan Gong Halt ini ia-lah peserta²-nya ini belum masuk lagi. Kesilapan²-nya ia-lah pentadbiran, ia-itu kontrekter-nya tidak menjalankan kerja²-nya dan gagal menjalankan kerja-nya dan juga pentadbiran itu telah tidak betul jalan dan pegawai ini telah di-bawa ka-mahkamah dan telah di-hukum. Jadi, itu-lah penerangan berkenaan dengan Gong Halt.

Yang kedua, berkenaan dengan Berhala Gantang ini. Sunggoh pun scheme ini ia-lah jauh daripada kampong terpaksa peserta² itu berjalan, rasa saya kalau tidak silap lebeh kurang tiga batu daripada kampong itu dan satu kawasan yang sangat susah tidak ada jalan dan sa-bagai-nya.

Rasa saya memang sesuai-lah bagaimanapun tegoran yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri di-atas kesukaran² yang di-alami oleh peserta² itu. Dalam pemulehan ini, saya berasa sebab asal kedua² tanah ini ia-lah ranchangan bertanam getah, tetapi oleh sebab rasa saya sekarang masa hadapan untuk getah sangat gelap, ada-kah maseh lagi kita hendak menjalankan ranchangan asal-nya, ia-itu hendak bertanam getah? Tetapi, saya perchaya tentu-lah ini satu dasar Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, pada fikiran saya masa pemulehan, sebab saya tahu tanah² ini belum di-tanam lagi baharu di-jalankan sekarang, dapat kita tukarkan ranchangan asal di-tanam getah itu kepada satu dasar yang baharu, ada-kah hendak tanam kelapa sawit sa-bagaimana di-Gong Halt ia-itu sa-banyak 1,000 ekar dan juga berdekatan dengan estate² yang dekat itu yang bertanam kelapa sawit yang boleh di-samakan kemudian kelak hasil² pengeluaran daripada sini atas satu private estate yang akan mendirikan kilang² untuk mengeluarkan minyak kelapa sawit ini. Ranchangan Berhala Gantang ini ia-lah rasa saya sukar hendak mendirikan ranchangan kelapa sawit, tetapi dalam ranchangan ini kalau sa-kira-nya kemudahan² saperti jalan di-buat daripada kawasan ini kepada jalan besar, kemungkinan-nya boleh jikalau di-jadikan kelapa sawit, maka untuk di-masokkan kilang mengeluarkan minyak itu kepada Ranchangan Jengka Tiga Segi kita yang di-ranchangkan oleh Kerajaan kita yang sedang giat sekarang di-jalankan oleh satu badan World Bank. Ini, rasa saya boleh kita adakan ranchangan kelapa sawit di-tempat ini. Perkara ini, sa-belum kita bertanam, saya rasa dapat saya memberi fikiran supaya dapat Yang Berhormat Menteri membincangkan perkara ini. Dalam Ranchangan di-Gong Halt ini, saya minta sebab peserta²-nya belum masuk lagi, pada masa saya, Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar hendak mengatorkan tetapi sa-telah perkara tanah ini di-ambil alih oleh badan ini saya minta yang pertama sa-kali pekerja² yang hendak di-gunakan oleh pegawai² atau pun pentadbir ini, gunakan-lah

peserta² yang telah di-janjikan atau pun mereka² yang di-sekeliling kampung itu. Sebab, tempat ini bukan-nya sa-bagaimana hutan asli ia-itu pokok² kayu besar, tidak sa-kali², jadi chuma pokok bushes atau pun belukar² sahaja, dan oleh sebab orang² di-daerah kampung keliling itu, orang² yang terdiri daripada orang² miskin, sangat² miskin kerana mereka kebanyakan-nya menjadi buroh² berkerja di-estate Gong Halt yang mendapat pendapatan yang sangat² rendah. Jadi, saya berharap dapat dalam menjalankan usaha menerangkan tanah menanamkan pokok² ini gunakan-lah orang² yang di-daerah di-tempat² itu supaya juga mendapat faedah besar daripada ranchangan kita ini.

Saya masuk kepada perkara hal orang Asli, Pechahan-kepala 1 dan 2, ia-itu meluaskan Perkhidmatan Kerajaan ka-Kawasan Hutan dan Projek² Kechil bagi memajukan Ekonomi orang Asli. Saya sa-kali lagi menguchapkan berbanyak terima kasih kerana kawasan² orang Asli yang di-kawasan saya ada tiga tempat ia-itu di-Fort Iskandar, di-Bukit Rok dan di-Peneras, tiga kawasan yang telah kita adakan sa-mula perkhidmatan² saperti sekolah, balai raya dan perkhidmatan kechil yang lain banyak telah di-adakan oleh jabatan ini. Tetapi kesulitan² berkenaan hal mereka pun banyak juga, kerana kita mengadakan semua perkhidmatan ini, ada dua tiga perkara yang merunsingkan orang² Asli kita sa-masa saya melawat kawasan itu ia-lah perkara hak memilekki mereka atas tanah² yang telah mereka tanam itu. Macham tanah getah, mereka tidak ada geran dan mereka tidak ada penentuan kawasan². Saya tidak tahu-lah di-negeri² lain, tetapi di-tempat saya ini tidak ada. Jadi, saya berharap supaya terjamin hak² mereka² ini kita tentukan hak² mereka itu saperti bertanam getah dua ekar, kampung dua ekar dan tanah sawah mereka. Lagi, perkara untuk hendak memajukan ekonomi orang² Asli ini ada dua tiga perkara yang saya pandang mustahak patut kita mengambil perhatian yang pertama sa-kali ia-lah berkenaan dengan perhubungan antara kawasan² orang² Asli

dengan bandar² macam saya kata di-Fort Iskandar, perhubungan-nya baik kerana dia ada jalan raya yang baik daripada Fort Iskandar di-Bahau, tetapi di-Bukit Rob, di-Peneras dan juga dua tiga tempat lagi perhubungan sangat² susah. Saya perchaya nanti Yang Berhormat Menteri berkata tentu-lah ini terta'alok kepada Kerajaan Negeri yang akan membuat jalan, tetapi rasa saya jikalau Menteri Yang Berhormat dapat merundingkan atau pun mengadakan wang, atau pun berkerjasama dengan Kerajaan Negeri di-buat jalan² perhubungan ini antara kawasan² orang² Asli ini dengan bandar² supaya barang² pengeluaran yang kita telah beri kepada mereka itu, seperti getah yang saya cherita tadi, banyak telah di-tanam oleh orang² Asli di-kawasan saya tidak dapat dengan senang-nya di-bawa ka-bandar², dan begitu juga barang² lain seperti barang² pokok buah²an durian dan sa-bagai-nya. Saya tahu pada satu masa saya ada sendiri masuk ka-tempat itu dengan susah ia itu bagaimana orang² tengah ini membeli barang² mereka ini sangat² murah—durian sa-biji yang sa-patut-nya berharga 60 sen di-beli dengan 15 sen. Ini-lah rasa saya perkhidmatan² kalau dapat di-uruskan oleh jabatan ini supaya mereka² ini terjamin mendapat pendapatan yang baik daripada perkhidmatan mereka dalam perusahaan ini.

Lagi satu sangat penting dalam kita hendak memberi orang² Asli ini melebihi pendapatan dalam hal kehidupan mereka ia-lah pada masa ini kebanyakan orang² Asli sedang giat bertanam padi, boleh di-katakan tiga empat di-situ banyak bertanam padi. Tetapi kesulitan² mereka ia-lah berkenaan dengan mengadakan empangan² ayer di-situ, saluran² ayer kecil kapada paya² mereka. Mereka tidak dapat bantuan daripada Jabatan Parit dan Taliayer dan tidak mendapat wang daripada Ranchangan Wang Bantuan daripada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, kerana bila di-minta wang Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Luar Bandar berkata pergi ka-Jabatan Orang Asli. Jadi, ini rasa saya kalau

dapat jabatan ini mengadakan perkara² ini rasa saya akan melebihi lagi kehidupan mereka² ini.

Penyudah-nya dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan kawasan khas kepada orang² Asli. Ini selalu jadi pergaduhan antara orang² kampung dengan orang Asli, orang China dan orang² Asli. Jadi, kalau-lah kita sekarang mengikut dasar sekarang ia-itu kita menguntokkan kawasan khas kepada orang² Asli, kita tetapkan boundary dan sa-bagai-nya. Kita tahu orang² Asli ini orang yang lemah, jikalau ada pencheroboh² itu, dia tidak tahu hendak mengadu kapada siapa dan mereka itu orang lemah, tinggal begitu sahaja. Tetapi bila Wakil Ra'ayat datang, dia cheritakan-lah keadaan² yang macham itu. Jadi, saya harap jika di-adakan kawasan khas itu biar-lah di-untokkan, di-buatkan penentuan bagi kawasan²-nya itu supaya mereka berasa puas hati dan mereka tidak lagi akan lari ka-tempat² yang jauh dalam hutan untuk dudok, sebab sekarang tugas kita ia-lah hendak mengumpulkan mereka dudok di-kampung².

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan pasaran² sa-bagaimana yang saya cherita tadi, ia-itu pasaran itu sangat wajib. Jabatan Orang² Asli ini menguruskan pasaran getah-nya, ia-itu kalau kita hendak harapkan mereka ...

Tuan Pengerusi: Masa sudah sampai.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Saya habiskan sedikit lagi, Tuan Pengerusi, sa-minit sahaja lagi. Jadi, saya harap pasaran ini dapat di-atorkan, biar-lah Jabatan ini ada satu orang yang pandai betul mengatorkan untuk menghantar barang² mereka ka-pasar. Jadi, dengan itu, rasa saya terjamin-lah kehidupan orang² Asli. Terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 10 besok pagi.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 8.30 malam.